# BAB I

# PENDAHULUAN

## 1.1. PENDAHULUAN

Indonesia merupakan salah satu negara yang memiliki penduduk muslim teramai di dunia,[1] dan ekonomi Indonesia sepatutnya sangat membangun, kerana manusia merupakan sumber ekonomi yang tertinggi. Salah satunya ialah sektor perbankan, yang merupakan sektor yang sangat berperanan aktif dalam membangunkan ekonomi umat.

Sistem perbankan Syariah merupakan sistem perbankan yang beroperasi berdasarkan Al-Quran dan Sunnah, dan memiliki ciri-ciri yang berbeza dengan bank konvensional. Oleh kerana terdapat perbezaan ciri-ciri perbankan Syariah dengan perbankan konvensional menyebabkan timbulnya keengganan pengguna perkhidmatan perbankan, terutamanya bagi pengguna perkhidmatan yang akan berpindah dari bank konvensional ke bank Syariah. Keengganan tersebut disebabkan oleh hilangnya peluang untuk mendapatkan pendapatan tetap berupa faedah daripada simpanan. Hal ini menjadi salah satu halangan bagi bank Syariah untuk mendapatkan pelanggan dengan cepat.

Perbankan Islam dibangunkan atas kesedaran untuk menyediakan kemudahan kewangan kepada umat Islam supaya selaras dengan kehendak Syariah dan berdasarkan kepada prinsip asas iaitu membantu dalam mencapai objektif sosio-ekonomi bagi masyarakat Islam.[2] Idea dasar perbankan Syariah bukan hanya terletak pada larangan pengenaan faedah atau riba sahaja. Perbankan Syariah menunjukkan bahawa etika dan kewangan mempunyai hubungan dalam menyediakan perkhidmatan untuk masyarakat.

---

[1]Donal J. Porter " Managing Politics And Islam In Indonesia" (simultaneously published in the USA and Canada by RoutledgeCurzon, New York, 2002 ), 1.

[2]Norajilah "Tanggungjawab Sosial Korporat: Analisis Perbandingan Di Bank Muamalat Malaysia Berhad Dan Affin Bank Berhad" (Disertasi sarjana Syariah dan ekonomi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2011), 1.

Tujuan disebalik sistem perbankan Syariah ini adalah untuk menghapuskan ketidakadilan dalam masyarakat.[3]

Kewujudan bank Syariah di Indonesia didorong oleh keinginan masyarakat Indonesia terutama masyarakat Islam yang berpandangan bahawa bunga atau interest merupakan sesuatu yang haram. Walaupun demikian, sebenarnya prinsip bagi hasil dalam institusi kewangan telah diketahui secara jelas di negara Islam mahupun bukan Islam. Bank Syariah bukan hanya sahaja mengenai keagamaan (Islam), akan tetapi ini merupakan konsep pengkongsian keuntungan antara pemilik modal dengan pihak pengurus modal. Dengan demikian bank Syariah boleh digunakan dan diurus oleh seluruh masyarakat yang berkemahuan dan tidak hanya sahaja terhad kepada masyarakat Islam.

Perbankan Islam di Indonesia semakin berkembang pesat sejak ianya bermula dengan pertumbuhan bank mualamat. Perkembangan ini sangat memberangsangkan dan ianya dapat dilihat dengan penambahanhan bank-bank Islam yang baru di samping bank-bank konvensional yang mengamalkan kaunter Islam (*Islamic window).*

Di Indonesia perbankan Syariah bermula dengan kewujudan Bank Muamalat Indonesia pada tahun 1991. Tindakan penubuhan bank ini diutarakan oleh Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan kerajan serta mendapatkan sokongan daripada Ikatan Cendekiawan Muslim Indonesia (ICMI) dan beberapa pengusaha muslim. Bank ini telah mengalami krisis kewangan pada akhir tahun 90-an sehingga ekuitinya hanya tinggal sepertiga daripada modal awal. Bank Pembangunan Islam (Islam Development Bank IDB) telah memberi suntikan dana kepada bank ini dan dalam jangka masa 1999-2002 mereka dapat bangkit serta menghasilkan keuntungan. Saat ini kewujudan bank

---

[3]Bjorklund, Irene Lundstrom Lisbeth, “Perbankan Syariah: An Alternatif System” Jurnal, Kristian Stad University, (2004), 4.

Syariah di Indonesia dibawah Undang-undang (UU) No. 7 tahun 1992 tentang perbankan.[4]

Hingga tahun 2007 terdapat 3 institusi bank Syariah di Indonesia iaitu Bank Muamalat Indonesia, Bank Syariah Mandiri dan Bank Mega Syariah. Sementara itu terdapat 19 subsidari Syariah diantaranya merupakan bank besar seperti Bank Negara Indonesia (Persero)[5] dan Bank Rakyat Indonesia (Persero). Sistem Syariah juga telah digunakan oleh Bank Perkreditan Rakyat, saat ini telah berkembang 104 Bank Pengkreditan Rakyat (BPR) Syariah.[6]

Sehubungan dengan itu, perkembangan dan pertumbuhan bank-bank Islam yang semakin rancak di Indonesia dapat melaksanakan peranan sosialnya dalam meningkatkan nilai etika dan moral dalam masyarakat di samping menguatkan ikatan kerjasama dan persaudaraan di kalangan umat. Antara peranan sosial yang perlu di mainkan oleh perbankan Islam ialah memberi sokongan dalam mengembangkan aktiviti-aktiviti berbentuk keagamaan, ekonomi, sosial, dan kebudayaan.

Peranan sosial bank Islam dapat dilihat melalui keprihatinan pihak bank dalam menyokong sebarang aktiviti yang di lakukan oleh pihak tertentu melalui pembinaan bangunan, masjid-masjid, pusat zakat dan sebagainya yang bertujuan untuk menyediakan pertolongan kepada individu yang memerlukan di dalam negara. Selain itu, institusi perbankan Islam diharapkan dapat menyediakan produk-produk pembiayaan yang berasaskan *qard al-hasan* bagi memenuhi keperluan masyarakat dalam memastikan *maqasid Syariah* tercapai. Walaupun prinsip *qard al-hasan* ini dilihat dapat memberikan kemudahan kepada masyarakat yang memerlukan, namun

---

[4]Danu Ramadhan dan Haroni Doli H. Ritonga, "Peranan Perbankan Syariah Terhadap Pengembangan Baitul Mal Wat Tamwil ( BMT ) Di Kota Medan," *Jurnal Ekonomi Dan Kewangan*, 1, No. 1, (2012), 3.
[5] Berhad.
[6]Danu Ramadhan dan Haroni Doli H. Ritonga, "Peranan Perbankan Syariah Terhadap Pengembangan Baitul Mal Wat Tamwil (BMT) Di Kota Medan. 3

begitu, kebanyakan bank Islam yang beroperasi sekarang tidak menawarkan sebarang produk berasaskan prinsip tersebut.[7]

## 1.2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Aceh merupakan salah satu negeri (provinsi) dalam Negara Republik Indonesia. Pada tahun 2010 lebih dari 98 peratus penduduknya beragama Islam. Aceh juga mendapat gelaran sebagai daerah *Serambi Mekah*[9] yang mendapat tiga autonomi oleh kerajaan pusat indonesia iaitu: autonomi dalam bidang agama, adat istiadat, ekonomi dan pendidikan. Dengan adanya autonomi tersebut di dalam bidang ekonomi akan membawa impak yang meningkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang berprinsipkan Syariah Islam. Ini kerana mengikut sejarah Aceh, sejak sebelum kemerdekaan Indonesia, agama, adat-istiadat, ekonomi dan pendidikan adalah berprinsipkan Islam.

Adanya Bank Muamalah Indonesia di Aceh merupakan sebahagian daripada pelaksanaan Syariah Islam yang berkait dengan pemerkasakan ekonomi umat, salah satu wadah yang signifikan dengan keadaan masyarakat. Bank Syariah wajib menjadi medium yang menyokong pembangunan ekonomi masyarakat Aceh ialah dengan menyediakan pelbagai kemudahan terutama modal perniagaan bagi mereka yang mempunyai kedudukan ekonomi yang rendah. Ramai orang Aceh yang suka mencuba untuk berdikari, tetapi halangan utamanya adalah untuk memiliki modal, dan ini memberi peluang kepada bank Syariah untuk mendapatkan pelanggan dan juga penghutang.

Pada suku kedua tahun 2012, prestasi perbankan Syariah di Aceh telah menunjukkan perkembangan yang positif. Peningkatan aktiviti pembaiayaan bertambah sebesar 6.3% walaupun mengalami penurunan dalam akaun Dana Pihak Ketiga (DPK)

---

[7]Norajila, “Tanggungjawab Sosial Korporat” 2.
[9]Ensiklopedia Indonesia, “Seri Giografis” ( Jakarta: PT. Ikhtiar Baru Van Hoeven 1999 ), 36-37.

yang sebesar *negatif* 8.2%.[10] Dan sepanjang suku kedua - 2012 jumlah aset perbankan Syariah di Aceh meningkat sebanyak Rp159.6 miliar berbanding tempoh sebelumnya atau tumbuh 4.5% dan 29.8% menjadi Rp3.7 triliun.[11] Penambahan aset yang cenderung naik tersebut menunjukkan semakin tingginya potensi bank Syariah dalam melakukan pembiayaan, baik dalam bentuk modal kerja, pelaburan, mahupun penggunaan yang dapat menjadi rangsangan bagi perekonomian pada masa hadapan.

Tahap kemiskinan meningkat relatif kecil di Aceh dari 28.4 peratus pada tahun 2004 ke 32.6 peratus pada tahun 2005 jika dibandingkan dengan tahap kehancuran yang disebabkan oleh Tsunami. Pada tahun 2006, tahap kemiskinan menurun ke 26.5 peratus, di bawah tahap kemiskinan sebelum berlaku Tsunami. Tahap kemiskinan pada tahun 2007 seperti yang dianggarkan oleh Badan Pengawas Statistik (BPS) sama dengan tahap kemiskinan tahun 2006. Keluarga yang terdapat di daerah berlaku Tsunami dan konflik mempunyai kemungkinan lebih besar untuk menjadi miskin dibandingkan dengan keluarga yang terdapat diluar daerah konflik dan Tsunami pada tahun 2005. Kemiskinan di Aceh sama dengan daerah lain di Indonesia merupakan faktor luar bandar, di mana lebih dari 30 peratus masyarakat hidup di bawah garis kemiskinan jika dibandingkan dengan 15 peratus di daerah bandar.[12]

Tanggungjawab korporat secara umum ialah komitmen sesebuah organisasi untuk beroperasi secara ekonomi dengan mengambil kira keadaan persekitaran sosial di sekeliling mereka. Sesebuah organisasi tidak sepatutnya hanya mementingkan keuntungan semata-mata, tetapi perlu mengambil kira kepentingan sosial dan kebajikan masyarakat sekeliling, Oleh sebab itu, tanggungjawab sosial korporat ini diberi

---

[10]Prov. Aceh," Perkembangan Perbankan Aceh", dalam Kajian Ekonomi Regional, (Banda Aceh 2012) 39.

[11] *Ibid.*

[12]The World Bank ,BI "Perkembangan Ekonomi Aceh: Multi Donor Fund For Aceh And Nias. April 2008" (Jakarta 2011) 1.

penekanan oleh kerajaan kepada pihak swasta dalam membantu memastikan kebajikan masyarakat sentiasa terpelihara.[13]

Penggunaan istilah Tanggungjawab Sosial korporat atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) semakin popular dengan semakin meningkatnya tanggungjawab sosial syarikat, dan seminar-seminar global, regional dan nasional tentang CSR. Istilah CSR ini diperkenalkan pada tahun 1970-an, saat ini menjadi salah satu bentuk inovasi bagi hubungan syarikat dengan masyarakat dan pengguna. CSR kini banyak diterapkan baik oleh syarikat multi-nasional mahupun syarikat nasional atau tempatan, CSR adalah tentang nilai dan standard yang berkaitan dengan operasi sesebuah syarikat dalam suatu masyarakat. CSR diertikan sebagai komitmen usaha untuk beroperasi secara legal dan berakhlak yang memberi sumbangan pada peningkatan kualiti kehidupan karyawan dan keluarganya, komuniti tempatan dan seluruh masyarakat dalam kerangka mewujudkan pembangunan berkelanjutan.[14]

Sebuah syarikat bukan sahaja perlu mengambil keuntungan yang sebesar mungkin, tetapi juga perlu mempunyai etika dalam bertindak menggunakan sumber manusia dan lingkungan untuk mewujudkan pembangunan yang berterusan. Pengukuran prestasi yang hanya dilihat dari aspek komponen kewangan dan keuntungan tidak akan mampu membesarkan dan melestarikan, kerana seringkali berhadapan dengan konflik pekerja, konflik dengan masyarakat sekitar dan semakin jauh dari prinsip pengelolaan lingkungan dengan prinsip pembangunan berterusan.[15]

---

[13] Norajila " Tanggungjawab Sosial Korporat" 3.
[14] Hardinsyah , "Lingkungan, Masyarakat dan Tanggung Jawab Sosial Syarikat – CSR" laman sesawang *fema. ipb. ac. id* , dicapai 10 April 2013, http://fema. ipb. ac. id/index. php/lingkungan-masyarakat-dan-tanggung-jawab-sosial-syarikat-csr/.
[15] *Ibid*.

Akta kerajaan Indonesia No 40 Tahun 2007[16], pasal 1 ayat 3 menyebutkan bahawa yang di maksudkan dengan CSR adalah, "*Komitmen berhad untuk berperanan serta dalam pembangunan ekonomi berkelanjutan guna meningkatkan kualiti kehidupan dan lingkungan yang bermanfaat, baik bagi korporat, komuniti tempatan maupun masyarakat padaumumnya*". Apabila program CSR tidak dilaksanakan maka kerajaan dapat menjatuhkan hukuman sesuai dengan ketentuan akta yang berlaku (pasal 74, ayat 3). Kepatuhan untuk melaksanakan CSR berdasarkan perintah akta menjadi salah satu dorongan syarikat untuk melakukan CSR.

Carroll[17] menyatakan bahawa CSR dilaksanakan oleh syarikat disebabkan tanggungjawab terhadap ekonomi, tanggungjawab terhadap undang-undang, tanggungjawab terhadap etika dan tanggung jawab terhadap kebajikan. Oleh kerana itu posisi perbankan Syariah sebagai salah satu institusi kewangan yang sudah terkenal di peringkat nasional mahupun antarabangsa harus menjadi institusi kewangan yang boleh dicontohi dalam menggerakkan program CSR. Begitu juga yang terjadi dengan Bank muamalah Indonesia selaku bank Syariah pertama di Indonesia dan juga pertama di Aceh.

Bank Muamalat Indonesia telah mengikut serta dalam kegiatan program kemasyarakatan untuk menjalinkan hubungan baik dengan lapisan masyarakat yang boleh memberikan sokongan. Kegiatan tanggungjawab ini merupakan peranan syarikat dengan masyarakat dalam pengagihan keuntungan melalui program sosio-ekonomi. Oleh kerana itu CSR merupakan satu kesatuan dalam perwujudan peranan bank serta bahagian yang tidak dapat dipisahkan daripada pelaksanaan prinsip-prinsip tata tertib syarikat yang baik.

---

[16]Lihat Undang-undang perbankan Syariah Indonesia.
[17]Carroll "Corporate Social Responsibility; Evolution of Definition Construct". (*Article Business And Society)*, 38, no 3,(1999), 264.

Antara program-program tanggungjawab sosial (CSR) kepada masyarakat yang telah dilaksanakan, adalah seperti berikut[18] :

1. Bantuan untuk kegiatan pendidikan, ekonomi, kesehatan dan lingkungan hidup.
2. Bantuan untuk kegiatan sosial kemasyarakatan, seni budaya, olahraga dan keagamaan.
3. Bantuan pertolongan musibah bencana alam dan konflik sosial.
4. Bantuan Fakir Miskin, Kaum Dhuafa dan Anak Yatim.
5. Meningkatkan ekonomi melalui pemberian bantuan modal usaha kepada peniaga kecil kurang mampu.
6. Kegiatan bakti sosial khitan awam, dan santunan untuk anak yatim dan dhuafa.
7. Penyertaan pembangunan rumah ibadah dan balai pengajian, kegiatan keagamaan dan perayaan hari besar agama di seluruh wilayah/kota dalam wilayah Aceh.
8. Bakti pelayanan kesihatan di daerah yang terpencil dan belum memiliki kemudahan yang memadai.
9. Bantuan sosial pengubatan pesakit kurang mampu.
10. Penyertaan bantuan biasiswa untuk program pendidikan.
11. Penyertaan pembangunan dan pengembangan kemasyarakatan.

Permasalahan yang dikaji adalah bagaimana pelaksanaan dan peranan program CSR yang telah dilaksanakan di Bank Muamalat Indonesia dalam membangunkan ekonomi umat Aceh?

---

[18] Bank Muamalat Indonesia, " news and events Corporate Social Responsibilty", laman sesawang Bank Muamalat Indonesia, Dicapai 10 april 2013,http://www.muamalatbank.com/home/news/muamalat_peduli

## 1.3. PERMASALAHAN KAJIAN

Melihat dari latar belakang yang penulis telah huraikan di atas, maka penulis mengambil masalah pokok yang hendak dikaji adalah tentang sejauh mana peranan institusi kewangan dalam membangunkan ekonomi umat di Aceh melalui pogram sosio-ekonomi korporat.

Sebagai bank Islam pertama di Indonesia, Bank Muamalat Indonesai lazimnya patuh menjalankan undang-undang pemerintah Indonesia dan beroperasi sesuai dengan prinsip-prinsip Syariah Islam. Segala tata-cara operasinya berpandukan pada ketetapan Al-Qur'an dan al-Hadith, khususnya yang berkaitan dengan tata-cara bermuamalat secara Islam. Salah satunya adalah pelaksaanan sosial pengagihan kekayaan korporat melalui program CSR kepada masyarakat.

Penulis akan mengkaji bagaimana pelaksanan program CSR di Bank Muamalat Indonesia? Adakah CSR hanya untuk menunaikan kewajipan sebagai institut kewangan sahaja, atau program CSR di Bank Muamalat Indonesia memang dilakukan kerana berasaskan Islam dalam hal pengagihan kekayaan dan tanggungjawab sesama manusia dalam tolong menolong demi memenuhi keperluan hidup?, Dalam erti kata lain, bagaimana komitmen Bank Muamalat Indonesia dalam melaksanakan program CSR tersebut kepada masyarakat sekitar?

CSR sangat penting memandangkan perkembangan serta kemajuan sesebuah institusi korporat banyak bergantung kepada faktor-faktor lain selain keuntungan perniagaan semata-mata. Sokongan pelbagai kumpulan masyarakat seperti pengguna, pekerja, pemilik modal, kumpulan bukan pengguna serta masyarakat umum banyak membantu dalam meningkatkan prestasi dan kemajuan sesebuah institusi korporat.

Secara umumnya, sektor korporat boleh memainkan peranan dalam tiga aspek iatu ekonomi atau kewangan, kemasyarakatan dan alam sekitar. Ianya sesuai dengan matlamat pembangunan dalam Islam yang telah menggariskan beberapa perkara yang turut menjadi agenda utama keperluan tanggungjawab sektor korpotar semasa, contohnya seperti pembangunan sumber manusia, penghasilan keluaran berguna, peningkatan mutu hidup dan pembangunan seimbang.[19]

Sebagai sebuah institusi kewangan yang melaksanakan program CSR diharapkan dapat mengatasi masalah dan isu sosial serta matlamat politik. Dalam erti kata lain, perniagaan seharusnya menjadi penyelamat dan penyelesai masalah dalam masyarakat. Oleh itu penulis perlu membuat sebuah analisis demi mencapai matlamat kebenaran dalam peranan program CSR di Bank Muamalat Indonesi dalam membangun ekonomi umat Aceh. Adapun permasalahan ini secara terperinci dapat dirumuskan seperti berikut:

1. Bagaimana konsep Pembangunan umat melalui Tanggungjawab Sosial koporat (*Corporate Social Responbilities* , CSR) dari perspektif ekonomi Islam?.
2. Bagaimana pelaksanaan program Tanggungjawab Sosial koporat (*Corporate Social Responbilities* , CSR) di Bank Muamalat Indonesia?
3. Bagaimana peranan program Tanggungjawab Sosial koporat (*Corporate Social Responbilities* , CSR) di Bank Muamalat Indonesia dalam meningkatkan perekonomian umat Islam di Aceh?.

Terdapat kepentingan dan keperluan yang sangat besar untuk mengkaji permasalahan yang dibincangkan di atas kerana hasil kajian sangat berguna dan bermanfaat untuk dicermati dan direnungkan oleh masyarakat, pengguna, pelanggan dan ahli, bagaimana

---

[19] Norajila " Tanggungjawab Sosial Korporat" 6.

peranan perbankan Syariah dalam membangunkan ekonomi umat khususnya umat Aceh melalui program CSR.

## 1.4. OBJEKTIF KAJIAN

1. Menjelaskan konsep pembangunan ekonomi masyarakat melalui Tanggungjawab Sosial koporat (*Corporate Social Responbilities* , CSR) dari perspektif Ekonomi Islam.
2. Mengkaji pelaksanaan program Tanggungjawab Sosial koporat (*Corporate Social Responbilities* , CSR) di Bank Muamalat Indonesia.
3. Menganalisis peranan program Tanggungjawab Sosial koporat (*Corporate Social Responbilities* , CSR) di Bank Muamalat Indonesia dalam meningkatkan perekonomian umat Islam di Aceh.

## 1.5. KEPENTINGAN KAJIAN

1. Memberi maklumat kepada masyarakat tentang impak program CSR di Bank Muamalat Indonesia kepada masyarakat Indonesia umumnya dan Aceh khususnya.
2. Kajian ini dapat menjadi rujukan dan pedoman oleh pihak-pihak penguatkuasa yang terlibatan dengan perbankan Islam di Aceh dan Indonesia untuk merancang strategi yang lebih berkesan bagi meningkatkan peranan bank Syariah dalam membangunkan ekonomi umat.

## 1.6. SKOP KAJIAN

Kajian ini dijalankan di sebuah bank Syariah yang berada di Indonesia yang menjadi pusat kajian bagi melihat bagaimana tanggungjawab sosial korporat dilaksanakan oleh bank yang beroperasi sepenuhnya menurut Islam.? Kajian ini menjuruskan kepada pelaksanaan CSR, bentuk-bentuk CSR, dan kesan daripada pelaksanaan CSR terhadap pembangunan ekonomi umat.

Bank yang menjadi pilihan kajian adalah Bank Muamalat Indonesia. Penulis memilih Bank Muamalat Indonesia untuk dijadikan pusat kajian kerana Bank Muamalat merupakan salah satu bank Syariah pertama yang membuka cawangan di Aceh. Fokus kajian tertumpu kepada pelaksaan program CSR yang dilaksanakan di Aceh melalui Pogram *Islamic Solidarity School* (ISS) dan *Orphan Kafalah Pograml* (OKP), yang merupakan Program Khas yang tidak dilaksanakan di Provinsi lainya di Indonesia.

Bank Muamalat Indonesia ialah sebuah sebuah bank yang beberapa sedekad ditubuhkan, oleh kerana itu penulis akan mengkaji bagaimana bank ini melaksanakan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat dan bagaimana bentuk-bentuk pelaksanaan CSR dilakukan di bank ini serta bagaimanakah dana diperuntukkan oleh bank ini dalam menjalankan aktiviti-aktiviti CSR kepada masyarakat sekitar korporat.

## 1.7. KAJIAN LEPAS

Dalam membicarakan isu mengenai tanggungjawab sosial korporat ini, terdapat beberapa kajian yang boleh dijadikan rujukan dan sumber-sumber rujukan tersebut terdiri daripada kerja seminar, latihan ilmiah, disertasi dan juga artikel-artikel berkaitan yang diperoleh sama ada dari jurnal, web ataupun pengkalan data dalam talian.

Dalam pemerhatian pengkaji terhadap sumber-sumber rujukan dalam kajian ini, maka pengkaji membahagikan kajian lepas ini kepada beberapa kumpulan kecil yang berkaitan dengan tajuk penulisan ini:

### 1.7.1. Kajian Mengenai Konsep CSR Dan Pelaksanaannya Di Istitusi Kewangan Islam

Sayd Farook[20] dalam kajiannya mencadangkan definisi berstruktur sosial di (*Islamic Financial Institutions,* IFI), antara lain, prinsip Islam ekuiti sosial dan keadilan pengagihan semula yang disamakan dengan tujuan IFI iaitu bertanggungjawab dari segi sosial kerana dua sebab yang saling berkait: sebagai institusi kewangan wajib memenuhi obligasi kolektif agama dan kecemerlangan sebagai perantara kewangan. Objektif utama kajian adalah untuk mengkaji definisi dan dasar CSR melalui prinsip Islam. Pengkaji menyatakan bahawa (*Islamic corporate social resonsibilty,* ICSR) berasal daripada prinsip teras dalam al-Quran. Iaitu daripada tiga prinsip asas ICSR: wazir bagi manusia di bumi, Akautabiliti ketuhanan dan duti kepada umat manusia untuk mendakwah kebaikan dan melarang daripada kejahatan. Pengkaji medapati bahawa kajian ini telah memberikan asas bagi ICSR untuk IFI dan justifikasi bagi membangunkan satu standard ICSR yang fleksibel untuk merangkumi kedua-dua mandatori tersebut.[21]

Quazi Sagota Samina[22] menyatakan Evolusi berasaskan Syariah merupakan perkongsian keuntungan-kerugian berpusatkan pada perbankan Islam. Seluruh dunia telah mengubah pemikiran institusi kewangan kepada Prinsip Syariah walaupun

---

[20] Sayd Farook, "On Corporate Social Responsibility Of Islamic Financial Institutions" *Islamic Economic Studies*, Vol. 15, No. 1, July 2007

[21] 1IFI wujud sebagai satu ibadah kolektif ( *fardu Kifayah)* pada masyarakat yang lebih besar ( *ummah).*2.IFI jatuh dalam kategori institusi kelihatan di masyarakat pengantaran kewangan yang bersumber dan memperuntukkan dana.

[22] Quazi Sagota Samina "Practice of Corporate Social Responsibility in Islamic Banks of Bangladesh" *World Journal of Social Sciences* Vol. 2. No. 6. September 2012 Issue. Pp. 1 – 13

dibangunkan di negara-negara barat. Dalam kajian ini pengkaji mencuba untuk mengetahui sama ada Bank Islam Bangladesh mematuhi bentuk yang ditetapkan bagi Aktiviti CSR atau tidak. Karya ini adalah terutamanya direka berdasarkan bentuk CSR untuk diikuti oleh bank-bank Islam, seperti yang telah ditetapkan oleh Farook (2007) dalam kajian beliau bertajuk "Pada Tanggungjawab Sosial Korporat bagi Institusi Kewangan Islam di bawah cahaya Syariah Islam." Pengkaji mendapati pematuhan kepada bentuk-bentuk wajib oleh 6 bank Islam sebagai sampel yang beroperasi di Bangladesh manakala pelbagai penglibatan dalam bentuk aktiviti CSR, yang disyorkan dengan mempertimbangkan senario bank-bank dari 2007 hingga 2011. Kajian ini juga mendapati hubungan positif yang kuat antara CSR deposit perbelanjaan dan sampel bank, pijaman dan keuntungan.

Md. Abdul Kaium Masud dan Mohammad Sharif Hossain[23] menyatakan bahawa Organisasi perniagaan dalam masyarakat bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti yang berbeza wajar sosial bukan sahaja untuk pihak berkepentingan kebimbangan tetapi juga untuk pihak luar yang berbeza. Kini umur maklumat laporan CSR memainkan peranan yang penting di negara-negara membangun seperti di Bangladesh. Globalisasi amalan laporan CSR dijadikan sebuah kewajipan untuk Perniagaan Bangladesh. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui laporan amalan CSR di Bank terpilih di Bangladesh tahun 2010 dan 2011. sampel kajian ialah sepuluh bank perdagangan iaitu Belanda Bangla Bank Ltd, Mercantile Bank Ltd, Perdana Bank Ltd, bank Tenggara Ltd, Eastern Bank Ltd, Bank Negara, Bank Asia Ltd, Dhaka Bank Ltd, City Bank Ltd dan Brac Bank Ltd. Pengkaji mendapati bahawa laporan CSR bank-bank swasta komersial sedang membangunkan hari demi hari. Mereka cuba untuk mengikut

---

[23]Md. Abdul Kaium Masud, Mohammad Sharif Hossain "Corporate Social Responsibility Reporting Practices in Bangladesh: A Study of Selected Private Commercial Banks" *IOSR Journal of Business and Management (IOSR-JBM) ISSN: 2278-487X. Volume 6, Issue 2 (Nov. - Dec. 2012), PP 42-47*

peraturan akta kewangan dan Bank perdagangan swasta mempunyai sumbangan besar dalam ekonomi masyarat, imej korporat untuk membangunkan sebuah masyarakat yang bertanggungjawab.

Asyraf Wajdi Dusuki[24] membicarakan mengenai pandangan Islam mengenai tangungjawab sosial korporat. Menurut beliau, pandangan Islam terhadap CSR lebih bersifat kerohanian (*holistic)* yang berdasarkan kepada dua sumber utama dalam Islam iaitu Al-quran dan Al- sunnah. Al-Quran dan Al-Sunnah telah menetapkan satu rangka kerja alternatif berkaitan dengan hubungan manusia dengan manusia dan juga makhluk Allah SWT yang lain. Prinsip-prinsip etika dan moral yang sekaligus dapat menjadi panduan yang terbaik bagi institusi korporat dalam menjalankan aktiviti perniagaan seiring dengan tanggungjawab sosial mereka. Asas kepada kefahaman mengenai CSR dalam Islam adalah bermula dengan konsep Syariah itu sendiri yang merupakan tapak asas bagi sesuatu perkara dalam Islam. Selain itu juga, paradigma taqwa menjadi kunci kepada setiap tindakan yang dilakukan oleh seseorang muslim. Ketaqwaaan kepada Allah SWT merupakan pendorong seseorang Muslim dalam menjaga, memahami dan menguruskan alam ini menurut kehendak Syariah berdasarkan peranan mereka di bumi ini. Pengkaji juga turut membiarakan mengenai kesan Syariah terhadap CSR. Secara umumnya, keprihatinan terhadap tanggungjawab sosial dalam Islam bertitik tolak daripada ketaqwaan kepada Allah SWT yang merupakan faktor penggalak seseorang individu Muslim dalam melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan larangannya.

[24]Asraf Wajdi dusuki "What does Islam Say About corporate sosial Responsibilty?" *review of Islamic Economics*, Jil. 12 Bil. 1, (2008), 5-28

Nadia Albu et all[25] menyatakan bahwa Tanggungjawab sosial korporat merupakan isu-isu utama dalam perniagaan semasa alam sekitar. Akauntan berperanan penting dalam tanggungjawab sosial korporat seperti laporan, ketelusan, etika, pematuhan undang-undang, komunikasi dengan pihak berkepentingan, dan penggunaan sumber. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis peranan akauntan dalam tanggungjawab sosial korporat, dengan penekanan mengenai kes di Romania. Melalui kajian literatur dan analisis kerja yang ditawarkan, pengkaji menyiasat kewujudan amalan tanggungjawab sosial korporat di Romania dan implikasinya terhadap profesion perakaunan. Pengkaji mendapati bahawa amalan yang dibangunkan dapat meningkatkan tahap di Romania. Akauntan Romanian semakin dipanggil untuk mengubah nada kerangka am CSR yang mematuhi undang-undang, komunikasi dengan pemegang kepentingan dan prestasi, sekaligus membawa kepada peningkatan dalam kepentingan fungsi perakaunan dalam sesebuah organisasi. Langkah berikut akan menjadikan akauntan terlibatan dalam tindakan tertentu mengenai implikasi alam sekitar dan sosial yang jarang berlaku di Romania. Pengkaji mencadangkan untuk profesional menyesuaikan pendidikan lebih kepada realiti persekitaran perniagaan semasa.

Muhammad Yasir Yusuf[26] telah membuat kajian tentang pembiayaan Baitul Mal Aceh menggunakan model pelaksanaan CSR bank Syariah Aceh. Baitul Mal Aceh adalah institusi zakat yang berfungsi sebagai pemungut, penyalur dan pengawal harta zakat di Aceh.. Dalam kajian ini pengkaji menganalisa kepada model pelaksanaan CSR bank Syariah bedasarkan penggagihan zakat produktif Baitul Mal Aceh, pengkaji mendapati bahawa apa yang dilakukan oleh Baitul Mal dengan melaksanakan zakat produktif boleh dijadikan perbandingan yang konstruktif dalam pembuatan program

---

[25] Nadia Albu et All, The Implications Of Corporate Social Responsibility On The Accounting Profession: The Case Of Romania" *Jurnal Academy Of Economic Studies*, Romania, Vol. Xiii • No. 29 • February 2011

[26]Muhammad Yasir Yusuf ,"Model Pelaksanaan CSR Bank Syariah: Kajian Empiris Pembiayaan Mikro Baitul Mal Aceh", *Jurnal Ekonomi Islam La-Riba*, IV, No. 2 (2010),1.

CSR pada perbankan Syariah. Dana yang dikumpulkan perbankan Syariah sama ada dari dana zakat, infaq, sedekah dan keuntungan bank lebih layak untuk diproduktifkan berbanding dengan apa yang dilakukan oleh Baitul Mal Aceh. Pengkaji juga menyatakan bahawa pelaksanaan CSR bank Syariah telah dibangunkan dengan kebijakan dan model yang tepat bukan hanya memberikan kesan positif bagi perbankan Syariah, akan tetapi CSR bank Syariah Aceh boleh menjadi salah satu pisau tajam untuk pengentasan kemiskinan dalam masyarakat Indonesia.

Ghazali Syamni[27] mengkaji penerapan program *corporate social responsibility* di wilayah Aceh: kasus PT. ARUN NGL lhokseumawe. Pelaksanaan CSR akan membuat pelanggan lebih tertarik dengan syarikat, meningkatkan keuntungan, dan dapat membuat syarikat kelihatan lebih berbeza di kaca mata masyarakat. Pengkaji juga menjelaskan manfaat daripada pelaksanaan CSR tersebut dengan menyatakan terdapat empat manfaat yang diperoleh bagi syarikat yang mengimplementasikan CSR. Pertama, syarikat dapat tumbuh secara berterusan mendapat imej posistif dari masyarakat. Kedua, syarikat lebih mudah memperoleh akses terhadap modal. Ketiga, syarikat dapat mempertahankan sumber daya manusia (*human resources*) yang berkualiti. Keempat, syarikat dapat meningkatkan pengambilan keputusan pada hal-hal yang kritis (*criticaldecision making*) dan mempermudahkan pengelolaan pengurusan risiko. Dalam analisisnya pengkaji menjelaskan bahawa CSR di PT. ARUN lhoksemawe dilaksanakan dalam bidang pendidikan, ekonomi, dan juga keagamaan. Hasil kajian menunjukkan salah satu program CSR bidang keagamaan menjadi perhatian dari PT. ARUN. Hal ini disebabkan kerana PT. ARUN NGL berada di Aceh yang merupakan daerah yang memiliki latar keagamaan yang kuat. Bagi CSR bidang pendidikan pula, hal ini kerana masyarakat wilayah Aceh memiliki taraf pendidikan yang rendah maka PT. ARUN,

[27]Ghazali Syamni “Penerapan Program Corporate Social Responsibility di Provinsi Aceh: Kasus PT Arun NGL Lhokseumawe” *Jurnal Fakultas Ekonomi, Universitas Negeri Semarang* ( 2012 ),1.

pemerintah dan sektor swasta lain membantu untuk percepatan program pendidikan bagi masyarakat sekitar indusri khususnya.

Norajila Che Man, Joni Tamkin Borhan[28] juga mengkaji CSR di Malaysia tentang implikasi dan keberkesanannya kepada masyarakat. Pengkaji menjelaskan bagaimana teori CSR dalam konvensional dan bagaimana teori CSR dalam Islam. Menurut teori Islam konsep CSR lebih menjurus kepada pendekatan kerohanian. Pandangan bersifat rohaninya adalah berteraskan daripada ajaran Al-Quran dan Al-Sunnah. Dan idea mengenai tanggungjawab sosial ini terkandung dalam ikatan kerohanian (*religious bond*). Ikatan ini memerlukan setiap individu untuk berserah kepada ketetapan Syariah dengan melaksanakan setiap tanggungjawab yang telah ditetapkan dan menjalani kehidupan di muka bumi ini dengan berasaskan kebaikan dan kemurnian akhlak sebagaimana dituntut oleh. Dalam implikasi dan kesan dalam pelaksanaan CSR terhadap masyarakat pengkaji mendapati bahawa pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat ini sememangnya memberi kesan yang positif kepada syarikat dan masyarakat termasuk juga agama, bangsa dan negara.

Carroll Archie B.[29] menyentuh beberapa ciri-ciri yang ada pada Tanggungjawab sosial korporat yang hanya tertumpu kepada moral dan hala tuju perusahaan organisasi *stakeholders.* Perbicangan tanggungjawab sosial korporat ini digambarkan dalam bentuk pyramid yang merangkumi tiga moral dan hala tuju stakeholder iaitu pengursan tidak bermoral, pengurusan yang tidak berdasarkan ukuran moral dan pengurusan moral khusunya pada pelanggan dan masyarakat tempatan. Namun ianya besesuaian dengan tajuk kajiannya yang hanya tertumpu kepada ciri-ciri yang ada pada tanggungjawab sosial terhadap organisasi stakeholder sahaja. Pengkaji turut membicarakan mengenai

---

[28]Norajila dan Joni Tamkin Bin Borhan, “Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat: Implikasi Dan Keberkesanannya Kepada Masyarakat Implementation Of Corporate Social Responsibility: Implications And Effectiveness To The Community” *Jurnal Inovasi dan Pertumbuhan Ekonomi,* 2, no. 2231-962x (2010) 210 – 218.

[29]Caroll Arhie B. “ The phyramid of Corporate sosial responsibility: Toward the moral Management of organizational Stakeholder”. *Business Horizons,* july-August 1991, ( 1991), 39-48

empat peringkat tanggungjawab dalam pyramid tanggungjawab sosial korporat. Ia terdiri daripada tanggungjawab ekonomi, tanggungjawab undang-undang, tanggungjawab etika dan tanggungjawab *philanthropic.* Setiap satu kategori tanggungjawab memerlukan perhatian yang lebih mendaalam bagi sektor korporat.

Sarmila Md Sum[30] menyatakan bahawa kajian terhadap projek CSR perladangan cili kontrak mendapati wujudnya usaha membina keupayaan dalam kalangan para peladang yang terlibat. Bermula dengan proses pembelajaran yang disediakan oleh pihak Pertumbuhan Peladang Kawasan (PPK) dan juga pihak syarikat korporat yang terlibat, peladang berpeluang untuk meningkatkan ilmu pertanian mereka yang sedia ada. Peladang yang terlibat dengan projek cili ini sebenarnya telah membina kapasiti mereka melalui proses pembelajaran dan peningkatan ilmu pertanian. Keseluruhannya, pembinaan keupayaan atau kapasiti yang wujud dalam projek perladangan cili kontrak ini adalah hasil gabungan pelbagai faktor. Projek perladangan cili kontrak ini telah disokong oleh pihak PPK dan syarikat korporat yang mengambil tanggungjawab bagi memastikan kapasiti komuniti dapat dibangunkan di samping kecekapan pihak mereka sendiri iaitu bagi pihak PPK, sebagai agen pembangunan dan bagi pihak syarikat korporat pula ialah sebagai perlaksanaan usaha CSR yang dapat meningkatkan nilai masyarakat tempatan sebagaimana prinsip perniagaan syarikat.

Mohd Rizal Muwazir *et. al*[31] membincangkan mengenai konsep CSR ini dengan melihat kepada pendekatan tauhid. Organisasi korporat tidak hanya menjalankan operasi perniagaan mereka semata-mata namun turut menyumbangkan dalam membangunkan keperluan sosial masyarakat dengan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Tanggungjawab sosial dalam Islam berasaskan dari konsep persaudaran dan keadilan

---

[30]Sarmila Md Sum, “Usaha Tanggung Jawab Sosial Korporat (CSR) dalam meningkatkan keupayaan komuniti: Kajian kes peladangan cili di Bukit Awang, Pasir Puteh, Kelantan” *Journal Of Society* 5, no. 2180-2491 2012), 1 – 13.
[31]Mohd Rizal munawir @ Mukhazir, Rusnah Muhamad & kamaruzzaman Noordin “ Coreporate Sosial Respnsibility Disclosure: A Tawhidic Approach” *Jurnal Syariah*, 14 no 1, ( 2006), 125-142.

sosial. Konsep ini diperkukuhkan lagi dengan konsep ukhuwwah yang menjadikan setiap individu muslim bertanggungjawab terhadap saudaranya yang lain. Objektif utama tanggungjawab sosial adalah untuk melaksanakan tanggungjawab tidak hanya kepada Allah SWT dan umat manusia tetapi merangkumi juga makhluk Allah SWT yang lain. konsep tauhid juga turut menunjukkan peranan manusia tidak hanya sebagai hamba bahkan sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi. Kajian ini juga turut mengemukakan model pendekatan tanggunjawab sosial korporat dari perspektif Islam. Pengkaji menyatakan bahawa pendekatan tauhid menerangkan mengenai pendedahan tanggungjawab sosial korporat Islam melalui tiga hubungan iaitu hubungan dengan Allah SWT hubungan dengan manusia dan juga hubungan dengan persekitaran.

Jalal, Reza Ramayana[32] menjelaskan syarikat yang dapat menjadi anggota kemitraan adalah syarikat yang sudah memiliki program Tanggungjawab Sosial serta program-program dermawan. Pengkaji mendapati bahawa perkongsian juga sangat sesuai dalam mengelakkan pertindihan program pembangunan. Keberadaan unsur pemerintah (daerah), dalam hal ini pemerintah kabupaten di Madura, dalam perkongsian tentu dapat menjadi penyelaras bagi usaha-usaha pembangunan di wilayah tersebut, termasuk di dalamnya yang akan dilaksanakan melalui program tanggungjawab sosial syarikat.

Tanggungjawab sosial juga dikaji oleh Sanusi Abdul Manaf[33] berdasarkan konsep tanggungjawab sosial dari perspektif barat dan Islam. Pengkaji juga mengkaji dengan lebih dekat tentang tanggungjawab sosial yang dimainkan Institusi Tabung Haji dalam menguruskan hal-ehwal para jamaah haji, dan juga pengkaji mengkaji konsep CSR dengan perkhidmatan institusi tangung haji terutama dalam aspek tanggungjawab

---

[32]Jalal dan Reza Ramayana, “Tanggung Jawab Sosial Syarikat (CSR) serta Kemitraan Tiga Sektor *(tri sector partnership)* untuk Pembangunan Berkelanjutan di Kabupaten-Kabupaten di Madura” *Jurnal, Lingkar Studi CSR,* A+ CSR Indonesia. Patal Senayan - Jakarta 12210, Indonesia (2007).

[33]Sanusi, “Tanggungjawab Sosial Dalam Pentadbiran Menurut Perspektif Islam: Satu Kajian Di Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji Kuala Lumpur.” (Disertasi Master jabatan siasah syar’iyah, Universiti Malaya. Kuala lumpur, Malaysia 2006 )

sosial dalam pertadbiran Islam. Dapatan kajian membuktikan bahawa Institusi Tabung Haji telah berjaya memainkan peranannya dalam membantu masyarakat Islam di negara Malaysia melalui '*job scope'* yang diberikan kepada mereka. Masyarakat yang suatu ketika dahulu menempuh perlbagai kesukaran dalam usaha untuk menunaikan haji kini boleh berbuat demikian dengan midah dan lancar melalui perlbagai kemudahan dan perkhidmatan yang cekap yang disediakan oleh Institusi Tabung Haji.

Ahmad Nurkhin[34] menyatakan bahawa CSR semakin mendapatkan perhatian di kalangan dunia perniagaan, karena akan memberikan nilai lebih bagi syarikat. Namun pemahaman tentang CSR belum mendalam, sehingga di Indonesia pelaporan dan penzahiranya masih relatif terhadap penelitian-penelitian yang berkaitan dengan CSR, antara lain menghubungkan antara sistem pekerja sosial dengan sistem pekerja kewangan. Hujah belrau adalah bahawa syarikat yang mempunyai sistem kerja kewangan yang baik akan melakukan laporan dan pengungkapan CSR dengan baik. Penelitian-penelitian tentang penzahiran sosial atau tanggungjawab sosial juga menunjukkan hasil yang beragam dan menarik untuk dikaji semula. Dalam kajian ini juga pengkaji mengkaji pengaruh pemilikan institusi, komposisi institusi pesuruhjaya bebas, dan keuntungan pada pendedahan tanggungjawab sosial dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Indonesia? Kajian mendapati bahawa ukuran syarikat sebagai pemboleh ubah kawalan terbukti berpengaruh secara signifikan terhadap pendedahan tanggung jawab sosial syarikat, sementara jenis industri tidak terbukti.

Siti Norasmarina[35] mengkaji CSR di Petronas Malaysia laporan dari tahun 1974-2006. Kajian ini menjelaskan bahawa konsep tanggungjawab sosial yang diamalkan

---

[34]Ahmad Nurkhin,"*Corporate Governance* Dan Profitabilitas; Pengaruhnya Terhadap Pengungkapan Tanggung Jawab Sosial Syarikat: Studi Empiris Pada Syarikat Yang Tercatat Di Bursa Efek Indonesia" (Disertasi program studi magister Akuntansi, Universitas Diponogoro. Indonesia 2009).
[35]Siti Norasmarina Bt Ismail, "Tanggungjawab Sosial Petronas 1974-2006", ( Disertasi Master Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, kuala lumpur 2009).

oleh petronas terutamanya dalam bidang sosial dan menilai pelaksaan tanggungjawab sosial dan impaknya ke atas badan koporat dan masyarakat. Pengkaji menyatakan bahawa tanggungjawab sosial akan mewujudkan persekitaran perniagan yang lebih baik. Perubahan-perubahan yang berlaku dalam hidup masyarakat akan lebih mengutungkan perniagaan dan juga akan meningkatkan kredibiliti petronas sebagai badan korporat yang unggul. Pengkaji juga mendapati bahawa Petronas telah melunaskan tanggungjawab sosial baik melalui program-program yang dijalankan iaitu berdasarkan modal insan yang berkualiti. Ia juga memberikan kesan yag positif kepada masyarakat kerana berjaya mengurangkan kesusahan.

### 1.7.2. Kajian Peranan Institusi Kewangan Syariah Dalam pembangunan Ekonomi Umat

Choirul Salem,[36] membincangkan tentang kegiatan syarikat perekonomian rakyat dalam sektor industri, kepentingan pembangunan ekonomi rakyat bagi daerah, serta stategi dan perencanaan pengembangan perekonomian rakyat dan diakhiri dengan langkah-langkah penyusunan strategi pembangunan perekomian rakyat dan koperasi. Pengkaji mengambil kira bahawa strategi pembangunan dan pengembangan perekonomian rakyat pada umumnya meliputi beberapa bidang iaitu pengembangan ekonomi sektor informal, syarikat keluarga (*home industry*), industri kecil, industri menegah dan koperasi. Pengkaji juga turut memberikan gambaran tentang langkah utama yang tepat dalam strategi pengembangan perekonomian rakyat dan koperasi iaitu dengan memerhatikan secara teliti lingkungan dan faktor-faktor dokongan yang lain. Identifikasi masalah, penentuan penyusunan alternatif hingga pada tahap akhir berupa pelaksanaan dan

[36]Choirul salem, “Stategi pengembangan perekonomian rakyat dan koperasi di daerah” *Jurnal Administrasi Negara*, l No. 1 September 2000) 28-36.

evaluasi. Kajian ini juga telah membantu untuk memperkuatkan tetang pengukuran keberkesanan dengan mempelajari faktor- faktor lingkungan, pelaksanaan dan evaluasi yang ditawarkan.

Asmak Ab Rahman[37] mengkaji peranan wakaf dalam membangun ekonomi umat dalam menggerakaan kegiatan ekonomi masyarakat di Malayasia. Pengkaji menyatakan tanah wakaf adalah salah satu dari pada sumber kewangan Islam yang mana menerusi penyediaan premis perniagaan dan bangunan komersil di atas tanah wakaf, umat Islam berpeluang mendapatkan kadar sewa yang lebih berpatutan, memperkenalkan perniagaan bumiputra Islam dan mengurangkan pergantungan daripada sumber kewangan yang lain. Secara aplikasinya di Malaysia pengkaji menyatakan Majlis Agama Negeri sendiri berjaya mendapatkan pulangan pendapatan daripadanya sepertimana yang di lakukan oleh Majlis Agama Islam Johor, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan. Pelaksanaan wakaf adalah salah satu dari pada institusi kewangan Syariah yang dapat membangunkan perekonomian umat dan peranan wakaf dapat menyumbang kepada aspek kebajikan masyarakat Islam khasnya kerana sifatnya sebagai institusi kebajikan yang bukan bermatlamatkan keuntungan.

Joni Tamkin[38] menyatakan pembangunan ekonomi umat merupakan konsep yang multi-dimensi dan komprehensif mengandungi persoalan ekonomi dan bukan ekonomi. Pembangunan ekonomi adalah salah satu komponen penting dalam konsep pembangunan yang komprehensif. Ia juga merangkumi aspek-aspek yang boleh diukur dan tidak boleh diukur. Pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam adalah syumul, menyeluruh, multi dimensi dan bersepadu antara aspek rohani dan kebendaan melalui pendekatan fungsi kebajikan sosial dalam Islam untuk untuk mencapai

[37]Asmak Ab Rahman, " Peranan Wakaf Dalam Membangunkan Ekonomi Umat Islam Dan Aplikasinya Di Malaysia" *Jurnal Syariah,* Univertisi malaya, 17, No. 1 (2009).
[38]Joni Tamkin Borhan, "Pemikiran Pembangunan Ekonomi Berteraskan Islam, *Jurnal Usuluddin,* Bil 27, ( 2008 ), 93-107.

kecekapan penggunaan, pengeluaran dan pengagihan pendapatan, dan kekayaan dalam Islam yang tertakluk kepada konsep maslahah dan prinsip *maqasid al-Shari`ah.* Teori pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam adalah asas kepada pembentukan umat yang bertamadun, umat yang kuat dan kental iman, dan rohani, umat yang mempunyai kesuksesan hidup dan umat yang mencapai *al-falah* dalam kehidupan duniawi dan ukhrawi. Manakala konsep pembangunan ekonomi dalam Islam mengandungi nilai di mana objektif utamanya ialah untuk mencapai kebajikan manusia. Menurut Islam pembangunan ekonomi tidak dianggap lengkap tanpa adanya pembangunan nilai moral seperti dalam teori pertumbuhan ekonomi konvensional. Nilai-nilai moral ini adalah aspek yang tidak boleh diukur dan tidak boleh dipisahkan dalam membangunkan ekonomi sesebuah negara.

Masriadi[39] mengkaji peranan perbankan Islam dalam pengembangan industri kecil dan sederhana di kota Pekanbaru Riau, objeknya ialah analisis terhadap intrumen murabahan, terhadap perkembangan industri kecil dan sederhana di Indonesia. Analisis dilakukan dalam pembiayaan peralatan, pembiayaan kenderaan, dan pembiayaan premis peniagaan. Pengkaji mendapati bahawa istitusi kewangan telah memainkan peranan penting dalam mendorong pembangunan dan pengembangan sektor industri secara berterusan dalam pelbagai aspek, sama ada modal, teknologi, pengangkutan mahupun dalam penyediaan infrastruktur penyokong. Dalam hal ini bank Islam sebagai bahagian dari pada institusi kewangan yang bertangungjawab menyalurkan wang hasil dari pada perlbagai jenis simpanan pelanggan telah memperlihatkan peranan yang siqnifikan dalam pembiayaan peralatan, kenderaan, mahupun perumahan atau perniagaan.

---

[39]Masriadi, "Peranan Perbankan Islam Dalam pengembangan industry kecil dan sederhana di kota pekanbaru, riau: analisis terhadap instrument Murabahah" (Disetrasi jabatan Syariah dan Ekonomi Universiti Malaya 2010).

Dewi Hartini[40] mengkaji tentang peranan perbankan Syariah dalam pembangunan ekonomi umat Islam di Bank Pengkreditan Rakyat (BPRS) Sumatra Utara, Indonesia. Kajian ini membincangkan bagaimana amalan Bank Perkredikatan Rakyat Syariah di Sumatra Utara, meninjau lebih mendalam tentang BPR Syariah, baik dari apek sejarah, produk yang di tawarkan serta operasinya dalam pembangunan ekonomi umat, dan menganalisis peranan BPR Syariah dalam pembangunan ekonomi umat Islam di sumatera utara. Analisis yang dilakukan iaitu perkhidmatan-perkhidmatan BPRS Sumatra Utara baik itu penyimpanan wang mahupun pembiayaan dan pemberian modal kepada masyarakat, hasil usaha BPRS dalam meningkatkan perekonomian umat Islam di Sumatra Utara, yang terakhir pandangan umat Islam terhadap BPRS di Sumatra Utara. Didapati bahawa Bank Pengkreditan Rakyat Syariah (BPRS) memiliki peranan yang penting di dalam membantu mengembangan perekonomian umat uslam di Sumatra Utara, khususnya bagi para penianga kecil dan mayarakat berekonomi lemah lainya.

Nasrudin Yaakub[41] mengkaji tentang peranan Bank Islam Malaysia Berhad Institute Of Research And Traning (BIRT) terhadap perkembangan sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Kajian ini membincangkan bagaimana sumbangan BIRT terhadap perkembangan sistem perbankan dan kewangan di Malaysia dan meninjau dengan dekat peranan yang dimainkan oleh setiap jabatan yang wujud di BIRT dalam menyumbangkan ke arah kemajuan sistem perbankan dan kewangan Islam dan segala aktiviti dan diprogram yang dijalankan oleh BIRT dihalusi satu persatu bagi menzahirkan lagi sumbangannya terhadap kemajuan sistem perbankan dan kewangan Islam di Malaysia. Dapatan kajian pengkaji mendapati bahawa semua pihak yang

---

[40]Dewi Hartini "Peranan Bank Pengkreditan Rakyat Syariah ( BPRS) Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Islam Di Sumatra Utara, Indonesia" (Disertasi Master Syariah Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Universiti Malaya, 2007)

[41]Nasrudin Bin Yaakub, "Peranan Bank Islam Malaysia Berhad Institute Of Research And Training (BIRT) Terhadap Perkembangan Sistem Perbankan Dan Kewangan Islam Di Malaysia" (Disertasi Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Universiti Malaya 2000).

terlibat perlu berkerjasama dalam memastikan BIRT sebagai sebuah institusi yang berorientasikan latihan dan penyelidikan, perundingan dan nasihat, pendidikan dan penerbitan bahan akademik yang berkaitan dengan sistem perbankan dan kewangan Islam terus wujud di negara Malaysia.

Kajian Eneng Fauziah[42] tentang peranan suatu institusi dalam perekonomian Islam dalam membangun ekonomi umat. Kajian ini mengambil objek kajian analisis di Bank Syariah Mandiri (BSM) Jawa Barat Indonesia dari tempoh 2006-2009. Permasalahan yang dikaji ialah bagaimana peranan dan kontribusi Bank Syariah Mandiri (BSM) dalam meningkatkan ekonomi umat Islam di Indonesia secara umum dan Jawab Barat secara khususnya. Pengkaji menyatakan bahawa Bank Syariah Mandiri sangat bermanfaat bagi masyarakat dalam memulihkan ekonomi khususnya masyarakat kecil. Dapatan ini boleh dilihat daridapa peranannya dalam mengurus pendanaan dari golongan masyarakat menengah dan miskin, memperbesarkan *partofolio* pembiayaan untuk skala menengah dan kecil, serta mendorong kepada kewujudan pengurusan zakat, infak dan sedekah yang lebih efektif sebagai cermin keprihatinan sosial di Jawa Barat pada khususnya dan Indonesia pada umumnya.

Noorhasbi Ismail[43] membincangkan pembangunan ekonomi melalui Yayasan Pembangun Ekonomi Islam Malaysia (YPEIM) dalam membangunkan minda Am di Kelantan. Dalam kajian ini pangkaji membicarakan tentang YPEIM sebagai sebuah yayasan yang terlibat dalam pembangunan ekonomi Islam. Pembangunan minda menjadi dasar yang menunjangi agenda pembangunannya. Maka, tumpuan utama di berikan kepada sumbangan dalam pembangunan minda dengan mengambil Kelantan sebagai lokasi kajian. Hasil penyelidikan yang di lakukan mendapati bahawa usaha-

---

[42]Eneng Fauziah " Peranan Perbankan Syariah Dalam Pembangunan Ekonomi Umat Kajian Di Bank Mandiri (BSM) Jawa Barat, Indonesia", (Disetrasi Master Syariah Dan Ekonomi, Universiti Malaya 2011)

[43]Noorhasbi Binti Ismail, "Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia ( YPEIM): Suatu Kajian Mengenai Sumbangannya Dalam Pembangunan Minda Di Kelanta" (Disetrasi Master Jabatan Sejarah Dan Tamdun Islam, Univertisi Malaya 2004 )

usaha yang dilaksanakan oleh YPEIM menampakkan penerimaan yang baik dan kesan yang positif dalam pembangunan minda dan peningkatan taraf ekonomi di kelantaan.

Heri Sunandar [44] mengkaji aktiviti dan pertumbuhan istitusi-istitusi kewangan Islam di provinsi Riau, hubungan antara institusi-institusi kewangan Islam di provinsi Riau, pelbagai permasalahan dan cadangan penyelesaianya dalam mengimplimentasi sistem Syariah di Provinsi Riau, prinsip-prinsip utama dalam aspek muamalah yang diterapkan pada istitusi kewangan Islam di provinsi Riau, peranan perbankan Syariah dalam memajukan ekonomi rakyat di provinsi Riau iaitu usaha menengah, usaha kecil dan koperasi serta masyarakat secara lebih luas, hubungan antra institusi-institusi kewangan Syariah khususnya bank-bank syarah di Provinsi Riau, sikap dan persepsi masyarakat tentang perbankan Syariah di Provinsi Riau. Setelah penganalisaan beliau mendapati beberapa kesimpulan iaitu: secara umum bank-bank Syariah di Indonesia mampu berkembang di tengah-tengah kejatuhan ekonomi nasional. Dan secara khususnya bank Syariah di Riau sangat besar peranannya dalam memajukan sektor ekonomi mikro Islam di pelbagai macam produk isntitusi kewangan Syariah baik secara langsung (*diret function)* mahupun peranan yang bersifat tidak langsung (*indirect foundation*).

### 1.7.3. Kajian Institusi Kewangan Di Aceh

Sofyan[45]mengkaji peranan perbankan Syariah dalam pembangunan sosio-ekonomi. pengkaji mengkaji polisi opersi BPR Syariah di Aceh, iaitu pencapaian kewangan BPR Syariah di Aceh, pertumbuhan deposi, pengagihan dana untuk pembangunan sosio-

[44]Heri Sunandar, "Sistem Perbankan Syariah Dan Peranannya Dalam Peningkatan Ekonomi Umat: Kajian Kes Perbankan Syariah Di Provinsi Riau, Indonesia" ( Tesis Pengajian Islam, Universiti Malaya 2006 )
[45]Sofyan, "Peranan Perbankan Islam Dalam Pembangunan Sosio-Ekonomi Daerah Di Nangroe Aceh Darusslaam", (Disertasi Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya 2004)

ekonomi, benefit sosial, bahagian pasar bank Syariah, analisis keuntungan, analisis pulangan atas asset, analisis pulangan atas pelaburan, analisis pulangan atas pemegang saham, cabaran dan prospek perbankan Islam di Aceh, dan peranan perbankan Islam dalam pembangunan sosio-ekonomi daerah. Dalam kajiannya pengkaji menyatakan bahawa kajian yang dijalankan terhadap amalan operasi BPR Syariah dan aktiviti-aktiiti perbankan Syariah di Aceh selama ini telah berjaya memperolehi masyarakat Aceh secara keseluruhan. Hal ini kerana penubuhan dan operasi BPR Syariah tersebut sangat sesuai dengan keperluan kehendak masyarakat Aceh terutama di kawasan di luar banda dalam berurusniada dengan bank. Pengkaji mendapati bahawa BPR Syariah memiliki peranan yang amat penting dalam menggerakkan perekonomian masyarakat dikawasan luar banda dalam membiayai usaha/projek-projek ekonomi yang produktif dan perbankan Islam sama ada BRR Syariah mahupun bank umum Syariah lainya mempunyai prospek yang sangat baik untuk perkembangan di Indonesia khususnya Aceh.

Junaidi[46] menjelaskan bahawa peranan institusi kewangan Islam sangat diperlukan dalam membangun ekonomi rakyat kecil Aceh. Pengkaji mengambil Baitul Qiradh Bina Insan Mandiri Banda Aceh (BQ-BIMA Banda Aceh) sebagai fokus kajian. Salah satu program penting yang dikembangkan oleh BQ-BIMA Banda Aceh ialah pemberian bantuan dana terhadap usaha kecil dan sederhana. Bantuan yang diberikan bermakna pinjaman dan yang termasuk sebagai penerima bantuan didalam program ini ialah syarikat keluarga dan perdagang kecil. Permasalahan yang dikaji tentang nilai Syariah program tersebut dan pengaruh terhadap peningkatan ekonomi, pendidikan dan perilaku hidup di dalam menjaga kesihatan. Hasil dari analisis menunjukkan bahawa program pembangunan ekonomi masyarakat yang dilaksanakan oleh BQ-MIMA Banda

---

[46]Junaidi, "Analisis sistem operasi program pembagunan ekonomi masyarakat di baitul qiradh bina ihsan mandiri ( BQ-BIMA) Banda Aceh Indonesia" (Disertasi master jabatan Syariah dan ekonomi, Universiti Malaya 2012)

Aceh bersesuaian dengan Syariah Islam dan program ini juga sangat berpengaruh terhadap peningkatan pendapatan ekonomi Masyarakat.

Shafwan[47] mengkaji peranan Baitul Mal dalam pembangunan ekonomi melalui industri kecil. Kajian ini membicarakan tentang peranan yang dimainkan oleh Baitu Mal Aceh melalu program agihan dana zakat terhadap pembangunan usahawan asnaf. Kajian ini melihat bagaimana mekanisme pengagihan, impaka, serta menganalisis peranan institusi Baitul Mal Aceh dan merumuskan strategi yang memiliki asas dan fakta di persekitaran ekstrarnal dan internal bagi meningkatkan peranannya. Hasil kajian mendapati bahawa mekanisme pengagihan modal usaha zakat produktif menggunakan instumen *qardhul al-hasan* yang tidak memerlukan jaminan dan insurans, dilakukan dengan mudah dan ringkas. Kaji selidik telah dijalankan ke atas penerima agihan modal usaha zakat produktif dan hasil kajian mendapati bahawa sebelum agihan modal usaha penerima bantuan adalah miskin (67.6%) dan mereka adalah pengusaha industri kecil di sektor perniagaan, pertanian, dan peternakan. Kajian juga mendapati bahawa pengaruh agihan zakat produktif tersebut telah dapat meningkat pendapatan mustahik dan tiada lagi dari mereka yang berpendapatan kurang daripada Rp 1,000,000[48]-. Dengan ini terbukti bahawa Baitul Mal Aceh telah berperanan dalam pembangunan usahawan asnaf dengan bantuan modal kepada mustahik khususnya dari kalangan terutamanya dalam mengerakkan industri kecil di Aceh.

Muhammad Zulhimli[49] mengkaji sistem perbankan Syariah dan pelaksaannya di Aceh. Persoalan yang dibicarakan iaitu teori perbankan dalam Islam, larangan terhadap riba dalam Islam dan operasinya dalam sistem perbankan Islam turut dikaji juga adalah amalan bank-bank Konvensional di Aceh, pelaksanaan sistem perbankan Islam dalam

---

[47] Shafwan, "Peranan Agihan Zakat Produktif Terhadap Pembagunan Industry Kecil Di Baitul Mal Aceh" ( Disetrasi Master Jabatan Syariah Dan Ekonomi, University Malaya 2011).
[48]RM 320
[49]Muhammad Zulhilmi, "Sistem Perbankan Islam Dan Pelaksanaannya Di Nangroe Aceh Darusslam" (Disertasi Master Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Univertisi Malaya 2006 ).

bank konvensional di Aceh, dan sistem operasi dan pelaburan yang dijalankan Bank Syariah Mandiri sehingga dapat meningkatkan modal dalam sektor pelaburan. Dapatan kajian menyatakan bahawa kehadiran Bank Mandiri Syariah di Aceh merupakan perihal baru dalam dunia perbankan, apalagi masyarakat Aceh yang majoriti Islam sangat mengharapkan penumbuhan bank yang menjalankan aktiviti berdasarkan Syariah. Hal ini begitu disokong kerana bank Syariah sesuai dengan masyarakat yang fanatik akan agamanya. Bank Syariah Mandiri sebagai bank yang mengkombinasikan idealisme dan nilai-nilai rohani yang melandaskan aktiviti perbankan Islam, hamoni dan dilandasi oleh sifat *siddiq, amanah, tabligh, fatanah* dan *istiqamah.*

Bedasarkan huraian di atas ternyata bahawa kajian-kajian yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji terdahulu tidak menyentuh tentang pelaksaan CSR di Bank Mualamat Indonesia. Kajian terdahulu ini sangat membantu penulis melihat jurang literasi yang wujud, metodologi yang digunakan seterusnya melihat dan membandingkan hasil-hasil kajian yang dihasilkan bagi tujuan penulisan kajian ini.

## 1.8. METODOLOGI KAJIAN

Dalam membuat kajian berkaitan permasalahan ini, penulis telah mengunakan beberapa kaedah kajian. Kaedah kajian ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu metod pengumpulan data dan metod penganalisisan data.

### 1.8.1. Metode Pengumpulan Data

#### 1.8.1.1. Metode Perpustakaan

Sumber maklumat dari perpustakaan merupakan sumber utama penulis terhadap pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan berkaitan kajian. Penulis mendapatkan bahan cetak yang berkaitan secara langsung atau tidak berkaitan dengan

tajuk kajian yang terdiri daripada buku-buku rujukan, kertas kerja persidangan, akhbar, latihan ilmian dan sebagainya. Melalui metode ini, penulis mengunjungi perpustakaan-perpustakaan terpilih untuk mendapatkan data dan maklumat. Penulis juga mendapatkan maklumat melalui bahan bercetak yang disediakan oleh pihak bank yang dikaji dan juga laman-laman web yang berkaitan bagi mendapatkan informasi mengenai tanggungjawab sosial korporat ini.

1.8.1.2.**Metode Temubual**

Metode ini merupakan kaedah terpenting bagi penulis untuk mendapatkan data mengenai pelaksanaan program CSR di Bank Mualamat Indonesia. Prosedur kajian temubual dimulakan dengan merekabentuk soalan. Dalam kajian ini, penulis menggunakan kaedah temubual yang berbentuk separuh berstruktur (separuh piawai), iaitu dengan mengemukakan soalan berstruktur mengikuti panduan temubual yang akan disediakan sebelum temubual dijalankan, di samping, lampiran soalan ini dilampiran. Bagi mendapatkan jawapan penulis mengajukan soalan secara bersemuka dengan infoman, di mana penulis lebih dahulu mengadakan temujanji untuk menerumah informan sebelum menetapkan tarik dan tempat temubual berlangsung.. Informan kajian terdiri daripada:

i. Encik Taufiq Hidayad. Beliau merupakan Ketua Bank Mualamat Indonesia cawangan Banda Aceh. Temubual dijalankan di pejabat Bank Muamalat cawangan Banda Aceh, pada pukul 9 pagi, bertarikh 9 September 2013. Temubual dilakukan bertujuan mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan program CSR di Bank Muamalat Indonesia.

ii. Encik Sayed Nazar. Beliau merupakan Pengurus Projek Pelaksanaan CSR BMI melalui BMM dalam program Khusus di Aceh. Beliau juga adalah sebagai ketua Pelaksaan Oprhan Kafalah Program (OKP). Temubual dijalankan di pejabat

pengurusan OKP di Sigli, Pidie. Pada pukul 10.00 pagi, bertarikh 11 dan 19 September 2013. Temubual dilakukan bertujuan mendapatkan maklumat mengenai latar belakang penubuhan dan pelaksaan Program Khusus di Aceh.

iii. Encik Gunawan. Ketua *Islamic Solidarity School* (ISS) dalam pelakasanaan Program Khusus di Aceh. Temubual dijalankan di pejabat pengurus ISS, Jantho, pada pukul 9.00 pagi, bertarikh 12 September 2013. Temubual dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai latar belakang penumbuhan ISS, data anak yatim yang berada di ISS dan pelaksaan pengurusan program-program ajar mengajar.

iv. Encik Ridwan Maulana. Beliau merupakan Ketua Pelaksaan pembelajaran tambahan pelajar di ISS. Temubual dijalankan di pejabat pelaksanaan program ISS pada 12.00 tengahhari, bertarikh 12 September 2013. Temubual ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai pelaksanaan program pembangunan pelajar melalui pembekalan skill.

v. Puan Khairunnisa'. Beliau merupakan bendahari *Islamic Solidarity School* (ISS). Temubual dijalankan dipejabat bandahari ISS, pada pukul 2.30 am, bertarikh 12 September 2013. Temubual dilakukan bertujuan untuk mendapatkan maklumat dana yang diberikan kepada ISS dan pengurusan dana untuk anak yatim dan kaki tangan ISS secara terperinci.

vi. Rahmadi. Beliau merupakan tutor bagi pelaksanan Program OKP untuk wilayah Meureudu. Temubual dijalankan di rumah beliau beralamat di Meureudu Pidie Jaya, jam 3.00 petang, bertarikh 13 September 2013.

Setelah itu, penulis menebualkan anak yatim yang mendapatkan sumbangan dana CSR pula, bagi mendapatkan maklumat kegunaan dan mengkaji sejauhmana sumbangan dana CSR menbantu dalam pembangunan ekonomi masyarakat di Aceh. Adapun pemilihan

responden penulis pilih berdasarkan wilayah sumbangan iaitu: anak yatim di Aceh besar, anak yatim di pidie dan pidie jaya, dan anak yatim di lhoksemawe. Antaranya :

i. Nurmala, wali dari ada anak yatim dari pelajar ISS, Aceh Besar. Temubual telah dijalankan dirumah beliau di Aceh besar. Pukul 10 am, 14 September 2013
ii. Nur Aini, wali dari pada anak yatim yang mendapatkan bantuan program khusus di cawangan meureudu. Pidie Jaya. Temubual telah dijalankan dirumah beliau beralamat di jalan Iskandar Muda Desa, Rhing Blang kec: Meureudu. Kab. Pidie Jaya. Aceh. 5.00 petang, bertarikh 15 September 2013.
iii. Nurlaila, wali dari pada anak yatim lhoksemawe. Temubual dijalankan dirumah beliau beralamat di cunda lhoksemawe. Aceh. Pukul 10 am, 17 September 2013.

**1.8.1.3.Metode Historis**

Merupakan satu pemahaman yang tertumpu dari sudut sejarah suatu permasalahan. Penggunaan metode ini bertujuan untuk mendapatkan data-data dan fakta sejarah yang berbentuk dokumen yang berkaitan dengan sesuatu masalah kajian dalam menentukan tarikh suatu kejadian. Ianya merupakan suatu metode yang terpenting dalam penyelidikan ini, guna mendapatkan sejarah terdahulu terutama sejarah CSR di Bank Muamalat Indonesia, dan juga sejarah Bank Muamalat Indonesia.

**1.8.2. Metode Analilis Data**

**1.8.2.1.Metode Induktif**

Metode ini ialah suatu cara untuk menganalis data dengan membuat kesimpulan atau Pembuktian dari maklumat yang bersifat khusus untuk di rumuskan suatu kesimpulan yang berbentuk umum. Penulis menggunakan metode ini dalam meneliti keseluruhan

pelaksanaan CSR bagi pembangunan ekonomi umat. Sehingga penulis dapat memperoleh suatu kesimpulan dari data-data yang diperoleh atas kajian ini. Metode ini diaplikasikan oleh penulis dalam membuat rumusan dan implikasi dasar kajian yang merupakan bab terakhir dalam kajian ini.

**1.8.2.2.Metode Deduktif**

Metode ini merupakan cara untuk menghuraikan suatu masalah dengan terperinci. Ia dilakukan dengan menggunakan data-data dan contoh-contoh yang dijelaskan metode ini juga merupakan suatu pendekatan bersifat umum kepada kesimpulan yang khusus. Penulis menggunakan metode ini dalam bab dua dan tiga bagi menjelaskan mengenai teori perbankan dalam membangunkan ekonomi umat dan teori CSR dalam mensejahterakan umat.

Sehingga memberikan contoh kepada Bank Islam yang lain, bahawa produk-produk Bank Islam sangat berperan penting untuk menyokong pembangunan ekonomi ummah seperti :

1. Peranan Bank Islam dalam mengawal kemiskinan.
2. Peranan Bank Islam dalam mengawal tingkat pengangguran.
3. Peranan Bank Islam dalam mengawal illirerasi dan pendidikan.
4. Peranan Bank Islam dalam mengawal tingkat Inflasi.

Adannya peranan seperti ini, masyarakat merasakan tujuan asas berdirinya Bank Islam, iaitu menghilangkan perbezaan sosial ekonomi dan mensuport masyarakat miskin dengan cara meningkatkan hasrat masyarakat untuk menabung dan memobilitasi sumber daya mereka.

## 1.9. PENUTUP

Sistem perbankan Islam merupakan salah satu institusi perbankan yang menetapkan sistem perkongsian untung dan rugi sesuai dengan prinsip Syariah Islam dan menolak sistem bunga yang dipakai oleh perbankan konvensional. Perbankan Islam di Indonesia dapat dilihat dengan penumbuhan Bank Muamalat yang beroperasi pada 1 mei 1992 merupakan realisasi mimpi yang panjang bagi umat Indonesia yang inginkan urusan kewangan mereka sesuai dengan yuran-yuran Islam pada amnya dan umat Islam di Aceh pada khasnya.

Kewujudan bank Syariah di Aceh di harapkan dapat membangun sosio-ekonomi masyarakat Aceh, salah satu program penting dalam perbankan Syariah adalah pengagihan keuntungan melalui program CSR.

Mengikut akta korporat yang disahkan oleh kerajaan Indonesia, setiap syarikat wajib melaksanakan program CSR. Dalam prinsip Islam tidak hanya dengan mengikuti akta kerajaan, akan tetapi ada nilai sosial dalam Islam yang harus digalakkan, seperti saling tolong-menolong, bersedekah, pengagihan zakat dan lain-lain.

Penulis akan mengkaji bagaimana pelaksanaan CSR di Bank Muamalat Indonesia dalam membangun ekonomi ummah, kajian meliputi teori pembangunan ekonomi, teori CSR dan analisis pelaksanaan CSR dalam membangun ekonomi umat di Aceh. Semua itu akan penulis jelaskan secara terperinci di bab dua, tiga dan empat.

# BAB II

## PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT

### 2.0. Pengenalan

Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap merangkumi segala aspek kehidupan, berbeza daripada agama-agama lain, dari segi menangani masalah ekonomi yang merupakan satu aspek daripada sistem kehidupan yang menyeluruh. Islam mempunyai nilai yang beza dari segi menentukan kelakuan ekonomi. Oleh sebab itu bererti "tunduk dan menyerah diri" kepada Allah SWT.[50] Maka kegiatan ekonomi dalam Islam juga dalam konteks penyerahan diri kepada Allah SWT. Apabila menjalani hidup berekonomi, ummat Islam wajib mematuhi Syariat Allah SWT dalam bentuk amal, i'tikat dan akhlak.

Persoalan ekonomi bukan persoalan baru dalam sejarah peradaban manusia kerana kegiatan ekonomi itu sendiri adalah sebagian daripada kehidupan. Nas Al-Quran awal-awal lagi telah pun menyebutkan kisah Nabi yusuf AS. dalam urusan yang dinamakan sekarang ekonomi (*iqtisad).*

قَالَ ٱجۡعَلۡنِي عَلَىٰ خَزَآئِنِ ٱلۡأَرۡضِۖ إِنِّي حَفِيظٌ عَلِيمٞ ٥٥

Yusuf 12:55

> Terjemahan: Yusuf berkata: Jadikanlah daku pengurus perbendaharaan hasil bumi (Mesir); Sesungguhnya Aku sedia menjaganya Dengan sebaik-baiknya, lagi mengetahui cara mentadbirkannya.[51]

Agama dan ekonomi saling berkaitan rapat antara satu dengan yang lain. Di barat pun ekonomi tidak pernah dipisahkan daripada agama sehingga pada akhir-akhir

---

[50] Surtahman Kastin Hasan, "Ekonomi Islam Dasar Dan Amalan" Dewan Bahasa dan Pustaka. Selangor Darul Ehsan, (2001). 9

[51] Muhammad 'Uthman El-Mahmudy, " Al-Qur'an 'L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. III " Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 1084

tahun 1700-an.[52] Sebelum itu, Ahli-ahli ekonomi eropah juga merupakan paderi dan ahli agama.[53]

Segala amalan ekonomi mestilah dirujuk kepada perintah Allah SWT dari segi halal ataupun haram, wajib ataupun sunat dan harus ataupun makruh. Ummat perlu ditanam dengan keyakinan bahawa asas penentuan hukum tersebut adalah hak Allah SWT, tanpa perlu dipersoalkan lagi.[54] Mereka perlu mengamalkan dengan penuh keyakinan dengan menyedari bahawa sistem ekonomi yang berpadukan kepada hukum Allah SWT sahajalah yang terbaik dan mendapatkan kerahmatan dalam membangun dan mensejahterakan ekonomi ummah.

## 2.1. Konsep Pembangunan Ekonomi Masyarakat

Program pembangunan ekonomi masyarakat merupakan program untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat dengan peningkatan pendapatan, perbelanjaan, simpanan, pemilikan rumah, tanah, kenderaan, kemudahan, dan mendapatkan sarana.

Perkataan "pembangunan" menurut Kamus Dewan berasal daripada perkatan "bangun." Pembangunan ditakrifkan sebagai perihal membangun, proses membangun (mencapai kemajuan dan perkembangan), atau usaha dan kegiatan membangunkan (memajukan dan mengembangkan).[55] Ekonomi ertinya ilmu yang dipelajari pengeluaran, pengagihan, penggunaan, barang-barang dan perkhidmatan.[56] Masyarakat

---

[52]Surtahman Kastin Hasan, "Ekonomi Islam Dasar dan Amalan". 9
[53] Monzer khaf " Islamic Economics System – A Review" Pelanduk Publications, 69
[54] *Ibid.*
[55] *Kamus Dewan,* Edisi Keempat, Kuala lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, c. ke-2 (2007) 123
[56] Noor bin Hj Ab. Ghani dan et. All, " kamus Dewan edisi keempat" Dewan Bahasa dan pustaka (2010 ) 123

ertinya kumpulan manusia yang hidup bersama di suatu tempat dengan aturan dan cara tertentu.[57]

Konsep pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam seperti yang digariskan oleh al-Qur'an dan al-Sunnah dan juga yang dikemukakan oleh para ulama dan sarjana dalam ekonomi Islam berbeza dengan konsep pembangunan ekonomi yang dikemukakan oleh pemikiran ekonomi barat. Teori Marxis melihat pembangunan hanyalah pembangunan ekonomi yang merupakan sebagai daripada konsep kebendaan. Pandangan ekonomi yang menyimpang daripada pandangan ini dianggap sebagai borjuis.[58] Begitu juga dengan konsep pembangunan kapitalis yang tidak memberi tempat kepada peranan agama. Pertimbangan akhlak adalah diluar pertimbangan ekonomi. Sedangkan pembangunan dalam Islam adalah pembangunan yang meliputi semua aspek pembangunan kebendaan (ekonomi) dan pembangunan insan secara keseluruhan,[59] bersifat material dan spiritual, tidak sahaja pembangunan ekonomi, tetapi juga merangkumi pembangunan manusia itu sendiri, pembangunan sosial, kebudayaan dan sebagainya.[60]

Sadeq[61] menjelaskan bahawa pembangunan ekonomi hendaklah konsisten dengan objek utama Syariah. Pembangunan ekonomi dalam Islam boleh di definisikan sebagai perbaikan yang seimbang dan kekal dalam kesejahteraan manusia dari segi kebendaan dan bukan kebendaan. Pembangunan didefinisikan sebagai satu proses berbilang dimensi yang membabitkan perbaikan kebajikan menerusi kemajuan, penyusunan

---

[57]Junaidi, "Analisis sistem operasi program pembagunan ekonomi masyarakat di baitul qiradh bina ihsan mandiri ( BQ-BIMA) Banda Aceh Indonesia" 31

[58]Surtahman Kastin Hassan "Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur: (1995) 185; Nyang 1976: 11

[59] Surtahman kastin hasan, " Ekonomi Islam Dasar dan Amalan" 185

[60] Joni Tamkin Bin Borhan "Pemikiran Pembangunan Ekonomiberteraskan Islam". Jurnal Usuluddin, Bil 27 [2008] 94

[61]Abulhasan Muhammad sadeq "Pembangunan Ekonomi Dalam Islam" terj Rohani Sulaiman, yeohprinco SDN BHD, Selangor . Malaysia (t.t)

semula dan orientasi semula keseluruhan sistem ekonomi dan sosial dan menerusi peningkatan rohani sejajar dengan ajaran Islam.

Muhammad Syukri Salleh[62] menyatakan bahawa pebangunan berteraskan Islam mesti merangkumi sekurang-kurangnya tujuh perkara asas, yakni pertama, acuan pembangunan dalam pembangunan berteraskan Islam ialah tasawwur Islam; kedua, pelaku pembangunannya ialah manusia; ketiga, skala waktunya meliputi alam roh, dunia dan akhirat; keempat kerangkanya fardhu ‘ain; kelima, kaedah pembangunannya ialah ibadah; keenam, peralatannya ialah sumber alam; dan ketujuh, matmalatnya ialah *mardhatillah* atau keredhaan Allah SWT.[63]

Pembangunan ekonomi Islam tidak dapat dipisahkan dengan pembangunan moral, sosial, politik, dan tidak hanya membangun kemapanan material dalam memenuhi keperluan hidup semata. Pembangunan ekonomi yang tidak seimbang, akan menjejaskan hak orang lain, sehingga menimbulkan kezaliman.[64]

Muhammad Abdul Mannan[65] berpandangan bahawa pembangunan ekonomi moden hanya setakat kepada pembangunan sumber-sumber alam untuk memenuhi keperluan barangan dan perkhidmatan kepada masyarakat. Konsep ini tidak hanya mementingkan hubungan antara manusia dengan manusia tetapi juga hubungan antara manusia dengan tuhan

Dalam pembangunan ekonomi kita harus mengambil kira bentuk dari pada pembangunan tersebut iaitu: kestabilan sosio-ekonomi dan matlamat *maqasid al-shari'ah.*[66] Kestabilan sosio-ekonomi sangatlah harus diperhatikan kerana sumber-

---

[62] Muhammad Syukri Salleh “ 7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam” Malaysia : Zebra Edition SDN. BHD.(2003)81
[63] Ibid., 82
[64]Junaidi, “Analisis sistem operasi program pembagunan ekonomi masyarakat di baitul qiradh bina ihsan mandiri (BQ-BIMA) Banda Aceh Indonesia” 31
[65] Muhammad Abdul Mannan “ Islamic Economic: Theory and Pratice “ c.2 Cambrige: Islamic economy (1986). 373
[66] M.umer chaprah “Islam dan Pembangunan Ekonomi” terj. Adi Setia Bin Mohd Dom, The Internasional Institute Of Islamic Thought, Malayasia. 1981.67

sumber ekonomi adalah terhad, maka semua orang tidak akan dapat memperoleh apa jua yang di kehendaki. Oleh itu timbul pemasalahan peruntukan setra pengagihan.

Pengagihan kekayaan menimbulkan masalah yang amat sukar dan penting kerana keputusan yang adil dan seksama bergantung kepada kebajikan dan kesejahteraan seluruh masyarakat. Pengeluaran kekayaan sememangnya penting dan perlu, tetapi yang lebih penting ialah bagaimana caranya kekayaan itu diagihkan. Jika pengagihan kekayaan tidak seksama, sebahagian besar kekayaan akan diarahkan kepada sekumpulan kecil kepitalis, manakala kumpulan masyarakat yang terbesar akan kekal dalam kemisknan dan kekayaan negara yang banyak tidak akan memberi manfaat kepada mereka.[67] Karena kebahagian masyarakat tergantung kepada pengagihanya yang adil, maka pengagihan yang tidak diasaskan kepada prinsip yang hak dan adil tidak akan mencapai kemakmuran.

Kekurangan sumber ini menimbulkan keperluan untuk mengembang dan membangun sumber-sumber ekonomi, untuk mencapai matlamat kestabilan sosio-ekonomi kita harus kembali kepada tujuan asas iaitu *falah fi al dunya wa al-hirah* yang itu semua boleh dicapai dengan melakukan semua kegiatan pengagihan sumber sesuai dengan matlamat Islam (*maqasid al-Shari'ah).*[68]

Pengagihan kekayaan dan kesejehteraan adalah merupakan iltizam terhadap pencapaian (*falah),* kesejahteraan ini termasuk kepuasaan fizikal kerana ketenangan dan kebahagiaan mental hanya boleh dicapai melalui cara memenuhi kedua-dua keperluan jasmani dan rohani dalam peribadi manusia dengan seimbang.[69] Oleh itu, pemaksimuman jumlah output semata-mata tidak mungkin menjadi matlamat sebuah masyarakat Islam akan tetapi mesti diiringi dengan langkah memastikan usaha-usaha

---

[67]Afzalu-rahman " Dokrin Ekonomi Islam Jilid III " terj. Zahara Salleh, syarikat IS KL, Malaysia (1991) 63

[68]*Ibid,.*

[69] M.umer chaprah " Islam dan Pembangunan Ekonomi" 8

keatah kesihatan rohani pada batin kesedaran manusia, serta keadilan dan keseaksaaa di setiap peringkat interaksi manusia maka pembangunan begini yang sejajar dengan *maqasid al-Shari'ah.*[70] kerana kesejahteraan dan falah dalam kehidupan manusia melewati kehidupan sementara manusia di dunia dan kesejahteraan, dan falah manusia dalam kehidupan kekal abadi di akhirat[71]

Fokus utama pembangunan dalam Islam ialah pembangunan *inshani*, dan Islam menganggap diri manusia sendirilah yang merupakan tempat sebenar aktiviti pembangunan itu berlaku,[72]dan yang paling penting, manusia adalah agen pengubah dalam kehidupannya sendiri.[73] Konsep ini selaras dengan Nas al-Quran:

لَهُۥ مُعَقِّبَٰتٌ مِّنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَمِنۡ خَلۡفِهِۦ يَحۡفَظُونَهُۥ مِنۡ أَمۡرِ ٱللَّهِۗ إِنَّ
ٱللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوۡمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُواْ مَا بِأَنفُسِهِمۡۗ وَإِذَآ أَرَادَ ٱللَّهُ بِقَوۡمٖ سُوٓءٗا
فَلَا مَرَدَّ لَهُۥۚ وَمَا لَهُم مِّن دُونِهِۦ مِن وَالٍ ١١

al-Rad 13:11

Terjemahan: Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, Yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) Dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa Yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa Yang ada pada diri mereka sendiri. dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun Yang dapat menolak atau menahan apa Yang ditetapkanNya itu, dan tidak ada sesiapapun Yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadanya.[74]

---

[70] *Ibid,.*

[71] Joni Tamkin Borhan "Pemikiran Pembangunan Ekonomi berteraskan Islam" 95

[72] *Ibid,.*

[73] Farhana Mohamammad Suhaimi, " Peranan Waqaf Dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam di Pulau Pinang "(Disertasi Syariah dan Ekonomi , Universiti Malaya, Kuala Lumpur , 2012) 88, Surah 13. Ar-Ra'd, Ayah 11

[74] Muhammad 'Uthman El-Mahmudy, " Al-Qur'an 'L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. II " Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 870

Dalam pembangunan sosio-ekonomi, Islam memberikan penekanan yang istimewa kepada dua perkara;[75] pertama, penggunaan secara optimum sumber-sumber yang dikurniakan oleh Allah SWT. kepada manusia dan juga persekitaran fizikalnya. Kedua, penggunaan serta pengagihan sumber-sumber tadi secara adil dan penggalakkan perhubungan manusia atas dasar hak dan keadilan. Islam amat memuji nilai *shukr* (berterima kasih kepada Allah SWT. kerana mengurniakan rahmatNya) dan *`adl* (keadilan) dan mengutuk kehinaan *kufr* (menafikan Allah SWT. dan rahmatNya) serta *zulm* (ketidakadilan).[76]

Berasaskan kepada konsep ini, proses pembangunan itu dimobilisasikan serta digiatkan melalui *shukr* dan *`adl*. Proses pembangunan itu juga boleh dipesongkan serta digugat oleh *kufr* dan *zulm*.[77] Dalam hal ini Al-quran menegaskan:

وَءَاتَىٰكُم مِّن كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ ۚ وَإِن تَعُدُّوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ لَا تُحْصُوهَآ ۗ

إِنَّ ٱلْإِنسَـٰنَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

Ibrahim 14:34

> Terjemah: Dan ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua Yang kamu hajati. dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya.[78]

Khurshid Ahmad[79] menjelaskan bahawa pembangunan ekonomi ummah haruslah selaras dengan pendekatan Islam, dan pembangunan mempunya asas falsafah

---

75 *Ibid,.*
76 Ahmad, Khurshid (1980), "Economic Development in an Islamic Framework", dalam Ahmad, Khurshid (ed.), *Studies in Islamic Economics,* Leicester: The Islamic Foundation, h. 179
77 Joni Tamkin Bin Borhan "Pemikiran Pembangunan Ekonomiberteraskan Islam" 95
78 Muhammad 'Uthman El-Mahmudy, " Al-Qur'an 'L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. V " Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 2705
79 Lihat , Surtahman kastin hasan, " Ekonomi Islam Dasar Dan Amalan" 87

yang terdiri daripada: Tauhid (keesaan Allah SWT), Rububiah (peraturan dan penyusunan allah dari segi kekuasaan mencipta, memberi, menghidupkan, mematikan, memandu kehidupan), khalifah (wakil Allah di muka bumi) dan tazkiyah (pensucian jiwa dan ketinggian akhlak).

Islam menentang kekufuran dan kezaliman sebaliknya menganjurkan kesyukuran dan keadilan. Proses pembangunan mesti digerakkan melalui konsep syukur dan keadilan. Oleh itu adalah menjadi prinsip kehidupan sosial Islam untuk mewujudkan keseteraaan pengggunaan dan agihan serta perhubungan semua manusia di atas dasar hak dan keadilan, di samping penggunaan segala sumber anugerah Allah SWT dan persekitaran fizikalnya secara yang paling optimum, yang hasilnya adalah demi kebaikan ramai.[80] Dalam kata lain, pembangunan ekonomi menurut perspektif Islam adalah untuk mencapai kebajikan, kesejahteraan dan falah material duniawi dan ukhrawi.

Mannan[81] menyatakan bahawa konsep pembangunan ekonomi adalah multidimensional (iaitu memiliki dimensi moral, sosial, politik dan ekonomi), konsep ini beliau namakan dengan *tazkiyah al-Nafs*, ertinya pembangunan ekonomi dalam islm bukan hanya pembangunan material, namun juga spiritual dan moralpun menempati kedudukan yang sangat penting.

### 2.1.1. Objektif Pembangunan Ekonomi Masyarakat

Objek pembangunan ekonomi masyarakat haruslah sesuai dengan objektif Syariah[82] sebagai titik penekanannya ialah bagaimana masyaraat awam boleh merasakan bahagia daripada pemerintah atau institusi yang berkaitan memberi perkhitmatan prasarana,

---

[80] Surtahman kastin hasan, “ Ekonomi Islam Dasar Dan Amalan” 88

[81] M.A. Mannan, “ financing development in Islam” Islamic Research and Training Institute, Islamic development bank, Jeddah ( 1996 ) 89

[82]Objek Syariah ialah untuk memperbaiki kesejahteraan manusia menerusi pemeliharaan keimanannya, kehidupannya, akalnya, keturunannya, kehormantannya dan hartanya . lihat Surtahman kastin hasan, “ Ekonomi Islam Dasar Dan Amalan” Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor Malaysia. ( 1990 ) 23

kursus, latihan, khidmat nasihat, pemasaran, penguatkuasaaan, penyelidikan dan pembangunan.[83]

Islam menyatakan bahawa pembangunan ekonomi merupakan "latihan fizikal dan usaha kerohaniaan diri manusia", kegiatan ekonomi manusia bukan sahaja untuk memuaskan diri terhadap keperluan kebendaan dan fizikal. Sebaliknya, manusia yang mempunyai tugas dan tanggungjawab terhadap penciptaanya merasa perlu membangunkan akhlak, kerohanian dan kebendaan. Aspek akhlak, kerohanian, kebendaan, sosial dan ekonomi tidak boleh dipisahkan untuk mencapai matlamat pembangunan sosio-ekonomi dalam Islam.[84]

Pembangunan termasuk faktor fizikal modal, buruh, organisasi, pelajaran dan kebolehan, faktor-faktor kemanusiaan seperti sikap, insentif, rasa dan juga aspirasi juga menjadi angkubah yang akan meluaskan lagi spektrum pembangunan ekonomi dalam Islam. Oleh karena itu pembanguan Islam merangkumi pembangunan jasmani (kebendaan ) dan kerohanian (termasuk fikiran).

Menurut Nik Mustafa,[85] konsep pembangunan ekonomi Islam hanyalah sebahagian daripada pembangunan yang mana matlamat utama yang ingin dicapai adalah memuliakan martabat manusia dalam kehidupan di dunia dan akhirat, jelasnya, pembangunan ekonomi Islam bukan saja dilihat daripada aspek pembangunan kebendaan malah menitikberatkan juga aspek pembangunan kerohanian dan juga kehidupan didunia dan akhirat.

Dapat disimpulkan bahawa pembangunan ekonomi dalam Islam iaitu keseimbangan antara  pembangunan fizikal dan pembangunan sumber manusia.

---

[83]Mohd shaladdin Muda et.al, " Analisis Kesejahteraan Hidup Nelayan pesisir," *jurnal kemanusian,* fakuliy pengurusan dan pembangunan sumber manusia: Uniersiti Teknologi malaysia. Bil 8. Issn 1675-1930 ( 2006)

[84] Joni Tamkin Borhan "Pemikiran Pembangunan Ekonomiberteraskan Islam" 95

[85] Nik Mustapha Nik Hassan " Sumbangan Institusi Wakaf kepada pembangunan Ekonomi", dalam Nik Mustapha Nik Hassan ( ed ). " konsep dan Pelaksanaan Wakaf di Malaysia" Jurnal. Insitusi Kefahaman Islam Malaysia ( IKIM ), Bil 1, 1-16

### 2.1.2. Matlamat Pembangunan Ekonomi Masyarakat.

#### 2.1.2.1. Pembangunan Sumber Manusia.

Pembangunan sumber manusia merupakan tunggak utama pembangunan dalam Islam. Ini kerana Islam melihat manusia sendiri sebagai tempat sebenar kegiatan pembangunan.[86] Bernadikan kepada dinamikan manusia Islam mempertahankan status mereka sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi[87]; tahu rahsia hidupnya, tahu perjalanan hidupnya, tahu matlamat hidupnya dan tahu tempat kekalnya.[88] Maka jika modal manusia tidak dibangunkan dengan baik dan sempurna, ia akan menjadi penghalang kepada kemanjuan dan pembangunan yang ingin dicapai.

Dalam Islam, pembangunan sumber manusia bukan saja melihat kepada aspek pembangunan fizikal melalui peningkatan kemahiran diri, kecekapan bekerja, pendidikan dan latihan, dan kesihatan bahkan pembangunan kerohanian dan modal turut dititikberatkan.[89] Ini kerana sumber manusia yang merupakan modal inshani akan menjadi input paling penting dalam pertumbuhan perekonomian menjadi maju.

Pembangunan sumber insan haruslah mengambil kira sikap dan aspirasi yang betul, pembangunan perwatakan dan personality, pendidikan dan latihan yang menimbulkan kepengetahuan, penyelidikan dan juga perlu sikap yang kreatif.[90] Semua aktiviti tersebut harus diselatikan dengan nilai-nilai Islam yang menitikberatkan pada

---

[86]Surtahman Kastin Hassan dan Sanep Ahmad, " Ekonomi Islam: Dasar dan Amalan " Dewan Bahasa dan Pustaka, C. ke-2 ( 2005 ) 323

[87] Mohamed Ariff " Pembangunan ekonomi mengikuti perspektif Islam" dalam " konse dan pelaksaan pembangunan Berteraskan Islam" Malaysia : university sains Malaysia (1990) 24

[88] Muhammad Syukri Salleh " Pembangunan Berteraskan Islam", kuala lumpur: vinlin Press Sdn. Bhd ( 1987), 72

[89] *Ibid*,.

[90]Junaidi, "Analisis sistem operasi program pembagunan ekonomi masyarakat di baitul qiradh bina ihsan mandiri ( BQ-BIMA) Banda Aceh Indonesia" 34

kekuatan akhlak dan kerohania. Kerananya kuali sumber manusia mestilah diperingkatkan untuk menambah kecakapan dan produktif.[91]

Membangun manusia harus dengan cara khas, kerana manusia itu hidup, berakal, berperasaan dan bernafsu.[92] Oleh itu pembangunan dalam aspek ini benar-benar harus ada stategi dan perancangan yang sesuai dengan objek pembangunan tersebut. Membangun manusia perlu dimulai daripada iman dan daripada diri sendiri, sebelum berkeluarga, masyarakat dan negara.[93] Fokus utamanya haruslah diberikan kepada mengembangkan pendidikan, kerohanian dan kerjasama serta penyertaan.[94]

Peningkatan kualiti hidup dan jaminan sosial[95] adalah bahagian daripada matmalat ekonomi pembangunan insani. Islam perlulah memastikan setiap individu berhak untuk mendapatkan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, pendidikan, perkhitmatan kesihatan dan jaminan keselamatan diri dan harta. Kegagalan dalam memenuhi hak tersebut akan mengakibatkan terjadinya aktiviti-aktiviti tidak bermoral dalam masyarakat. Selain bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat, langkah mengurangkan jurang perbezaan kekayaan antara golongan yang berada dengan golongan yang kurang berkemampuan yang perlu dilakasanakan[96] dengan pengagihan kekayaan yang adil dan seimbang.

---

[91] *Ibid.*
[92]Surtahman kastin hasan, “ Ekonomi Islam Dasar Dan Amalan” 89
[93] Lihat Surtahman kastin hasan, “ Ekonomi Islam Dasar Dan Amalan” 90, Azhaari mohammad “
[94]Joni Tamkin Borhan, pemikiran pembangunan ekonomi berteraskan Islam. 98
[95]Farhana Binti Mohamammad Suhaimi, “ Perananan Waqaf Dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Islam di Pulau Pinang...90
[96]*Ibid.*

### 2.1.2.2. Keadilan Ekonomi.

Dalam konsep keadilan pengagihan dalam pembangunan Islam, Al-Nowaihi (1976)[97] telah mengemukakan fakta berikut :

> "…all is not well with the economic condition of our world: that there is a great imbalance, stemming from the monopolistic concentration of most of the world's wealth in few state, classes and individuals, resulting in fantastic extremes of surfeit and luxury for the privileged few and hunger and destitution for the vast majority of human beings, with all the concomitant privations of disease, sapping of energy and mental and psychological affliction which thatmajority suffers."

Melalui fakta ini Al-Nowaihi menyampaikan satu realiti yang dominan dalam dunia hari ini, iaitu ketidak-adilan ekonomi dan ketidaksaksamaan sosial sedang berleluasa. Hal sedemikian bukan hanya berlaku pada peringkat antarabangsa, malah menjurus ke peringkat nasional, negeri, daerah, komuniti dan individu. Oleh kerana itu,[98] ahli ekonomi Islam berpendapat bahawa untuk mencapai pembangunan ekonomi dan keadilan ekonomi, suatu masyarakat mestilah mematuhi dua prinsip umum: kesamaan (*equality)* dan keseksamaan (*fairness).*[99]

Prinsip kesamaan melarang ketidaksamaan dalam pengagihan barangan: ketidak samaan "kesederhanaan" dibenarkan, tetapi tidak dibenarkan ketidaksaman yang "berlebihan". Sebuah masyarakat tidak dikira bersifat Islam jika membernarka segelintir anggotanya hidup mewah,sedangkan yang lain hidup dalam kemiskinan.[100]

Prinsip kesaksamaan menyatakan bahawa keuntungan dan kerugian ekonomi haruslah yang "sewajarnya". Ia mahukan sesuatu sistem ekonomi itu menghargai

---

[97]Di dalam persidangan ketiga persatuan pelajar-pelajar Islam Amerika Syarikat dan Kanada Wilayah Pantai Timur di Holiday Hills, Pawling, New jersey pada 12 hingga 14 April 1986; lihat Muhammad Syukri Salleh " Pembangunan Berteraskan Islam", 84

[98] Ibid.

[99]Jomo K..S, " Alternatif Ekonomi Islam –Perspektif Kritis dan haluan baru" , Dewan Bahasa Dan Pustaka, Malaysia. 1996.50

[100]lihat , *Islamic Concept*, 194-8; Azalul Rahman, *economic Doctrines,* ji. I Lahore: Islamic Publications, 1980. 62.

sumbangan ekonomi secara wajar. Umer Chapra[101] menyatakan "semestinya tidak ada diskriminasi" disebabkan ras, warna kulit atau darjat. Kriteria untuk menilai manusia hanyalah dari segi watak, kebolehan dan khidmat manusiaan. Selain itu, beliau menyatakan "tidak sebarang badan ekonomi yang patut dinafikan haknya dalam keluaran nasional".

Prinsip yang pertama memberikan perhatian kepada hasil proses ekonomi, sedangkan yang kedua pula memberi perhatian kepada proses itu sendiri. Prinsip kesamaan menghalang pembahagian kekayaan yang terhasil dari proses ini dari menjadi terlalu tidak adil. Sebaliknya, prinsip kesamaan mahukan urusan ekonomi yang menentukan agihan itu menjadi seksama.[102]

### 2.1.2.3. Keredhaan Sebagai Matlamat Pembangunan.

Pembangunan adalah alat untuk mencari *mardhatillah,* atau keredhaan Allah SWT, atau keredhaan Allah SWT akan kurniaan Al-falah, iaitu kebahagian di dunia dan kebahagian di akhirat.[103]

Sebagai hamba Allah SWT, manusia mesti senantiasa mengambdikan diri, atau dalam bahasa lebih halus, beribadah, kepada Allah SWT. ibadah ini tidak hanya terhad kepada perkara-perkara *ritual* agama, tetapi juga merangkumi setiap aspek kehidupan manusia pada setiap ketika, termasuk dalam melaksanakan pembangunan berteraskan Islam.[104]

Ringkasnya, ibadah asas membawa kepada pembangunan kerohanian manakala ibadah umum membawa kepada pembangunan material dan fizikal. Dengan perkataan

---

[101]M.umer chaprah "The Economic system; 11
[102]Joko k.S, " Alternatif Ekonomi Islam –perspektif kritis dan haluan baru" ..50
[103]Muhammad Syukri Salleh " 7 prinsip pembangunan berteraskan Islam" Malaysia : Zebra Edition SDN. BHD.(2003)81
[104] Ibid., 47

lain, pembangunan kerohanian merupakan buah kepada pengamalan ibadah asas dan amalan utama, manakala pembangunan material dan fizikal merupakan buah kepada pengamalan ibadah umum.[105] Maka pembangunan berteraskan Islam merupakan buah dari kepada pengamalam ibadah.

Di sisi yang sama juga pembangunan ekonomi dalam Islam bersifat multi-dimensional (pelbagai dimensi) iaitu pembangunan yang seimbang di antara faktor kebendaan dan kerohanian, kuantitatif dan kualitatif, dalaman dan luaran.[106] Pembangunan mestilah mempunyai matlamat pembaikan manusia dari segala aspek sama ada aspek fizikal seperti ekonomi, pendidikan, kesihatan mahupun seperti keimanan, etika setra moral. Ertinya pembangunan dalam pandangan Islam mempunyai cakupan yang lebih luas, ia tidak hanya sekadar memperbaiki luaran, tetapi juga membangunan aspek-aspek dalaman manusia. Bahkan penulis-penulis Islam pula menekankan pembangunan ekonomi itu sebagai satu yang lebih luas bersifat yakni meliputi aspek "pembangunan ekonomi" dan juga "pembangunan manusia" secara menyeluruh.[107]

---

[105] Ibid., 50

[106]Joni Tamkin Bin Borhan "Pemikiran Pembangunan Ekonom iberteraskan Islam"96

[107] Surtahman kastin hasan, " Ekonomi Islam Dasar Dan Amalan" 87

## 2.2. TANGGUNGJAWAB SOSIAL KOPORAT (*CORPORATE SOCIAL RESPONBILITIES* , CSR)

### 2.2.1. Pengenalan

Konsep tanggungjawab sosial korporat atau *corporate social responsibility* (CSR) merupakan salah satu bentuk tanggungjawab korporat terhadap masyarakat yang menekankan bahawa pemilik korporat mempunyai tanggungjawab terhadap masyarakat dan lingkungannya.[108] CSR semakin popular dan menjadi ukuran penting dalam menilai keberhasilan korporat dalam operasinya di serata dunia. Adanya prinsip *good corporate governance* pula, semakin menyempurnakan niat korporat untuk serius memberi perhatian terhadap program CSR.[109]

Konsep awal tanggungjawab sosial ini telah dikesan dan diimplementasikan pada awal kurun ke 18 di mana syarikat-syariakat telah mengenalpasti keupayaan mereka untuk membangunkan dan menjalankan tanggungjawab sosial.[110] Kekurangan makanan, tempat tinggal dan penjagaan kesihatan serta ubat-ubatan adalah satu impak negatif kepada pengeluaran atau penghasilan yang dijalankan oleh sesebuah organisasi atau syarikat. Maka dengan permasalahan itu, kebanyakan syarikat telah mengambil inisiatif untuk memberikan bantuan dan sumbangan kepada pekerja-pekerja mereka pada waktu itu supaya dapat menikmati taraf hidup yang lebih dinamik dan selesa.[111]

Isu CSR telah lama diperbincangkan dan diperdebatkan di seluruh dunia semenjak tahun 1950[112] dan kembali diperkenalkan pada tahun 1960-an di negara-negara barat.[113] Namun begitu, konsep CSR ini kurang diperbincangkan secara meluas di tahun-tahun

---

[108] Musa Obaloha "Beyond Philanthropy: Corporate Social Responsibility In The Nigerian Insurance Industry", *Social Responsibility Journal*, (Vo. 4, No.4, 2008), 538.
[109] Muhammad Yasir Yusuf , *Model Pelaksanaan CSR Bank Syariah*,198
[110] Siti Norasmarina Ismail, *Tanggungjawab Sosial Petronas 1974-2006*, 14
[111] Christoffer Nilson & shadi Rahmani, "Global Considerations in Corporate Social Responsibility-Case Study in There MNCs, ( Master's thesis, lulea university of technology 2008) 9.
[112] Siti Norasmarina Ismail, *Tanggungjawab Sosial Petronas 1974-2006*, 15
[113] Norajilah Chie man, *Tanggungjawab Sosial Korporat*, 30

awal pelakasanaannya. idea CSR kembali diperkenalkan di Amerika pada tahun 1970-an,di mana korporat-korporat di Amerika mendapat kritikan tajam, kerana korporat telah menjadi suatu yang sangat berkuasa dan antisosial. Korporat-korporat dituduh menghilangkan semangat kompetitif dalam perniagaan yang memberi kesan kepada ketidakpatuhan terhadap undang-undang yang dibuat oleh negara, bahkan adakalanya undang-undang yang dibuat itu dipengaruhi oleh korporat-korporat untuk kepentingan peribadi.

Menyadari hal ini, sebahagian daripada pemilik korporat memberikan nasihat kepada pelaku dunia dalam usaha menggunakan kekuasaan yang mereka gunakan bagi mencapai tujuan-tujuan sosial berbanding hanya bekerja untuk meraih keuntungan sahaja. Sejak masa itu muncullah Andrea Canegie, ia dikenal sebagai dermawan yang menyumbangkan hartanya untuk pendidikan dan lembaga sosial. Henry Ford yang mengembangkan program rekreasi dan kesihatan untuk para pekerja di korporat mobil Ford. Pendekatan ini ternyata melahirkan pengusaha-pengusaha baru dalam dunia perniagaan sehingga pada akhirnya idea ini menjadi sebuah konsep yang dikenali dengan CSR.[114] Walaupun demikian, isu tanggungjawab sosial pada masa itu tidak dianggap sebagai satu persoalan dan permasalahan yang signifikan dalam perniagaan.[115] Dapat difahami bahawa, sesebuah syarikat boleh menjalankan operasi perniagaan mereka mengikut kehendak mereka sendiri.[116]

Bermula penghujung tahun 1990-an, idea mengenai CSR ini mula diterima pakai di seluruh dunia oleh setiap entiti dalam masyarakat daripada kerajaan dan pihak swasta kepada organisasi bukan kerajan dan juga pengguna individu. Bahkan, organisasi-organisasi antara bangsa seperti PBB, Bank Dunia dan organisasi buruh Antarabangsa

---

[114]Muhammad Yasir Yusuf , *Model Pelaksanaan CSR Bank Syariah*,197; lihat Frederick, et al. Business And Society, Corporate Strategy, Public Policy, Ethics, Amerika Serikat: McGraw-Will  (1988) 7
[115] Norajilah, *Tanggungjawab Sosial Korporat,* 32
[116] ibid.,33

bukan sahaja menyokong konsep CSR ini malah telah menggariskan panduan dan menubuhkan satu unit khas bagi membuat penyelidikan mengenai CSR ini dan mempromosikan konsep tersebut di seluruh dunia.[117]

Di Indonesia, wacana mengenai tanggungjawab sosial korporat dalam sektor perbankan cukup maju. Selepas enakmen Undang-undang No 40 tahun 2007 seksyen 74 Syarikat Tanggungan Berhad mesti menjalankan tanggungjawab sosial dan alam sekitar syarikat di Indonesia diwajibkan untuk menjalankan program-program CSR. Jika program CSR itu tidak dilaksanakan, maka kerajaan boleh menjatuhkan hukuman sekatan selaras dengan peruntukan undang-undang ( enakmen 74, ayat 3).

Pada masa kini konsep tanggungjawab korporat telah menjadi satu agenda yang penting bagi sesebuah negara. Pada kebiasaannya kerajaan sebuah negara tidak mampu menyediakan semua perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan rakyat. Dalam konteks ini, badan korporat, badan berkanun mahupun pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan projek-projek mega yang mampu meraih keuntungan besar dilihat sebagai kumpulan yang layak untuk menjalankan tanggungjawab sosial.[118]

### 2.2.2. Definisi Tanggungjawab Sosial koporat (*Corporate Social Responbilities* , CSR)

Perkataan tanggungjawab boleh ditakrifkan sebagai keadaaan bertanggungjawab, bertanggungjawab terhadap sesuatu, ataupun kebertanggunjawaban. Ia juga boleh didefinisikan sebagai etika di mana status bagi personaliti dianggap sebagai mampu untuk bertindakbalas terhadap tanggungan yang telah ditetapkan oleh undang-undang moral ataupun oleh prinsip-prinsip etika.[119] Perkataan sosial juga boleh dipersoalkan sama ada ianya perlu digabungkan bersama perkataan tanggungjawab kerana perkataan

[117] Norajilah chie man, *Tanggungjawab Sosial Korporat,* 31.
[118] Siti Norasmarina Ismail, *Tanggungjawab Sosial Petronas 1974-2006,* 14
[119] Blair j. kolasa, " Responsibilty In Business "New Jersey: Prentice hall, (1972), 4

tanggungjawab itu telah mengambarkan keprihatinan terhadap orang lain.[120] Ianya boleh difahami sebagai satu rangka kerja bagi peranan sesebuah institusi korporat dan meletakkan satu standard perlakuan di mana sebuah syarikat mesti mengambilkira untuk memberi kesan yang positif dan produktif kepada masyarakat.[121]

Tanggungjawab sosial korporat telah diperbincangkan dalam pelbagai perbincangan yang berkaitan dengan dasar awam, adalah sesuatu yang berkaiatan dengan *tadbirurus* syarikat dan prosedur etika perniagaan. Salah satu yang juga telah dilaksanakan dalam pelakuan ekonomi global, memberikan maksud tanggungjawab sosial adalah komitmen berterusan dan beretika yang disumbangkan oleh syarikat-syarikat kepada pembangunan setempat atau masyarakat yang terlibat unutk meningkatkan taraf hidup dan kebolehan memperkasakan diri, keluarga dan masyarakat setempat. Tanggungjawab sosial juga merujuk tanggungjawab sosial oleh syarikat kepada pembangunan ekonomi, organisasi dan pertumbuhan untuk kemajuan yang ingin dicapai.[122]

Kotler & lee (2008)[123] mendefinisikan tangggungjawab korporat merupakan satu komitmen ke arah meningkatkan kualiti hidup masyarakat melalui pertimbangan amalan yang dijalankan dalam perniagaan dan sumbangan sumber daripada sektor korporat. Berdasarkan definisi ini, tanggungjawab sosial merujuk kepada komitmen sukarela perniagaan yang memilih untuk melaksanakan amalam ini dan menjadikan sebagai satu sumbangan kepada masyarakat melalui aktiviti yang dijalankan.[124]

---

[120] Norajilah, *Tanggungjawab Sosial Korporat,* 31
[121] Asyraff wajdi Dusuki, “Stakeholder’s Expectation Towards Corporate Social Responsibility Of Islamic Banks” *Internasional Accounting Confereccce 3,26 -28* june, IIUM ,Kuala Lumpur 2006.
[122]Christoffer Nilson & shadi Rahmani, “Global consideration in corporate Sosial Responsibilty, case studie of three MNCs” universityof technology (2008) 1
[123]Kotler & lee, “ corporate sosial Responsibilty: Doing the most for your Company and You Cause, wiley & sons , hobeken, New jersey (2004) 24
[124]Siti Norasmarina Ismail, *Tanggungjawab Sosial Petronas 1974-2006.* 20

Menurut Kathryn M.Bartol,[125] tanggungjawab sosial merujuk kepada satu tanggungjawab sesebuah organisasi untuk menjaga dan meningkatkan taraf hidup masyarakat selari dengan kehendak organisani tersebut. Manakala keith davis dan Robent l. Blomstrom[126] menyatakan tanggungjawab sosial adalah satu tindakan untuk meningkatkan kebajikan masyarakat. Selanjutnya, Gareth R Jones[127] berpendapat tanggungjawab sosial ialan satu tanggugjawab moral sesebuah organisasi atau syarikat terhadap sekumpulan stakeholder yang memberi kesan secara langsung atau sebaliknya terhadap organisasi ataupun sesebuah syarikat tersebut.

Menurut Majlis Perniagaan Dunia mengenai Pembangunan Lestari (WBCSD) Tanggungjawab Sosial Korporat adalah satu komitmen daripada syarikat itu untuk berkelakuan perniagaan yang beretika (etika tingkah laku) dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mapan. Oyama[128]menyatakan bahawa CSR adalah satu acara khas untuk syarikat-syarikat besar dan tidak kepada syarikat-syarikat kecil. Dengan perkhidmatan CSR akan membuat syarikat-syarikat pelanggan yang lebih berminat, keuntungan meningkat, dan membuat syarikat-syarikat masyarakat yang lebih berbeza dan bagus.

Positive Outcome mendefinisikan CSR adalah sumbangan syarikat kepada masyarakat melalui aktiviti perniagaan mereka. Hal tersebut berupa pelaburan sosial dan bahagian program bantuan dari dasar awam. Selain itu, CSR juga didefiniskan adalah kegiatan yang terdiri dari unilateral dan sukarelawan, dasar alam sekitar sosial

---

[125]Kanthty M.bartol et al , " Management, Boston: The Mcgraw Hill Companies. Inc (1998). 103
[126]Keiht Davis et al. " Business And Society: Environment And Responsibility, (New York: Mac Graw Book Company, 1975). 39
[127]Gareth R. Jones, "Organiszational Theory: Text And Case, Addision" (New York Wesley Publishing Company, 1994) 198
[128] Ghazali Syamni " Penerapan Program Corporate Social Responsibility di Provinsi Aceh: Kasus PT Arun NGL Lhokseumawe" *Jurnal Fakultas Ekonomi :* Dalam : Tauginiene, Loretta "Corporate Social Responsibility in the Research Management" 16th EDAMBA Summer Academy, 5

dengan alternatif instrumen dengan perjanjian kerja sama bukan perundangan atau tawaran tapi perkongsian dengan berbagai pihak[129]

Siti Norasmarina[130] menyatakan bahawa tanggungjawab sosial adalah satu tugas yang wajar dilaksanakan oleh sesebuah organisasi dalam usaha untuk melindungi dan mempertimbangkan kebajikan masyarakat. Secara tidak langsung ia akan menjadikan kehidupan masyarakat lebih berkauliti dan terbela.

Nurdizal M. Rachmat[131] menyatakan bahawa ada banyak definisi dari CSR, salah satunya ialah suatu tindakan atau konsep yang dilakukan oleh korporat (sesuai kemampuan korporat tersebut) sebagai bentuk tanggungjawab mereka terhadap sosial/lingkungan sekitar korporat berada. Contohnya melakukan kegiatan yang dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan memperbaiki lingkungan, pemberian beasiswa untuk anak tidak mampu, permberian dana untuk pemeliharaan kemudahan umum, setra sumbangan untuk desa/fasiliti masyarakat yang bersifat sosial dan berguna untuk masyarakat banyak, khususnya masyarakat yang berada di sekitar korporat tersebut. CSR merupakan fenomena strategi korporat yang mengkomodasi keperluan dan kepentingan pemiliknya (*stakeholder*).[132] CSR timbul sejak era saat kesadaran akan kestabilan (*sustainability)* korporat jangka panjang lebih penting daripada sekadar keuntungan (*profitability).*[133]

ISO 26000[134] menyatakan bahawa CSR ialah *Responsibility of an organization or the impacts of its decisions and activities on society and the environ-met, throung transparent and ethical behaviour that contributes to sustainable development, health*

---

[129] Ghazali Syamni " Penerapan Program Corporate Social Responsibility di Provinsi Aceh: Kasus PT Arun NGL Lhokseumawe" *Jurnal Fakultas Ekonomi*.2

[130] Siti Norasmarina Bt Ismail, *Tanggungjawab Sosial Petronas 1974-2006.* 24

[131] Nurdizal M. Rachman *et all, "* Panduan lengkap perencanaan CSR " (Jakarta :Penebar swadaya , 2011) 17

[132] Ibid,.

[133] Jaringan Usaha kecil, "pengertian/ definisi CSR" laman sesawang, *usaha kecil*, Dicapai 11 oktober 2013, http://www.usaha-kecil.com/pengertian_csr.html.

[134] International Organization for Standardization

*and the welfare of society: takes into account the expectatios of shakeholders: is in compliance with applicable law and consistent with internastional norms of behaviour: and is integrated thoughout the organization and practiced in its relationships.*[135]

Walaupun pada masa kini banyak yang mendefinisikan CSR hanya sebatas amal (*charity),* memberi kebajikan (*philanthopy),* dan pembagunan masyarakat (*community development).* Bahkan tidak jarang tanggungjawab CSR tersebut hanya dibebankan pada bahagian tertentu,[136] tetapi kita boleh merangkumkan definisi-definisi di atas bahawa memperlihatkan satu kesepaduan pendapat iaitu matlamat tanggungjawab sosial adalah untuk kesejahteraan *stakeholder,* masyarakat, dan alam sekitar. Walaupun terdapat sedikit percanggahan pendapat tentang golongan sasaran, namun ia adalah selari dengan konsep asalnya iaitu untuk menjaga kebajikan masyarakat dan di samping meningkatkan kauliti hidup mereka.[137]

### 2.2.3. *Corpotare Social Responsiblities* (CSR) Dalam Persektif Islam

Islam merupakan cara hidup memberikan panduan bagi umatnya untuk beradaptasi dan berkembang sesuai dengan jamannya. Islam memungkinkan umatnya untuk berinovasi dalam muamalah, namun tidak dalam akidah, ibadah dan akhlaq. Institusi yang menjalankan perniagaannya berdasarkan Syariah pada hakikatnya mendasarkan pada filosofi dasar al-Qur'an dan al-Sunnah. Sehingga hal ini menjadikan dasar bagi pelakunya dalam berinteraksi dengan lingkungan dan sesamanya. Oleh kerana ikatan hubungan antara institusi dengan lingkungannya dalam konsep Syariah akan lebih kuat ketimbang dalam konsep konvensional, karena pada Syariah didasarkan pada dasar-dasar agama. Dalam Islam manusia bertanggungjawab terhadap Allah dalam

---

[135] Nurdizal M. Rachman *et all, " Panduan Lengkap Perencanaan CSR*. 17
[136] Ibid,.18
[137] Siti Norasmarina Bt Ismail, *Tanggungjawab Sosial Petronas 1974-2006.* 24

melaksanakan aktivitinya dan segenap aktiviti dijalankan untuk mencapai RidhoNya. Sehingga hubungan dan tanggungjawab antara manusia dengan Allah SWT ini akan melahirkan kontrak agama (*divine contract*) yang lebih kuat dan bukan sekadar kontrak sosial belaka.

Konsep CSR menurut perspektif Islam lebih menjurus kepada pendekatan rohani.[138] Pandangan bersifat rohani adalah berteraskan daripada ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Idea mengenai tanggungjawab sosial ini terkandung dalam ikatan kerohanian (*religious bond*).[139] Ikatan kerohanian ini mengambarkan komitmen terhadap standard moral dan juga norma-norma sosial dengan berasaskan kepada Syariah. Ini kerana dalam Islam matmalat yang ingin dicapai bukan tertumpu kepada keperluan material sahaja, tetapi ianya merangkumi konsep kesejahteraan hidup manusia yang menekankan konsep persaudaraan dan keadilan sosio-ekonomi, di mana ia memerlukan keseimbangan antara kedua-dua aspek sama ada keperluan material ataupun spiritual bagi setiap insan.[140]

Menurut Meutia[141] terdapat beberapa prinsip yang sebetulnya menggambarkan adanya hubungan antara manusia dan penciptanya, yaitu Allah SWT. Prinsip-prinsip ini adalah berbagi dengan adil, *rahmatan lil alamin* (rahmat bagi seluruh alam), dan *maslaha* (kepentingan masyarakat). Menurut AlGhazali, prinsip-prinsip ini sebetulnya mempunyai kaitan yang kuat dengan tujuan ekonomi Syariah yang mengedepankan kepentingan masyarakat banyak.[142]

Bagi umat Islam kegiatan perniagaan tidak akan pernah terlepas dari ikatan etika Syariah. Program sosial adalah salah satu dari pada etika perniagaan dalam Islam. CSR

---

[138]Norajilah . *Tanggungjawab Sosial Korporat.* 44
[139]Ibid.
[140]Gillian rice, "Islamic Ethics and the Implication for business", *journal of business Ethics , 18 (*1999), 345-358
[141]Meutia, Inten. "Menata Pengungkapan CSR di Bank Islam (Suatu Pendekatan Kritis)*"* (Jakarta:Citra Pustaka Indonesia, 2010),187
[142]Chapra, M Umer "The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid Al-Shari'ah". (Jeddah: Islamic Research and Training Institute Islamic Development Bank, 2007).6

dalam Islam bukanlah sesuatu yang baru. Tanggung jawab sosial sangat sering disebutkan dalam al-Qur’an. Seperti firman Allah SWT:

وَإِذَا تَوَلَّىٰ سَعَىٰ فِي ٱلۡأَرۡضِ لِيُفۡسِدَ فِيهَا وَيُهۡلِكَ ٱلۡحَرۡثَ وَٱلنَّسۡلَ ۗ وَٱللَّهُ لَا يُحِبُّ ٱلۡفَسَادَ ﴿٢٠٥﴾

al-Baqarah 2:205

> Terjemahan: Dan apabila ia berpaling (dari kamu), ia berjalan di bumi untuk melakukan kerusakan padanya, dan merusak tanaman-tanaman dan binatang ternak, dan Allah tidak menyukai kebinasaan.[143]

CSR dalam perspektif Islam merupakan sebuah sistem sosial dalam pengagihan kekayaan merujuk kepada cara hidup dan hubungan kemanusiaan yang terjalin antara sesama umat Islam, dan juga antara umat Islam dengan golongan bukan Islam (*Hablun Min al-Nas)*. Islam mewajibkan setiap individu Muslim yang berkemampuan supaya menyumbangkan bahagian daripada kekayaan yang dimiliki kepada golongan yang memerlukan. Sumbangan ini disebut sebagai zakat[144] yang merupakan cukai daripada kategori kekayaan tertentu kerana jaminan sosial sangat digalakkan oleh Islam agar menciptakan keseimbangan pembangunan ekonomi.

Dalam operasi program CSR pula, penggunaan konsep maslahah dan *maqasid al-Shari’ah* dalam penentuan kebijakan pelaksanaan CSR boleh membantu pengelola korporat untuk menyelesaikan pilihan-pilihan rumit dalam pelaksanaan CSR, serta konflik kepentingan antara *stakeholder* dalam pelaksanaan program CSR. Sehingga CSR benar-benar dilaksanakan bukan hanya untuk memenuhi kewajipan, baik kewajipan syari’ah mahupun kewajipan undang-undang, akan tetapi lebih jauh dari itu

---

[143] Muhammad ‘Uthman El-Mahmudy, “ Al-Qur’an ‘L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. I ” Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 141

[144] Lihat Taqiuddin, Joni dan Afifuddin, “Perbankan Islam sebagai Medium Dakwah “*Jurnal Usuluddin* , 117-14 (Januari – Jun 2012), 35 .Mohammad Saif Noman Khan, M. Kabir Hassan dan Abdullah Ibneyy Shahid “Banking Behavior of Islamic Bank Customers in Bangladesh”, *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance*, jil. 3, No. 2, (2007), 159-194.

CSR dapat menyelesaikan dan meringankan masalah sosial dalam masyarakat terutama memperdayakan ekonomi masyarakat yang lemah.[145]

Kesimpulannya, *maslahah* dan *maqasid al-Shari'ah* dalam pelaksanaan CSR, mewajibkan untuk mengedepankan kepentingan *al-dharuriyyah* tercapai lebih dahulu, dilanjutkan kepentingan *al-hajiyyah* dan *al-tahsiniyyah*. Walaupun demikian pencapaian ketiga kepentingan ini bukanlah sesuatu yang berlaku secara berturut-turut dan ketat, tetapi pencapaian ketiga piramida maslahah ini menjadi petunjuk (*guidance*) bagi pengelola korpotar dalam memutuskan program CSR yang tepat guna dan sasaran.[146]

Terdapat beberapa prinsip yang sebetulnya menggambarkan adanya hubungan antara manusia dan penciptanya, iaitu Allah SWT. Prinsip-prinsip ini adalah berbagi dengan adil, *rahmatan lil alamin* (rahmat bagi seluruh alam), dan *maslahah* (kepentingan masyarakat). Menurut Al-Ghazali, prinsip-prinsip ini mempunyai kaitan yang kuat dengan tujuan ekonomi Syariah yang menguntamakan kepentingan seluruh masyarakat.[147] Dan dari prinsip dan definisi yang penulis nyatakan di atas. Dapat di bahagikan kepada tiga kelompok kecil:

I. Konsep Kerohanian
II. Rahmatan Lil 'Alamin
III. Ukhuwah Islamiah

---

[145] Muhammad Yasir Yusuf "Aplikasi CSR Pada Bank Syari'ah: suatu Pendekatan Maslahah Dan Maqasid Syari'ah," *Jurnal Ekonomi Dan Bisnis Islam, UIN Sunan Kalijaga 4, No. 2* ( juni 2010) 98-115
[146] Muhammad Yasir Yusuf ,"Model Pelaksanaan CSR Bank Syariah: Kajian Empiris Pembiayaan Mikro Baitul Mal Aceh"212
[147]Chapra, M Umer "The Islamic Vision of Development in the Light of Maqasid Al-Shari'ah". Islamic Research and Training Institute Islamic Development Bank. t.t 6

#### 2.2.3.1. Konsep Kerohanian

Unsur kerohanian dalam masyarakat Islam berjalan seiring dengan hal kebendaan. Setiap muslim wajib mengambil apa yang dikehendaki dari segi kehidupan kerohanian dan kebendaan.[148] Setiap orang Islam wajib patut untuk tidak mengasingkan unsur kerohanian dan kebendaan dalam kehidupan.

Konsep rohani adalah suatu yang sangat perlu ada dalam memahami konsep CSR dari sudut pandangan Islam, kepatuhan kita kepada Allah merupakan sebuah terminan dari rohani kita. Asas rohani iaitu aqidah, ibadah, dan akhlak. kesemuanya boleh disebutkan dalam ketaqwaan dan ketauhidan. Elemen-elemen ini penting untuk memahami dan melaksanakan Syariah Allah, kerana kunci utama untuk memahami Syariah Islamiah adalah lahir dari ketaqwaan, iaitu kepatuhan kepada Allah SWT.[149]

Elemen tauhid dan taqwa merupakan suatu penggerak kepada individu untuk mencapai objektif-objektif Syariah melalui jalan yang telah ditetapkan oleh Syariah itu sendiri. Setiap insan di muka bumi ini diciptakan Allah dengan menanggung satu tanggungjawab yang besar iaitu untuk beriman kepada Allah sebagaimana yang telah disebutkan dalam firmannya :

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

al-Zariyat 51: 56

> Terjemahan: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.[150]

---

[148] Salahuddin Almunjid, " Masyarakat Islam Di Bawah Keadilan" (Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar, 1988), 86

[149] Norajilah chie man, *Tanggungjawab Sosial Korporat 45*

[150] Muhammad 'Uthman El-Mahmudy, " Al-Qur'an 'L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. V " Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 2705

Beriman kepada Allah SWT bermaksud beriktikad dengan bersungguh-sungguh bahawa hanya Allah SWT tuhan bagi segala sesuatu (yang ada), Dialah yang menguasainya (memilikinya), dan menciptakannya. Dan bahawa dia adalah salah satu zat yang berhak disembah, baik didalam solat, puasa, berdoa, berharap, takut, rendah hati, patuh dan pasrah. Dan hanya Allah yang patut disifati dengan sifat-sifat kesempurnaan dan suci dari segala kekurangan dan kelemahan.[151]

Dalam kerohanian, CSR ini merangkumi konsep *Syariah Enterprise Theory* (SET), SET merupakan *enterprise theory* yang telah diinternalisasi dengan nilai-nilai Islam guna menghasilkan teori yang sesuai dan lebih mementingkan *maslahah* manusia. *Enterprise theory*, merupakan teori yang mengakui adanya pertanggungjawaban tidak hanya kepada pemilik korporat saja melainkan kepada kelompok masyarakat yang lebih luas.[152] *Syariah Enterprise Theory (SET)* tidak hanya mementingkan pada kepentingan individu (dalam hal ini pemegang saham), tetapi juga pihak-pihak lainnya. Oleh kerana itu, SET memiliki keprihatinan yang luas pada *stakeholders*. Menurut SET, *stakeholders* meliputi Allah, manusia, dan alam.[153]

Allah SWT merupakan pihak paling tinggi dan menjadi satu-satunya tujuan hidup manusia. Dengan menempatkan Allah sebagai *stakeholder* tertinggi, maka tali penghubung agar perakaunan syari'ah tetap bertujuan pada "membangkitkan kesadaran ketuhanan" para penggunanya tetap terjamin. kepentingan  menetapkan Allah sebagai *stakeholder* tertinggi adalah digunakannya *sunnatullah* sebagai asas bagi pembinaan perakaunan syari'ah. maka,dengan *sunnatullah* ini, perakaunan syari'ah hanya dibangun berdasarkan pada  peraturan atau hukum-hukum Allah.

---

[151]Ibid., 49

[152]Triyuwono, Iwan "Mengangkat "sing liyan" untuk Formulasi Nilai Tambah Syari'ah". *Simposium Nasional Perakaunan X Unhas,*( 26-28 Juli 2007). 4

[153]Ibid., 5

Penempatan Allah SWT sebagai *stakeholder* tertinggi selaras dengan firman Allah SWT dalam surat al-Baqarah:

هُوَ ٱلَّذِى خَلَقَ لَكُم مَّا فِى ٱلْأَرْضِ جَمِيعًا ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ

فَسَوَّىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَـٰوَٰتٍ ۚ وَهُوَ بِكُلِّ شَىْءٍ عَلِيمٌ ﴿٢٩﴾

Al-Baqarah 2: 29

> Terjemahan: Dia lah (Allah) Yang menjadikan untuk kamu Segala Yang ada di bumi, kemudian ia menuju Dengan kehendakNya ke arah (bahan-bahan) langit, lalu dijadikannya tujuh langit Dengan sempurna; dan ia Maha mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.[154]

Ayat ini menjelaskan kepada manusia bahawa setiap yang ada di bumi ini dan isinya termasuk segala yang dimiliki manusia adalah sebenarnya hak milik Allah sebagai pemilik yang hakiki. Pemilikan manusia adalah bersifat sementara dan berupa amanah, manakala Allah SWT adalah pemilik kekal terhadap segala sesuatu.[155] *Stakeholder* kedua dari SET adalah manusia. Di sini dibedakan menjadi dua kelompok, iaitu *direct-stakeholders* dan *indirect–stakeholders*. *Direct-stakeholders* adalah pihak-pihak yang secara langsung memberikan kontribusi pada korporat, baik dalam bentuk sumbangan kewangan (*financial contribution*) mahupun non-kewangan (*nonfinancial contribution*). Kerana mereka telah memberikan kontribusi kepada korporat, maka mereka mempunyai hak untuk mendapatkan kesejahteraan dari korporat. Sementara, yang dimaksud dengan *indirect-stakeholders* adalah pihak-pihak yang sama sekali tidak memberikan sumbangan kepada korporat (baik secara kewangan mahupun non-

[154] Muhammad ‘Uthman El-Mahmudy, “ Al-Qur’an ‘L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. I ” Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 22

[155] Asyraf et all, “Islam dan Ekonomi“ (Kuala Lumpur :University Malaysia Terengganu, 2010), 18

kewangan), tetapi secara syari'ah mereka adalah pihak yang memiliki hak untuk mendapatkan kesejahteraan dari korporat.

Golongan *stakeholder* terakhir dari SET adalah alam. Alam adalah pihak yang memberikan sumbangan bagi mati-hidupnya korporat sebagaimana pihak Allah dan manusia. Korporat wujud secara fizikal kerana didirikan di atas bumi, menggunakan tenaga yang tersebar di alam, memproduksi dengan menggunakan bahan baku dari alam, memberikan jasa kepada pihak lain dengan menggunakan tenaga yang tersedia di alam, dan lain-lainnya. Namun demikian, alam tidak menghendaki kesejahteraan dari korporat dalam bentuk wang sebagaimana yang diinginkan manusia. Maka, kesejahteraan alam itu wujud dengan menunjukkan keprihatinan pihak korporat terhadap kelestarian alam dengan menganjurkan program pencegahan pencemaran dan sebagainya.

Kerohanian dalam CSR juga merangkumi makna taqwa, sesebuah korporat itu merupakan satu organisasi yang merangkumi sekumpulan individu yang memainkan peranan penting sebagai hamba dan juga khalifah Allah SWT di muka bumi ini dalam setiap situasi.[156] Maka dengan itu, sesebuah organisasi korporat dianggap telah melaksanakan tanggungjawabnya kepada Allah SWT. Individu yang memelihara hubungannya dengan Allah secara tidak langsung telah menjaga hubungannya sesama insan yang lain dan juga alam seluruhnya. Situasi ini akan mengelakkan berlakunya perselisihan kepentingan dikalangan ahli dan masyarakat kerana setiap individu dalam masyarakat mempunyai satu matlamat utama iaitu mengabdikan diri kepada Allah.[157] Individu akan bekerja bersaing sesama sendiri untuk mencapai matlamat *al-falah* sebagai puncak kejayaan dalam hidup.[158]

---

[156]Asyraff wajdi Dusuki, "Stakeholder's Expectation towards corporate social responsibility of Islamic banks" ( jurnal, *internasional Accounting Confereccce* III ( INTAC 3) IIUM Kuala Lumpur 26 -28th june 2006).
[157]Ibid,.
[158]Norajilah chie man, *Tanggungjawab Sosial Korporat* 56

Berdasarkan pendekatan kerohanian, Islam mengatur hubungan antara manusia dengan Tuhan; manusia dengan manusia; dan manusia dengan lingkungan. Jika dilakukan dalam aktiviti perniagaan, maka aktiviti tersebut dilakukan tidak hanya untuk memuaskan keperluan *material*, tetapi lebih untuk memenuhi kewajiban agama dan mencapai tujuan *non-material*, seperti keperluan keamanan sosial atau yang disebut dengan *social responsibility,* iaitu konsep dalam Islam yang berawal dari konsep *brotherhood* dan *social justice*. *Social justice* akan melindungi Muslim dari perbuatan haram, Ssedangkan *Brotherhood* merupakan konsep yang menyatakan bahawa sesama muslim adalah saudara, sehingga sesama muslim saling bertanggungjawab, khususnya terhadap orang yang tidak berkemampuan.[159]

### 2.2.3.2. Rahmatan Lil 'Alamin

Islam adalah agama yang diturunkan Tuhan untuk menjadi rahmat bagi alam semestanya. Pesan kerahmatan dalam Islam benar-benar tersebar dalam teks-teks Islam, baik al-Quran mahupun al-Hadis. 'Rahman' membawa maksud kasih sayang, berikut keagunganya, disebut berulang-ulang dalam jumlah yang begitu besar, lebih dari 90 ayat dalam al-Quran. Bahkan, dua kata *Rahman* dan *Rahim* yang diambil dari kata 'rahmat' dan selalu disebut-sebut kaum muslim setiap hari adalah nama-nama Tuhan sendiri (*asmaul husna*). Nabi Muhammad SAW bersabda:

الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ ارْحَمُوا أَهْلَ الْأَرْضِ يَرْحَمُكُمْ أَهْلُ السَّمَاء

Terjemahan: "Sayangilah siapa saja yang ada di muka bumi niscaya Tuhan menyanyanginya."[160]

---

[159]Mukhazir, Muhammad, and Noordin. "Corporate Social Responsibility Disclosure : A Tawhidic Approach". *Jurnal Syariah,* 14-1 (2006)125-142.

[160] Hadith Riwayat Abdullah Bin Amru, Syarhu Al Kitab Al Syibah Fi Al Hukmi Wa Al Mawa'id Wa Al Adab Lil Imam Al Qha'i, Bab Al Akhlak Wa Al Suluk Wa Al Adab, No. Hadith 13041 ( Kuwait: Wizaratu Al Awqaf Wa Syu'un Islamiyah ,2007), 330.

al-Quran yang merupakan sumber utama dalam Islam menyebutkan misi kerahmatan ini di dalam al-Quran:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ ١٠٧

al-Anbiyaa' 21:107

> Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.[161]

Ibnu Abbas, ahli tafsir awal, mengatakan bahawa kerahmatan Allah meliputi orang-orang Mukmin dan orang kafir. Al-quran juga menegaskan, rahmat Tuhan meliputi segala hal.[162]

وَٱكۡتُبۡ لَنَا فِي هَٰذِهِ ٱلدُّنۡيَا حَسَنَةٗ وَفِي ٱلۡأٓخِرَةِ إِنَّا هُدۡنَآ إِلَيۡكَۚ
قَالَ عَذَابِيٓ أُصِيبُ بِهِۦ مَنۡ أَشَآءُۖ وَرَحۡمَتِي وَسِعَتۡ كُلَّ شَيۡءٖۚ
فَسَأَكۡتُبُهَا لِلَّذِينَ يَتَّقُونَ وَيُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱلَّذِينَ هُم بِـَٔايَٰتِنَا
يُؤۡمِنُونَ ١٥٦

al-A'raaf 7: 156

> Terjemahan: Dan Tetapkanlah untuk Kami kebaikan Dalam dunia ini dan juga di akhirat, Sesungguhnya Kami kembali (bertaubat) kepadamu". Allah berfirman: "AzabKu akan Aku timpakan kepada sesiapa Yang Aku kehendaki, dan rahmatKu meliputi tiap-tiap sesuatu; maka Aku akan menentukannya bagi orang-orang Yang bertaqwa, dan Yang memberi zakat, serta orang-orang Yang beriman kepada ayat-ayat kami.[163]

Para ahli tafsir juga bersepakat menyatakan bahawa rahmat Allah mencakupi orang-orang Mukmin dan orang-orang kafir, orang baik (*al-birr*) dan yang jahat (*al-fajir*), serta semua makhluk Allah SWT.

---

[161] Muhammad 'Uthman El-Mahmudy, " Al-Qur'an 'L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. III " Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 1599

[162] QS 7: 156

[163] Muhammad 'Uthman El-Mahmudy, " Al-Qur'an 'L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. II " Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 654

Prinsip rahmatan lil'alamin bermakna adanya manusia seharusnya menjadi manfaat bagi makhluk Allah lainnya. Dalam kerangka bank Syariah, maka manfaat keberadaan bank Syariah seharusnya dapat dirasai oleh semua pihak baik yang terlibat mahupun tidak terlibat langsung dalam aktiviti perbankan Syariah. Menurut Meutia,[164] bentuk *rahmat* ini dapat berupa pemberian zakat, infaq, dan sedekah mahupun pemberian pembiayaan kepada para pengusaha kecil.

Sebagai agama yang *rahmatan lil'alamin,* agama Islam penuh dengan nilai-nilai persaudaraan, persatuan, cinta, dan kasih sayang sesama manusia. Agama Islam sangat menganjurkan untuk saling menjaga dan memelihara sesama manusia. Hal ini termasuk menjaga kelestarian lingkungan alam mahupun menjaga kehidupan sesama manusia. Meutia turut[165] menjelaskan bahawa meningkatkan kesejahteraan *stakeholders* merupakan sebahagian daripada usaha untuk menjadi *rahmatan lil'alamin* dan mencapai tujuan utama dalam ekonomi Syariah. Kesejahteraan yang dimaksudkan adalah kesejahteraan material dan spiritual (*nafs, faith, intellect, posterity,* dan *wealth).* Kesejahteraan dalam tujuan Syariah, dinyatakan Al Ghaza[166] tidak diperuntukkan bagi pemilik modal sahaja, malah ia juga untuk kepentingan semua *stakeholders* (*maslahah*). Konsep ini selaras dengan *rahmatan lil-'alamin* dipetik dari salah satu ayat al-Qur'an:

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةً لِّلۡعَٰلَمِينَ ١٠٧

anbiya' 21: 107

Terjemahan: Dan tiadalah Kami mengutuskan Engkau (Wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.[167]

---

[164]Meutia, Inten..” Menata Pengungkapan CSR di Bank Islam (Suatu Pendekatan Kritis)*”* 221

[165]Ibid.,195

[166]Al-Ghazali, Abu Hamid. “ *Ihya' Ulumuddin jilid 4”* (Jakarta:Republika, 2012), 3

[167] Muhammad ‘Uthman El-Mahmudy, “ Al-Qur'an ‘L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. III ” Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 1599

Dalam ayat itu, *"rahmatan lil-'alamin"* secara tegas dikaitkan dengan kerasulan Nabi Muhammad SAW. Ertinya, Allah SWT tidaklah menjadikan Nabi SAW sebagai rasul, kecuali kerana kerasulan baginda menjadi rahmat bagi semesta alam. Oleh kerana rahmat yang diberikan oleh Allah kepada semesta alam ini dikaitkan dengan kerasulan Nabi ShallAllahu 'Alaihi wa Sallam, maka umat manusia dalam menerima sebagian dari rahmat tersebut berbeda-beda. Ada yang menerima rahmat tersebut dengan sempurna, dan ada pula yang menerima rahmat tersebut dengan tidak sempurna.

Konsep *rahmatan lil-'alamin* juga terkait dengan ayat peranan manusia sebagai khalifah Allah di muka bumi ini. Firman Allah*:*

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَٰٓئِكَةِ إِنِّى جَاعِلٌ فِى ٱلْأَرْضِ خَلِيفَةً ۖ قَالُوٓا۟ أَتَجْعَلُ
فِيهَا مَن يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ ٱلدِّمَآءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ ۖ
قَالَ إِنِّىٓ أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

al-Baqarah 2: 30

> Terjemahan: Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu Dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang Yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal Kami sentiasa bertasbih Dengan memujiMu dan mensucikanMu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa Yang kamu tidak mengetahuinya".[168]

Konsep ini merupakan penjelasan bahawa manusia diciptakan bukan hanya terhad untuk beribadah dalam hal *ta'budi* sahaja. Akan tetapi banyak hal yang di bebankan dalam Islam untuk menjadi seseorang muslim yang Islami. Salah satunya adalah

[168] Muhammad 'Uthman El-Mahmudy, " Al-Qur'an 'L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. I " Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 23

khalifah. Tanggungjawab khalifah itu sangat besar demi terciptanya kesejahteraan dalam hidup di dunia ini dan *falah fi al-akhirat.*

Dua peranan yang sangat peranan utama yang dimainkan oleh manusia ialah yang pertama sebagai hamba Allah dan yang kedua sebagai khalifah Allah di muka bumi.[169] Sebagai hamba, manusia harus menghambakan diri kepada tuhan penciptanya, mencari keredhaan Allah, mematuhi segala aturan dan panduan yang telah di tetapkan, berbuat baik kepada sesama makhluk dan mengelakkan daripada membuat kerosakan di muka bumi Allah ini. Manakala manusia sebagai khalifah, manusia bertanggungjawab untuk menguatkan Syariah Islam dalam segenap aspek kehidupannya, memastikan keharmonisan, keamanan dan kesejahteraan hidup.

Al-Mawdudi menafsirkan maksud perkataan "khalifah" sebagai "wakil Allah di muka bumi"[170] Sehingga sebagai seorang wakil, manusia mestilah bersifat dan bertindak sama seperti sifat, kehendak dan tindakan yang dilakukan oleh yang digantikannya. Hal ini bermaksud manusia tidak mempunyai kebebasan mutlak untuk berbuat apa sahaja sesuka hatinya. Manusia mestilah bertindak dalam lingkungan kuasa yang diwakilkan kepadanya oleh Allah SWT.

Manakala Ibn Kathir menerangkan maksud perkataan penguasa bumi (*khalaif al ard*)[171] adalah sebagai pelaksana untuk memakmurkan bumi dari masa ke semasa untuk di manfaatkan oleh generasi yang akan datang.[172] Ini bermakna adanya kesinambungan dan kelestarian tugas khalifah bukan hanya terbatas pada satu generasi atau kumpulan tertentu sahaja, tetapi ia bertanggungjawab secara berterusan dan lestari.

---

[169]Norajilah, *Tanggungjawab Sosial Korporat 54*

[170]Abu al A"la al Maududi , *Al Hadarah al Islamiyyah: Ususuha wa Mabadi 'Uha*, Kaherah: Dar Ansar. (t.t), 16-23

[171]surat al An'am, 6: 165

[172] Ibn Kathsir,"Tafsir al Qur'an Ibn Katsir,"(Beirut: Al Maktabah al-Asriyyah. 1996),185

Kedua penafsiran yang dikemukakan oleh al Mawdudi dan Ibn Kathir tentang makna khalifah di atas, ia memberikan gambaran jelas tentang kewajiban setiap manusia untuk bertanggungjawab kepada Allah SWT sebagai pemberi perwakilan dan terhadap manusia dan alam sekitar untuk menciptakan keharmonian dan keselarasan dalam hidup. Pertanggungjawaban tersebut menuntut manusia untuk mengurus tadbir alam dan segala isinya dalam keadaan yang betul demi keselamatan manusia itu sendiri dan kelestarian makhluk-makhluk tuhan lainnya. Ia juga sebagai bentuk amanah untuk dijaga dan diawasi dari sebarang bentuk penyimpangan. Semua ini menjadi bukti kesyukuran hamba terhadap pencipta-Nya sehingga tidak digolongkan menjadi golongan yang kufur nikmat.

Justeru itu kedudukan CSR boleh difahami dalam konteks pemahaman ajaran Islam sebagai salah satu kewajipan dan fungsi semula jadi penciptaan manusia. Ini kerana CSR merupakan salah satu tugas penting manusia yang merupakan amanah dari Allah. Satu sisi adalah wujud ketaatan kepada Allah SWT, di sisi lain ia berfungsi sebagai pertanggungjawaban manusia sebagai khalifah Allah SWT di atas muka bumi. Allah telah memberikan kelebihan dan kedudukan  yang tinggi untuk manusia. Maka, dengan anugerah yang diberikan oleh-Nya, manusia dapat membantu golongan-golongan yang lemah bagi meringankan beban yang ditanggung.[173]dalam mencari kebenaran dan keagungan Allah selain mendapatkan rezeki kurniaan Allah.[174]

---

[173]Muhammad Yasir Yusuf, Kriteria-Kriteria Pelaksanaan *Corporate Social Responsibility* (CSR) Pada Institusi Perbankan Islam, Center for Islamic Development Management (ISDEV), 11800 Minden, Pulau Pinang, Kertas kerja untuk dibentangkan pada *Social Science Postgraduate National Seminar (SSPSN)* 2011, Universiti Sains Malaysia (USM), 4-5

[174]Asyraf .Ab rahman @ all, " Islam dan Ekonomi " 32

### 2.2.3.3. Ukhuwah Islamiah dan Al-'Adl

Matlamat Islam di turunkan adalah untuk memperbaiki umat manusia dalam hal aspek kehidupannya baik urusan agama, kemasyarakatan, mahupun keadilan. Dalam Al-quran telah dijelaskan bahawa harus berlaku adil dan belaku berakhlak mulia demi terciptanya sebuah ukhuwah Islamiah akhlak yang baik dalam menjalankan ekonomi akan mengutuk sistem ekonomi yang mementingkan keuntungan semata-mata tanpa mengendahkan kesengsaraan orang lain. maka keadilan sosial akan terwujud dengan erat atas dasar ukhuwah Islamiayah sehingga dapat mewujudkan kesamaan diantara manusia tanpa mengira warna kulit, ras, bahasa, dan kedudukan dalam masyarakat.[175] Allah berfirman dalam Al-quran:

إِنَّمَا ٱلْمُؤْمِنُونَ إِخْوَةٌ فَأَصْلِحُوا۟ بَيْنَ أَخَوَيْكُمْ ۚ وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ ﴿١٠﴾

al-Hujarat 49: 10

> Terjemahan: Sebenarnya orang-orang Yang beriman itu adalah bersaudara, maka damaikanlah di antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertaqwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat.[176]

Sejarah telah menunjukkan bahawa dengan kedatangan Islam, *ukhuwah Islamiah* atau persaudaraan yang berasaskan agama telah mengambil tempat seangat perkauman dan kebangsaan yang berluasa pada zaman jahiliyah.

Sesungguhnya ukhuwah Islamiyah tersebut telah menjadikan bangsa Arab seluruhnya sebagai umat yang baru, dan menjadikan rantau Islam lebih luas sehingga

---

[175] Ibid.,15

[176] Muhammad 'Uthman El-Mahmudy, " Al-Qur'an 'L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. V " Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 2659

merangkumi alam seluruhnya dan tidak hanya terhad kepada tanah Arab sahaja.[177] Ukhuwah itu juga telah melahirkan suatu perasaan dan kesedaran akan tanggungjawab terhadap masyarakat dan kepentingannya dalam diri setiap individu. malah ia juga dapat mewujudkan perasaan dan kesedaran akan tanggungjawab terhadap kepentingan dan kemaslahatan individu dalam masyarakat Islamiyah. Suatu tanggungjawab dalam bentuk keselamatan material dan spiritual yang akhirnya dalam menguatkan lagi ukhuwwah Islam dan terus mengekalkannya.[178]

Rasulullah menjelaskan dalam hadis semua perkara yang boleh membawa kepada kekuatan ukhuwwah Islamiyyah.

الْمُسْلِمُ لِلْمُسْلِمِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا

> Terjemahan: (perumpamaan) seorang muslim dengan seorang muslim yang lain (adalah) seperti sebuah bangunan yang menguatkan setenganya akan tengah yg lain.[179]

Ertinya masyarakat Islam mestilah seperti sebuah bangunan yang tersergam kukuh. Ini sangat berkait rapat dengan kehidupan sosial di dunia ini, kerana keadialan sosial merupakan sebuah cara untuk melawan dan memerangi kezaliman. Oleh kerana itu agama Islam merupakan satu agama yang adil dan menekankan umatnya untuk mengaplikasikan pelaksanaan keadilan dalam kehidupan Ini jelas dalam firman alah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُونُوا۟ قَوَّٰمِينَ لِلَّهِ شُهَدَآءَ بِٱلْقِسْطِ ۖ وَلَا
يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَـَٔانُ قَوْمٍ عَلَىٰٓ أَلَّا تَعْدِلُوا۟ ۚ ٱعْدِلُوا۟ هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ ۖ
وَٱتَّقُوا۟ ٱللَّهَ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ خَبِيرٌۢ بِمَا تَعْمَلُونَ ﴿٨﴾

al-Maidah 5:8

---

177 Salahuddin almunjid " Masyarakat Islam di bawah naungan keadilan" dewan puskata fajar, kuala lumpur (1988), 50
178 ibid
179 Hadith riwayat al-Bukhari, " sahih al-Bukhari", ( Al-Qahirah: maktabah maktabah al salfiyah, 1980), 2446

Terjemahan: Wahai orang-orang Yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang Yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. dan bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui Dengan mendalam akan apa Yang kamu lakukan.[180]

Berpandukan kepada falsafah tauhid, Al-quran menganjurkan agar prinsip *al-'adl wal ishsan* (keadilan dan muafakat) menjadi asas dan teras yang utama dalam menyusun dan membangun sebuah masyarakat bernegara. Allah SWT berfirman:

إِنَّ ٱللَّهَ يَأْمُرُ بِٱلْعَدْلِ وَٱلْإِحْسَٰنِ وَإِيتَآيِٕ ذِى ٱلْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
ٱلْفَحْشَآءِ وَٱلْمُنكَرِ وَٱلْبَغْىِ ۚ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

al-Nahl 16:90

Terjemahan: Sesungguhnya Allah menyuruh berlaku adil, dan berbuat kebaikan, serta memberi bantuan kepada kaum kerabat; dan melarang daripada melakukan perbuatan-perbuatan Yang keji dan mungkar serta kezaliman. ia mengajar kamu (dengan suruhan dan laranganNya ini), supaya kamu mengambil peringatan mematuhiNya.[181]

Prinsip keadilan ialan asas yang dinamik untuk mengatur dan melaksanakan urusan sosial dalam negara. Berurusan sesama manusia memerlukan teras yang kukuh agar menepati nilai kemanusian. Justeru, sistem sosial negara yang berteraskan semangat keadilan akan mampu mewujudkan suasana yang harmoni iaitu kesemua individu dapat berfungsi secara positif dan berbakti.[182]

Dengan mengambil pendekatan Islam dalam menyusun dan membangun masyarakat bernegara, pemerintah perlu memberi keutamaan kepada strategi keadilan

---

[180] Muhammad 'Uthman El-Mahmudy, " Al-Qur'an 'L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. III " Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 1286

[181]

[182]Nik Mustapha " Pendekatan Keadilan Sosial Dalam Membangun Negara" dalam *keadilan sosial dari persepektif Islam*, penyuting Khairul Azhar Idris ( kuala lumpur, MPH Group Printing (M) sdn bhd , 2007) 2

sosial *(al'adl al ijtima'iyyah)* dalam membangunkan negara. Hasilnya jaminan sosial kepada masyarakat akan tercapai.[183]

Jaminan sosial sosial dapat difahami apabila dalam sesebuah masyarakat kesemua keperluan asas kehidupan untuk individu dan masyarakat berfungsi diperingkat minimum dapat diwujudkan dan dihayati.[184] Dalam konteks dunia barat, jaminan sosial *(social security)* dita'rifkan:

> A term used to refer to a variet of sistems of income support. In the U.K itu convers retirement pensions, sickness, injury and material benefit; invadilidity benefit;unemployment benefit; supplementary; child benefit;and faily income supplement.[185]

Syed Qutb[186] menulis di dalam bukunya *Al-adalah al-ijtima'iyyah fi al-Islam* berkata: "kita tidak akan dapat memahami pengertian keadilan sosial dalam Islam secara tepat kecuali apabila kita memahami tasawur Islam tentang ketuhanan, alam sejagat, kehidupan dan manusia kerana keadilan adalah satu cabang yang kecil dari pada empat komponen induk tersebut."

Pandangan yang diutarakan oleh syed qutub ini menjelaskan bahawa keadilan sosial dalam Islam amat dipengaruhi oleh konsep ketauhidan Allah. Pandangan Islam terhadap kehidupan manusia di dunia ini sangat berkait rapat dengan keadilan sosial yang bererti keadilan manusia dalam segenap bidang kehidupan yang diceburi. Ia tidak terbatas kepada 'material' dan ekonomi sahaja, malah ia merangkumi nilai-nilai spiritual., Oleh itu keadilan sosial ia merangkumi kehidupan kebendaan dan kehidupan kerohanian.[187]

---

[183]Ibid., 3

[184]Ibid.

[185]Ibid., lihat man, micheal (Ed.) " Macmillan Student Encyclopedia Of Sociology " (London: macmillan press:,1983) 336

[186]Syed qutb, "Al-adalah al-ijtima'iyyah fi al-Islam" (Cairo:Dar shuruq,1983) 20

[187]Abdullah Muhammad ZIn " Keadilan Sosial Pada Zaman Rasullah Dan Khulafa' Al-Rasyidin" Dalam *Keadilan Sosial Dari Persepektif Islam*, penyuting Khairul Azhar Idris ( kuala lumpur, MPH group printing (M) sdn bhd , 2007) 17

Setiap aktiviti sosial dan kerja-kerja amal yang dianjurkan kurang diberi penumpuan oleh anggota masyarakat Islam di negara ini, sama ada di peringkat individu mahupun organisasi. jika bandingkan dengan aktiviti keagamaan bercorakkan ibadat khusus, dapati ramai sekali di kalangan masyarakat yang berminat. kadang-kadang didapati semacam ada sesuatu "kegairahan" yang begitu ketara dilakukan orang ramai.[188] Dapat dipahami bahawa keadilan sosial mestilah diikat dan dikaitkan dengan konsep akidah dan keimanan yang mendalam terhadap keesaan Allah SWT serta berkaitan rapat dengan tugas manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini iaitu sebagai agen pembangunan jasmani dan rohani.[189]

Selain daripada itu, keadilan dan persaudaraan dalam Islam menekankan bahawa ahli masyarakat harus mengambil berat mengenai keperluan asas orang-orang fakir dan miskin.[190] Amalan berkaitan keadilan sosial ini dapat menghalang individu dari melakukan perkara yang mendatangkan kemudaratan kepada diri sendiri, orang sekeliling serta makhluk Allah yang lain.[191]

Konsep keadilan sosial ini memastikan setiap individu dalam masyarakat mendapatkan hak masing-masing. Harta-harta yang ada di dalam masyarakat hendaklah di agihkan kepada setiap individu supaya harta tersebut tidak hanya berlegar untuk satu golongan sahaja. Konsep inilah yang disebut sebagai tanggungjawab sosial dan keadilan, dan ianya bersesuaian dengan transaksi Islam perniagaan dalam Islam.[192]

Dalam Islam, aktiviti perniagaan tidak hanya dilakukan untuk memuaskan keperluan dan kehendak material sahaja, bahkan iannya dilakukan untuk memenuhi

---

[188]Ibid., 30
[189]Abdullah Muhammad zin "keadilan sosial pada zaman Rasullah dan Khulafa' Al-Rasyidin"16
[190]Gillian rice, " Islamic Ethics and the Implication for business", *journal of business Ethics , 18 (*1999), 345-358
[191]Norajilah chie man, *Tanggungjawab Sosial Korporat.* 62
[192]ibid., 64

tanggungjawab agama dan untuk mencapai objektif-objektif bukan material seperti melindungi keperluan sosial.[193]

Asyraff wajdi dusuki menyatakan bahawa, CSR dalam Islam adalah sebuah inisiatif moral dan keagamaan.[194] Jawed Akhtar Mohammed juga menjelaskan bahawa CSR dalam Islam merujuk kepada jangka masyarakat terhadap perniagaan untuk tidak mendatangkan menudaratan dan juga menyumbang kepada kebajikan orang lain.[195]

Maka dengan itu, dapat difahami bahawa, walaupun sesebuah syarikat itu boleh membuat keuntungan berdasarkan apa yang telah dihasilkan namun, mereka tidak seharusnya didorong dengan cara yang tidak beretika dan tidak bermoral dalam memcapai matlamat tersebut. Tanggungjawab terhadap masyarakat perlu diberi perhatian bagi menjamin hubungan mereka dengan Allah SWT, hubungan sesama manusia dan juga makhluk dan juga makhluk Allah SWT. seluruhnya. Hubungan baik dengan Allah akan mendorong kepada transaksi dan interaksi harian yang berlandaskan nilai-nilai kepercayaan, keteguhan, kebaikan, kepatuhan kepada undang-undang dan nilai-nilai murni yang lain. Sekiranya hubungan dengan Allah SWT. ini tidak dipelihara, elemen-elemem negatif seperti penipuan, kerakusan, suka bermegah-megah, hasad dengki, dan sebagainya akan menyelubungi dalam diri masyarakat.

### 2.2.4. Kepentingan *Coporate Social Responsibity* (CSR)

CSR yang dilakukan korporat merupakan suatu bentuk kebijaksanaan moral korporat yang mempunyai pengaruh lebih luas kepada masyarakat untuk kepentingan korporat dan masyarakat secara amnya. CSR juga dikenali sebagai CR (*corporate responsibility),*

---

[193]Gillian rice, " Islamic Ethics and the Implication for business", *journal of business Ethics , 18 (*1999), 345-358

[194]Asyraff wajdi dusuki " What does Islam say about Corporate sosial responsibility "? Review of Islamic Economics, jil 12 bil 1 (2008), 5-28

[195] Norajilah , *Tanggungjawab Sosial Korporat* 64 , lihat: Jawed Akhtar Mohammed " Corporate Social Responsibilty in Islam " (Doktor Falsafah. Universiti teknologi Auckland, New Zealand 2007

*corporat citizenship, global citizenship dan corporate Accoutability* telah menjadi satu pertimbangan yang penting dalam membuat sesuatu keputusan dalam pelaburan.[196]

Tentu banyak manfaat yang dapat diperoleh masyarakat sekitar, diantaranya perluasan lapangan kerja, perkhidmatan public yang lebih baik, seperti pelayanan kesihatan, pendidikan, dan pelbagai bidang lainnya tergantung pada bentuk CSR yang dilakukan oleh korporat. Sementara itu, CSR juga akan memberikan manfaat dengan menciptakan dan melestarikan lingkungan dan sumber daya yang ada ke arah yang lebih baik.[197]

Namun CSR yang diterapkan tidak hanya memberi manfaat bagi masyarakat dan lingkungan, melainkan juga bermanfaat bagi korporat. Menurut Wibison,[198] manfaat CSR bagi korporat diantaranya, mempertahankan atau mendongkrak reputasi dan *brand image* korporat, layak mendapatkan *social license to operate*, mereduksi resiko perniagaan korporat, melebarkan akses sumber daya, membentangkan akses menuju market, mereduksi biaya, memperbaiki hubungan dengan *stakeholders*, memperbaiki hubungan dengan regulator, meningkatkan semangat dan produktivitas pekerja, memberikan peluang untuk mendapatkan penghargaan, dan beberapa keuntungan lainnya.

Seperti yang diungkapkan oleh Chairil. N. Siregar,[199]

> "Pelabur juga ingin pelaburannya dan kepercayaan masyarakat terhadap korporatnya mempunyai imej yang baik di mata masyarakat umum. Dengan demikian, apabila korporat melakukan program-program CSR diharapkan berterusan, sehingga korporat akan berjalan

---

[196]Asyraff wajdi dusuki " What does Islam say about Corporate sosial responsibility "? Review of Islamic Economics, jil 12 bil 1 (2008), 5-28

[197]Bio Hafsari Larasati, "peranan CSR" dicapai 3 november 2013, http://biola22.wordpress.com/2009/05/26/peranan-csr-corporate-social-responsibility/

[198]Wibisono,Yusuf. "*Membedah Konsep dan Aplikasi CSR (Corporate Social Responsibility).* (Gresik: Fascho Publishing 2007)84-87

[199] Chairil. N. Siregar.2007.Jurnal Sosioteknologi Edisi 12. hal. 285

> dengan baik. Oleh kerana itu, program CSR lebih tepat apabila digolongkan sebagai pelaburan dan harus menjadi strategi perniagaan dari suatu korporat."

Dalam penerapan CSR, korporat dirasa perlu memiliki pandangan bahwa CSR adalah investasi masa depan. Ertinya, CSR bukan lagi dilihat sebagai sentra biaya (*cost centre*), melainkan sentra laba (*profit centre*) di masa mendatang. Kerana melalui hubungan timbal baliknya masyarakat juga akan ikut menjaga kejayaan korporat.[200]

Dalam kajian yang bertajuk *Corporate Social Responsibility and Resource-Based Prespectives*, Branco dan Rodrigues (2006) membagi dua manfaat CSR bila dikaitkan dengan keunggulan kompetitif dari sebuah korporat, yaitu dari sisi internal dan eksternal. Dari sisi internal, manfaat itu meliputi:[201]

1. Pembangunan aktiviti yang berkaitan dengan sumber manusia. Untuk itu diperlukan amalan-amalan pekerjaan yang bertanggung jawab secara sosial.
2. Adanya pencegahan pencemaran dan penyusunan semula pengurusan proses pengeluaran dan aliran bahan-bahan mentah, serta hubungan dengan para pembekal berjalan dengan baik. Tujuannya adalah peningkatan prestasi persekitaran korporat.
3. Mencipta budaya korporat, keupayaan sumber manusia, dan organisasi yang baik
4. Prestasi kewangan korporat, terutama harga saham bagi korporat menjadi lebih baik.

[200]Wibisono,Yusuf "*Membedah Konsep dan Aplikasi CSR (Corporate Social Responsibility).* Gresik: Fascho Publishing (2007)35

[201]Mursitama et all "*Corporate Social Responsibility di Indonesia (Teori dan Implementasi)".* Institute for Development of Economic and Finance (INDEF) (2011) 27

Manakala manfaat luaran (eksternal) yang boleh diperolehi korporat dari pelaksanaan CSR sebagai berikut:[202]

1. Penerapan CSR akan meningkatkan reputasi korporat sebagai badan yang mengemban dengan baik pertanggungjawaban secara sosial.
2. CSR merupakan satu bentuk pembezaan produk yang baik. Ertinya, sebuah produk yang memenuhi keperluan-keperluan mesra alam dan hasil daripada korporat yang bertanggung jawab secara sosial.
3. Melaksanakan CSR dan membuka kegiatan CSR secara awam adalah alat untuk komunikasi yang baik dengan khalayak.

Hal ini telah digambarkan dalam Kod pelbagai tingkah laku etika perniagaan[203] *codes of conduct (Draf)* ISO 26000, Inisiatif Pelaporan Global (*Global Reporting Initiatives* / GRI), UN *Global Compact*, Institut kewangan antarabangsa (*International Finance Corporation /* IFC), dan lainnya, bahwa ada pelbagai alat penunjuk untuk pelaksanaan komitmen pembaharuan CSR, demi memenuhi sasaran adanya pembangunan berkelanjutan. Seperti isu persekitaran hidup, hak asasi manusia, praktik ketenagakerjaan, perlindungan para pengguna, tata kelola korporat, praktik pengurusan yang adil, dan pembangunan masyarakat. Sebenarnya Prinsip-Prinsip tersebut merupakan perwakilan pelbagai komitmen pembaharuan yang sesuai dengan pengamalan prinsip kehidupan Islami.

Dalam pelbagai Kod kelakuan (*codes of conduct)* diisytiharkan bahwa operasi korporat semestinya terbebas dari pelbagai amalan rasuah (*fight agains corruption*) dan Memberikan Jaminan perkhidmatan maksimum, termasuk perkhidmatan yang

---

[202] Ibid., 30
[203] Muhammad Endro Sampurna, “Sinergi CSR dengan Perspektif Islam” (Jakarta: Lingkar Studi CSR, paper publisher 18 September 2007).2

dipercayai bagi setiap produknya (*provision and development of safe and reliable products*).[204] Hal ini secara tegas disenaraikan dalam al-Quran:

وَإِلَىٰ مَدْيَنَ أَخَاهُمْ شُعَيْبًا ۗ قَالَ يَٰقَوْمِ ٱعْبُدُوا۟ ٱللَّهَ مَا لَكُم مِّنْ إِلَٰهٍ
غَيْرُهُۥ ۖ قَدْ جَآءَتْكُم بَيِّنَةٌ مِّن رَّبِّكُمْ ۖ فَأَوْفُوا۟ ٱلْكَيْلَ وَٱلْمِيزَانَ
وَلَا تَبْخَسُوا۟ ٱلنَّاسَ أَشْيَآءَهُمْ وَلَا تُفْسِدُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بَعْدَ
إِصْلَٰحِهَا ۚ ذَٰلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِن كُنتُم مُّؤْمِنِينَ ﴿٨٥﴾

al-A’raaf 7: 85

Terjemahan: Dan kepada penduduk Madyan (Kami utuskan) saudara mereka Nabi Syuaib. ia berkata: "Wahai kaum Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan Yang nyata dari Tuhan kamu. oleh itu, sempurnakanlah sukatan dan timbangan, dan janganlah kamu kurangkan bagi manusia akan benda-benda dan perkara-perkara Yang menjadi haknya; dan janganlah kamu berbuat kerosakan di muka bumi sesudah Allah menjadikannya (makmur teratur) Dengan sebaik-baiknya. Yang demikian itu lebih baik bagi kamu jika betul kamu orang-orang Yang beriman.[205]

Begitu juga komitmen korporat terhadap kemampanan sumber alam. Dengan pengetahuan maksimum terhadap CSR, maka seharusnya alam dianggap sebagai pemangku kepentingan yang berkenaan. Dan alam dapat mempengaruhi prestasi sesebuah korporat. Kerana dengan daya Sokong persekitaran, maka korporat dapat

---

[204] Ibid.
[205] Muhammad ‘Uthman El-Mahmudy, “ Al-Qur’an ‘L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. II ” Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 689

beroperasi untuk pencapaian tujuan finansial. Begitu juga sebaliknya, ketidakmampuan daya sokong persekitaran akan berpengaruh terhadap pencapaian finansial Korporat.

Isu peduli sosial juga menjadi catatan penting dalam kajian *Islamic corporate sosial responsibility* (ICSR).[206] Seperti: tanggungjawab korporat terhadap masyarakat tempatan, pemberitahuan maklumat kepada masyarkat terhadap aktiviti korporat (*prior informed consent*), mahupun kegiatan pembangunan masyarakat dan aktiviti kebajikan. Aktiviti kepedulian sosial tersebut diamanahkan dalam Al-Hadis:

إِنَّ ٱلۡمُصَّدِّقِينَ وَٱلۡمُصَّدِّقَٰتِ وَأَقۡرَضُواْ ٱللَّهَ قَرۡضًا حَسَنٗا يُضَٰعَفُ لَهُمۡ

وَلَهُمۡ أَجۡرٞ كَرِيمٞ ١٨

al-Hadid 57:18

> Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang lelaki Yang bersedekah dan orang-orang perempuan Yang bersedekah, serta mereka memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman Yang baik (ikhlas), akan digandakan balasannya (dengan berganda-ganda banyaknya), dan mereka pula akan beroleh pahala Yang mulia.[207]

Terdapat tiga prinsip asas kepedulian korporat untuk menjalankan CSR iaitu profit, people, dan planet (3P) atau triple bottom lines. Maka tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) merupakan cara sesebuah organisasi mencapai kemajuan dalam perniagaan, dan membantu kemajuandan pembangunan persekitaran syarikat tersebut beroperasi.[208]

Untuk mencapai tujuan yang hakiki dalam melaksanakan program CSR, maka korporat bukan hanya setakat menggugurkan kewajipan yang telah diperintahkan oleh undang-undang, akan tetapi pelaksanaan CSR merupakan suatu bentuk pertanggungjawapan kepada Allah, melalui manusia dan alam sekitar. Pelaksanaan CSR

---

[206] Roshani Arshad et all, "Islamic Corporate Social Responsibilty, Corporate Reputation and Performance", *world Academy of science, engineering and tekhnologi*, (2012) 1070
[207] Muhammad 'Uthman El-Mahmudy, " Al-Qur'an 'L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. V " Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 2840
[208] AmInvestment Group Berhad "Laporan Tahunan 2007", Tanggungjawab Sosial Korporat.74

dijangkakan memberi kesan positif dalam menyelesaikan dan meringankan permasalahan sosial, baik yang terjadi dalam korporat mahupun masyarakat terutama untuk memperkasakan ekonomi masyarakat.[209]

Secara amnya, tujuan pelakasan CSR dibezakan menjadi dua factor, iaitu factor luaran (eksteral) dan factor dalaman (internal). Faktor luaran (eksternal) bertujuan untuk menjawab kritikan masyarakat awam terhadap prestasi sosial korporat kepada persekitaran. Manakala faktor dalaman (internal), ialah sumber peluang mendapatkan kecemerlangan berdaya saing (*responsibility is opportunity*), dan ianya sebagai penggalak korporat semakin kuat berperanan di masa mendatang.[210]

Kajian Marc Orlitzky, Frank Schmidt, dan Sara Rynes pada 2003, dengan jumlah kes 33.878 korporat selama 30 tahun, membuktikan bahawa prestasi sosial dan prestasi kewangan korporat sungguh sangat hubung kait, dan karenanya perdebatan mengenai keuntungan menjalankan CSR sesungguhnya boleh dianggap sudah berakhir.[211]

## 2.3. Kesimpulan

Melalui konsep CSR dalam pembangunan ekonomi masyarakat ini, dapat menyokong dan menjayakan ekonomi Islam kembali. Kejayaan ini dapat dilihat daripada pembangunan kerohaniaan, pendidikan, akhlak dan kejayan dalam memciptakan peluang kerja untuk mencapai *falah fiddunya wal Akhirat*.

---

[209] Muhammad Yasir Yusuf, "Kriteria-Kriteria Pelaksanaan *Corporate Social Responsibility* (Csr) Pada Institusi Perbankan Islam" Center for Islamic Development Management (ISDEV), 11800 Minden, Pulau Pinang, Kertas kerja untuk dibentangkan pada *Social Science Postgraduate National Seminar (SSPSN) 2011*, Universiti Sains Malaysia (USM), 14

[210] A+CSR Indonesia, lama sesawang *forum CSR* dicapai 20 September 2013, http://www.csrindonesia.com/faq.php#

[211] ibid

# BAB 3

# PELAKSAAN PROGRAM CSR BANK MUAMALAT INDONESIA

## 3. PENGENALAN

Penubuhan perbankan Islam diasaskan kepada beberapa sebab. Antaranya, terhadap pandangan bahawa faedah bank konvensional hukumnya haram kerana termasuk dalam kategori riba yang dilarang dalam agama Islam serta agama-agama lainnya.[212]

Perkembangan perbankan Islam setakat ini menunjukkan perakuan masyarakat dunia terhadap konsep dan operasi kewangan Islam. Pelbagai keunggulan konsep perbankan Islam berbanding perbankan konvensional telah menarik hasrat negara-negara bukan Islam bagi turut mengamalkan sistem perbankan Islam. Perkara ini seperti yang telah berlaku di negara-negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Jepun dan Singapura.[213]

Indonesia adalah negara yang kepulauan terbesar di dunia yang memilki suku bangsa, bahasa, dan agama dengan jumlah penduduk 240 juta. Meskipun bukan negara Islam, Indonesia merupakan negara dan penduduk muslim terbesar di dunia dengan jumlah penduduk beragama Islam 88 %, Kristian 5%, katolik 3%, hindu 2 %, budha 1 %, dan lainnya 1 %. Semakin majunya sistem kewangan dan perbankan serta semakin meningkatnya kesejahteraan, keperluan masyarakat, khususnya muslim, menyebabkan

---

[212]Heri sudarsono, "Bank Dan Lembaga Keuangan Syariah, e 2 c 2. Yogyakarta: penerbit konisial.(2004), 21

[213]Ibid.

semakin besarnya keperluan terhadap layanan jasa perbankan yang sesuai dengan prinsip Syariah.[214]

Kalahiran dan pekembangan bank Islam di Indonesia tidak dapat berlaku tanpa sokongan beberapa pihak, terutamanya masyarakat Islam yang hendak melaksanakan ajaran Islam dalam pelbagai sudut kehidupan. Pada sudut ekonomi, mereka berpandangan bahawa segala aktiviti ekonomi mesti berdasarkan pripnsip syarak yang menjaga kepentingan individu, masyarakat dan negara.[215]

## 3.1. SISTEM PERBANKAN ISLAM DI INDONESIA

Berkembangnya bank-bank Islam di negara-negara Islam telah memberi pengaruh yang besar kepada Indonesia. Idea untuk mendirikan bank Syariah di Indonesia sebenarnya telah wujud sejak pertengahan tahun 1970-an.[216] Hal ini pernah dibincangkan dalam dua seminar, salah satunya yang diadakan pada tahun 1976 iaitu seminar antarabangsa yang diadakan oleh Lembaga Studi Ilmu-Ilmu Kemasyarakatan (LSIK) dan Yayasan Bhineka Tunggal Ika (YBTI). Tetapi terdapat pelbagai sebab yang menghalang wujudnya idea ini, antaranya [217]:

1. Operasi bank Syariah yang menerapkan prinsip perkongsian untung dan rugi belum diatur kerana tidak selari dengan undang-undang asas perbankan yang berlaku iaitu undang-undang No.14/1967.
2. Konsep bank Syariah dari sudut politik bermakna idealime, merupakan sebahagian dari atau berkaitan dengan konsep negara Islam dan kerajaan itu tidak dikehendaki dalam kejayaan Indonesia.

---

[214] Ascarya, “ Akad Dan Produk Bank Syariah “ Jakarta: PT Rajafindo Persada. (2011) 203

[215] Heri sudarsono, “Bank dan lembaga keuangan Syariah”, 21

[216] Zulaiha, “*sistem perbankan Islam dan pelaksanaannya di sumatera selatan Indonesia”* (Disetasi Ijazah Sarjana. APIUM, UM) 2006, 42

[217] M.Dawam Rahajdjo “*Islam dan transformasi sosial-Ekonomi”* Jakarta: Lembaga Studi Agama Dan Filsafat, ( 1999) 405

3. Belum ada kepastian siapa yang memberikan pembiayaan modal. Manakala Indonesia belum memberikan kebenaran kepada bank Asing daripada Timur Tengah untuk membuka cawangan di Indonesia.

Meskipun mengalami kegagalan, idea mengenai bank Islam muncul lagi sejak tahun 1988. Kemunculan ini seiring dengan dikeluarkannya polisi kerajaan Indonesia yang dikenali dengan Pakej Kebijakan Oktober (PAKRO) pada oktober 1988. Polisi ini memberikan peluang penubuhan bank-bank baru beroprasi tanpa faedah di Indonesia.Para ulama pada waktu itu berusaha mendirikan bank tanpa faedah. Namun demikian tetap tidak wujud peraturan hukum yang dapat menjadi rujukan, melainkan kalau perbankan menetapkan kadar faedah sebesar 0%.[218]

Idea khas untuk menumbuhkan bank Islam di Indonesia baru dilaksanakan pada tahun 1990. Majelis ulama Indonesia (MUI) mengadakan seminar "Bunga Bank dan Perbankan" di Cisarua, Bogor, Jawa Barat pada 18-20 Ogos 1990. Hasil seminar ini dibahas lanjut pada musyawarah Nasional (MUNAS) IV MUI yang berlangsung di Hotel Sahid Jaya Jakarta pada Ogos 1990. Berdasarkan amanah MUNAS IV MUI ini, telah terbentuk JawatanKuasa kerja untuk menubuhkan bank Islam di Indonesia yang bernama "JawatanKuasa Perbankan MUI" dan dipengerusikan oleh Amin Aziz. Jawatankuasa Ikatan Cendikiawan Muslim Indonesia (ICMI) yang dipengerusikan oleh Karnaen A.Perwaatmadja telah diwujudkan bagi membantu kelancaran tugas-tugas jawatankuasa perbankan MUI.[219]

Hasil kerja jawatankuasa perbankan MUI ini akhirnya berjaya menubuhkan Bank Islam awam pertama yang beroperasi di Indonesia yang dinamakan "Bank Muamalat Indonesia". Modal awalnya adalah berasal dari dana yang dikumpulkan pada acara

---

[218]Zainul arifin, "*Dasar-dasar manajemen Bank Syariah"* Jakarta: Alvabet (2002)7-10, Heri Sudarsono, "*Bank dan Istitusi Keuangan Syariah, deskripsi dan Ilustrasi.* Yogyakarta: penerbit EKONISIA (2003) 22
[219]Karnean A. perwataanmadja "Apa Dan Bagaimana Bank Islam". Jakarta: RIsalah Gusti (1992) 84

silaturahmi Presiden Indonesia (ketika itu adalah Soeharto) di Istana Bogor pada tarikh 3 November 1991. Akhirnya pada tarikh 1 Mei 1992 secara rasminya Bank Muamalat Indonesia mula beroprasi.[220]

Dapat dikatakan bahawa semenjak tahun 1992 hingga tahun 1998, tidak banyak kemajuan dalam perkembangan Bank Syariah di Indonesia,[221] akhirnya pada tahun 1998 dikuatkuasakan undang-undang no 10 tahun 1998 tentang undang-undang no 7 tahun 1992 tentang perbankan. Dalam undang-undang ini baru disebutkan secara jelas istilah Bank Syariah. Penguat kuasa undang-undang no 10 tahun 1998 tentang perubahan undang-undang no 7 tahun 1992 tentang perbankan yang diikuti dengan dikuatkuasakan sejumlah peraturan (ketentuan pelaksana) dalam bentuk surat keputusan (SK) pimpinan Bank Indonesia/ peraturan Bank Syariah Indonesia, telah memberikan landasan peraturan yang lebih kuat dan kesempatan yang lebih luas lagi bagi pengembangan perbankan Syariah di Indonesia.

## 3.2. PELAKSANAAN CSR DI BANK MUAMALAT INDONESIA

### 3.2.1. Pengenalan

Bank Muamalat Indonesia didirikan pada 1 November 1991, diasaskan oleh Majlis Ulama Indonesia (MUI) dan Kerajaan Indonesia. Dengan sokongan nyata dari pakar Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia (ICMI) serta beberapa pengusaha Muslim, pendirian Bank Muamalat juga mendapat sokongan dari masyarakat. Hal ini terbukti dengan komitmen pembelian saham senilai Rp84 milion (RM28 billion).[222]

Untuk mengukuhkan asas modal, Bank Muamalat Indonesia mencari pelabur berpotensi dan ia mendapat sambutan yang positif oleh Bank Pembangunan Islam

[220]Heldra Rahmi Sina, "Sistem Perbankan Syariah Dan Pelaksanaan Di Indonesia" (Tesis ijazah doktor falsafah Syariah dan ekonomi, APIUM Universiti Malaya 2007) 212

[221] Heldra Rahmi Sina, "Sistem Perbankan Syariah Dan Pelaksanaan Di Indonesia, 213

[222]Zainulbahar Noor (2006), *Bank Muamalat: Sebuah Mimpi Harapan dan Kenyataan*, Jakarta: Bening Publishing h. 279.

(*Islamic Development Bank,* IDB) yang berpusat di Jeddah, Arab Saudi. Bank Pembangunan Islam (*Islamic Development Bank*, IDB) adalah Rasmi menjadi salah satu pemegang saham Bank Muamalat Indonesia. Menjelang akhir tahun 2004, Bank Muamalat Indonesia kekal sebagai bank Islam utama di Indonesia dengan modal berjumlah RM 2 juta, pemegang saham modal RM. 96 bilion dan keuntungan bersih sebanyak RM.17 bilion pada tahun 2004.[223]

Bank Muamalat Indonesia telah membuka pejabat cawangan dan cawangan pembantu yang terbesar di Jakarta, Bandung, Semarang, Surabaya, Balikpapan, Makasar dan Medan. Manakala Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh dirasmikan pada 2 Ogos 2004 dan operasinya bermula pada 3 Ogos 2004 di Jalan Ratu Safiatuddin. Bank Muamalat Indonesia adalah bank Islam pertama di Aceh. Kehadiran Bank Muamalat disambut sangat baik oleh masyarakat Aceh dan kerajaan Aceh yang melengkapi proses Syariat Islam di Aceh.[224]

Sama juga seperti organisasi yang lain, Bank Muamalat beroperasi dengan visi dan misi yang tersendiri. Visi Bank Muamalat Indonesia ialah menjadi Bank Syariah Utama Indonesia (BUSI), dominan di pasar spiritual, dikagumi di pasar rasional. Manakala misi Bank Muamalat iaitu menjadi *role model* institusi Kewangan Syariah dunia dengan penekanan pada semangat keusahawanan, pengurusan yang baik, dan orientasi pelaburan yang inovatif untuk memaksimumkan nilai bagi pihak yang berkepentingan.[225]

[223] Latar Belakang Bank Muamalat Indonesia,http://www.muamalatbank.com/home/about/profile,
[224]Taufiq hidayad ( pejabat / Kepala Bank Muamalat Banda Aceh) dalam Temubual dengan penulis, 9 September 2013
[225]http://www.muamalatbank.com/home/about/visi_misi

### 3.2.2. Pelaksanaan *Corporate Social Responsibilty* (CSR)

Pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat kepada masyarakat atau yang dikenali dengan CSR merupakan bentuk tanggungjawab sosial dan tanggungjawab korporat terhadap lingkungan sekitar[226]dalam membangun ekonomi agar berterusan untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan lingkungan yang bermanfaat.[227]

Dalam menjalankan program CSR, BMI berkomitmen untuk melaksanakannya dengan mengikut akta dari pada kerajaan Indonesia dan juga selari dengan tuntutan dari apa yang telah di tetapkan oleh Allah SWT. iaitu berasaskan kepatuhan dan ketaqwaan dalam memenuhi tanggungjawab yang telah ditetapkan kepada setiap individu dan juga kepada sektor korporat.[228] Pelbagai program kebajikan sama ada yang telah dilaksana taupun yang belum terlaksana, semua itu diurus oleh dewan pematuhan sosial yang bertindaksebagai penghubung antara korporat dan masyarakat disekitar.[229]

Bermula dari pertubuhannya, BMI telah melaksanakan aktiviti kebajikan, dalam perlbagai program untuk membantu masyarakat miskin dan masyarakat yang hendak meniti usaha (wiraswasta), kerana sebagaimana diketahui, BMI merupakan Bank Syariah umum yang pertama di Indonesia.[230] Pelakasanan CSR ini membuatkan masyarakat lebih yakin dan selesa kepada bank apalagi dengan memberikan kepada mereka modal usaha dan sampai sekarang BMI berkembang secara pesat di Indonesia.[231]

---

[226]Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011" (Jakarta: Bank muamalat Indonesia, 2011), 254
[227]Ibid.
[228]Taufiq hidayad ( pejabat / Kepala Bank Muamalat Banda Aceh) dalam Temubual
[229]Ibid.
[230]Ibid.,: Isnaini Mufty Aziz "profil Bank Muamalat youtube" laman sesawang *youtube* dicapai tanggal 7 oktober 2013, http://www.youtube.com/watch?v=8ElaGGqRTF8
[231]Taufiq hidayad ( pejabat / Kepala Bank Muamalat Banda Aceh) dalam Temubual, 9 September 2013

Bagi BMI, CSR tidak hanya disebabkan oleh terikat dengan polisi yang telah di tetapkan.. Kesedaran tersebut lahirnya daripada ketaatan terhadap Allah iaitu keprihatinan dalam memelihara hubungan yang baik dengan individu masyarakat dan alam sekitar secara menyeluruh dan ianya menjadi sebab yang utama menggalakkan bank ini terlibat dengan pogram CSR.[232] oleh kerana komitmen dalam CSR dianggap sebagai salah satu dari tuntutan agama[233] maka kewajipan dalam melaksanakan CSR ini tidak hanya oleh bank Syariah, akan tetapi bank konvensional atau institusi kewangan yang lain juga mesti menjalankan CSR ini dengan penuh ikhlas kepada Agama Allah bukan hanya terhad kepada peraturan akta daripada kerajaan Indonesia.[234]

BMI turut menjadikan CSR ini sebagai satu platform untuk mempromosikan bank di mata masyarakat. Aktiviti kebajikan yang dilaksanakan dapat meningkatkan imej bank itu sendiri. Pekerja-pekerja bank juga turut perpeluang bertemu dengan masyarakat dengan memberi penerangan khusus mengenai produk-produk yang ditawarkan oleh pihak bank. Aktiviti CSR ini secara tidak langsung dapat dijadikan sebagai salah satu strategi pemasaran dalam memperkenalkan produk-produk dan BMI kepada masyarakat. Aktiviti sebegini sejajar dengan tujuan BMI untuk mewujudkan kumpulan masyarakat yang adil dan makmur selaras dengan prinsip asas ekonomi Islam.[235]

Sebagai bank Islam pertama di Indonesia[236] semestinya semua aktiviti bank mesti mematuhi kesetiaan dan ketaatan kepada Allah. Semangat ini merupakan asas untuk pengurusan perniagaan, dan aktiviti dalam BMI. berasaskan komitmen yang kuat, BMI

---

[232]Ibid.
[233]Bank muamalat “Laporan tahunan 2005” (Jakarta: Bank muamalat Indonesia, 2005) 47
[234]Taufiq hidayad ( pejabat / Kepala Bank Muamalat Banda Aceh) dalam Temubual.
[235]Bank muamalat, “ berita& event, berita muamalat” laman sesawang Bank muamalat, dicapai 7 oktober 2013 , http://www.muamalatbank.com/home/news/muamalat_news/238.
[236]Bank muamalat “ The great leap forward, Laporan tahunan 2012” (Jakarta: Bank muamalat Indonesia, 2012), 273

berusaha untuk selalu konsisten dalam meningkatkan pelaksanaan CSR untuk lebih baik dan berguna kepada ekonomi masyarakat.[237]

Sesuai dengan misi BMI, iaitu meningkatkan peranan masyarakat dan usahawan muslim dalam perekonomian Indonesia, maka BMI menyatakan bahawa CSR merupakan sebuah ajaran Islam yang mesti dilaksanakan secara terus menerus sehingga dapat menciptakan masyarakat yang lebih adil dan madani.[238]

Dalam pelaksanannya BMI menyatakan bahawa CSR merupakan salah satu dari pada perhatian korporat kepada masyarakat, dan dilaksanakan melalui badan khas iaitu program non profit diurus secara profesional oleh anak syarikatnya iaitu Baitul Maal Muamalat (BMM).[239]

BMM merupakan satu bahagian yang penting dalam organisasi bank ini dan merupakan platform yang penting bagi bank dalam melaksanakan aktiviti CSR.Fokus CSR bank ini ialah pada bidang-bidang yang telah ditetapkan seperti kemiskinan, bencana alam, pendidikan, *Islamic social fund*, dan *micro finance* (pembangunan ekonomi masyarakat).[240]

### 3.2.3. Profil Baitulmaal Muamalat (BMM)

Baitulmaal Muamalat merupakan insitusi non profit yang didirikan oleh BMI pada 16 juni 2000,[241] sebagai institusi dari korporat untuk melaksanakan program CSR dan

---

[237]Taufiq hidayad ( pejabat / Kepala Bank Muamalat Banda Aceh) dalam Temubual 9 September 2013.
[238]Bank muamalat “Laporan tahunan 2005”,47
[239]Bank mualamat, “media expo, kegiatan CSR bank muamalat,” laman sesawang Bank Muamalat, dicapai 7 oktober 2013, http://www.muamalatbank.com/home/news/media_expose/903; Bank muamalat “Laporan tahunan 2005”,47; Bank muamalat “ Star War,Laporan tahunan 2008” ( Jarkarta: Bank Muamlat Indonesia, 2008) 103; Bank muamalat “ building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011”, 254.
[240] Bank muamalat “ summary report tahunan 2012” (Jakarta: Bank muamalat Indonesia, 2012) 2
[241]Ibid,; isnaini mufty aziz “profil Bank Muamalat youtube” laman sesawang *youtube* dicapai tanggal 7 oktober 2013, http://www.youtube.com/watch?v=8ElaGGqRTF8

kegiatan sosial lainnya.[242]Dana pelasanaan kegiatan sosial yang dilakukan BMM bersumber dari dana CSR BMI, dan ZIS (zakat, infak, sadakah) dari korporat, pekerja BMI dan pelanggan BMI, serta dana non-ZIS korporat dan dana sosial lainya.[243]

Pada tahun 2001, BMM dikuatkuasakan sebagai institusi amil zakat melalui keputusan Menteri Agama Republik Indonesia Nomor 481 tahun 2001 tanggal 7 November 2000, untuk mengumpulkan dan menyalurkan dana zakat, infaq, sedekah dan wakaf, menjalankan kegitan bidang sosial, pendidikan dan lingkungan serta memajukan ekonomi masyarakat melalui usaha mikro dengan prinsip Syariah.[244]

BMI senantiasa berperanan aktif dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui pogram CSR, terutama bagi masyarakat dipersekitaran korporat yang dilaksanakan secara berterusan.[245] Asas dasar BMI menetapkan bahawa dana CSR digunakan untuk membantu sosial masyarakat seperti program pendidikan, kesihatan, dakwah dan sosial, serta program ekonomi produktif dan pemanduan.[246]

Baitulmaal Muamalat semakin menguatkan kedudukannya sebagai pengantara institusi pemberdayaan sosial dan kewangan mikro Indonesia. Hal ini terlihat dari program kerja utama pada pemberdayaan usaha mikro melalui program Komuniti Usaha Mikro Muamalat berasaskan Masjid (KUM3), pembangunan institusi kewangan mikro Syariah (LKMS), penjaminan anak yatim (kafala & ISS) dan pengendalian bencana dan recovery wilayah bencana (ATM).[247]

Prestasi kerja BMM yang semakin luas danjumlah kerja yang semakin meningkat telah mendapat kepercayaan yang baik oleh pihak kerajaan, swasta serta institusi luar

---

[242] Bank muamalat " Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010" (Jakarta: Bank muamalat Indonesia, 2010) 214
[243] ibid.,; Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011",258
[244] ibid.,256
[245] Bank muamalat " Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010", 227
[246] ibid
[247] Baitulmaal Muamalat " profil Baitulmal muamalat" lama sesawang Baitul mall muamalat, di capai 7 oktober 2013, http://www.baitulmaal.net/profil-baitulmaal-muamalat.html

negeri seperti Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil Menengah Indonesia dan Islamic Development Bank (IDB). [248]

### 3.2.4. Program-Program Baitulmaal Muamalat (BMM)

Sebagai bahagian dari eksistensi sebuah bank Syariah utama di Indonesia, BMI memiliki komitmen untuk mewujudkan kesejahteraan masyarakat dengan menerapkan prinsip pelaksanan program berterusan.[249] Seluruh dana yang diterima BMM telah disalurkan kepada masyarakat melalui program-program yang dilaksanakan secara berkelanjutan setiap tahunnya.

Program-program yang dibentuk oleh Baitul Maal Muamalat difokuskan kepada 3 bahagian iaitu:[250] Pengembangan komuniti (*community development* / *B-community)*[251], Kewangan mikro (*micro finance),* Sosialisasi Islam (*Islamic fund),* Program khas.[252] BMM mengerahkan segala kemampuannya melalui program pembangunan ekonomi sebagai program utama, Pendidikan, kesihatan, pertolongan bencana dan program sosial lainnya.[253]

#### 3.2.4.1. Pemberdayaan Ekonomi.

Pemberdayaan ekonomi adalah salah satu aspek yang menjadi perhatian khas dalam kegiatan BMM.Komitmen tersebut terwujud dalam program Komunitas Usaha Mikro Muamalat Berbasis Masjid (KUM3),[254] Koperasi Jasa Keuangan Syariah Komunitas Usaha Mikro Muamalat Berbasis Masjid (KJKS-KUM3) dan Institusi Keuangan Mikro

---

[248] Ibid.
[249] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011" , 253
[250] ibid., 260
[251] Bank muamalat "Laporan tahunan 2005", 47
[252] Bank muamalat " summary report tahunan 2012", 9
[253] isnaini mufty aziz"profil Bank Muamalat youtube" laman sesawang *youtube* dicapai tanggal 7 oktober 2013, http://www.youtube.com/watch?v=8ElaGGqRTF8
[254] Bank muamalat " Improve Quality And Go Retail; Laporan tahunan 2006" (Jakarta: Bank muamalat Indonesia, 2006),50

Syariah (LKMS). Dalam melaksanakan program pemberdayaan ekonomi, BMM juga menjalin kerjasama dengan berbagai pihak baik dari pihak kerajaan mahupun swasta.[255]

### 3.2.4.1.1. KUM3 ( Kominitas Usaha Mikro Muamalat) dan koperasi jasa kewangan Syariah (KJKS)

Program KUM3 merupakan program pemberdayaan ekonomi terpadu yang bertujuan untuk menumbuhkan ekonomi keluarga miskin di Indonesia dan masjid sebagai asas pembinaannya.[256]Kegiatanya dalam bentuk pemberian bantuan pinjaman qard, kejurulatihan keterampilan usaha, kedisiplinan ibadah, berinfaq dan menabung.[257] selain daripada itu, program ini memberi kumpulan dan komuniti untuk saling menyokong dan saling memberi perhatian.[258]

Melalui program ini, BMM juga melaksanakan pemberian Dana Bergulir[259] untuk membantu usaha produktif kepada usahawan mikro yang berasal dari keluarga miskin. Para pesertanya adalah jama'ah di sekitar masjid. Program ini bertujuan meningkatkan kualiti hidup masyarakat, baik dari segi material mahupun spiritual[260]sehingga boleh menjadikan mutahik zakat menjadi muzaki.[261]

#### 3.2.4.1.1.1.Visi Program KUM3.

Menggalakkan komuniti usaha mikro berasas masjid yang berkarakter, tumbuh dan peduli.

#### 3.2.4.1.1.2.Misi Program KUM3.

---

[255] Bank muamalat " Building On The Strengths Accelerasing Future Growt; Laporan tahunan 2011" ,262
[256] Bank muamalat " Star War,Laporan tahunan 2008",103
[257]Ibid.
[258] Bank muamalat " Reinforcing Our Bisness Foudation; Laporan tahunan 2009" (Jakarta: Bank muamalat Indonesia, 2009) 87
[259]Dana berulang
[260] Bank muamalat " Building On The Strengths Accelerasing Future Growt; Laporan tahunan 2011"262
[261] Bank muamalat " summary report tahunan 2012",3

a. Menfasilitasi kumpulan usahawan mikro melalui pendayagunaandana zakat, infaq dan sedekah(ZIS).
b. Meningkatkan peranan masjid dan memakmurkannya.
c. Menggalakkan pertumbuhan dan peningkatan kesalehan peserta dan pihak-pihak yang terlibat didalamnya.
d. Menggalakkan erkembangan urusan perniagaan peserta.
e. Menggalakkan tumbuhnya kepedulian peserta

**3.2.4.1.1.3. Strategi**

a. Kejurulatihan Islamyangintegral/ asasidan berkelanjutan.
b. Pendampinganusahayang terurusdanterancana.
c. Penumbuhan kepedulian Sosial di sekitar wilayah Pemberian.

**3.2.4.1.1.4. Bentuk Kegiatan.**

a. Penumbuhan modal sosial dalam masyarakat dengan pembentukan kelompok yang kukuh dan mudah dikendalikan.
b. Pengasuhanmental spiritual peserta melalui kegiatan pengajian rutin pekanan.
c. Bantuanperniagaan melalui latihan dan memudahkan peserta pemasaran produk.
d. Memberikan dana kebajikan (*Al-Qardh*).

**3.2.4.1.1.5. Objek**.

Mustahik (fakir dan miskin) dan tinggal di sekitar masjid yang menjadi rakan kongsi program KUM3. Hal tersebut kerana sumber dana yang digunakan untuk program ini adalah dana zakat. Kriteria fakir dan miskin merujuk pada ketentuan sebagai berikut:

a. Fakir.

Ialah seorang yang memiliki harta atau usaha, ia hanya mampu mencukupi 50% (atau kurang) daripada keperluan asas, dan jika dirata-ratakan, maka pendapatan seseorang

yang dikategorikan fakir berjumlah Rp 1.040.000.-[262] (bandar) atau Rp 602.000.-[263] (Luar bandar / desa) setiap bulan.

b. Miskin.

Ialah seseorang yang memiliki harta atau usaha, namun mencukupi 60% - 90% daripada keperluan asas. Dan jika dirata-ratakan, maka pendapatan seseorang yang dikategorikan miskin berjumlah Rp 2.080.000.-[264] (bandar) atau Rp 1.204.166.- [265](luar bandar) setiap bulan.

**3.2.4.1.1.6. Kriteria Usaha Yang Akan Dibantu Ialah**:

a. Dana usaha tidak lebih dari Rp 5.000.000.-[266]
b. Pemilikan usaha sendiri.
c. Berumur di antara 17-55 tahun.
d. Memiliki rumah sendiri dan / atau hidup bersama keluarga.
e. Penanggungjawab utama pencari nafkah.
f. Berstatus berkahwin, kepala rumah tangga atau janda dan / atau mempunyai tanggungan.
g. Tidak memiliki perhubungan darah dengan pendamping dan pengurus masjid (mengelakkan konflik kepentingan).

Sebagai suatu rangkaian dalam program KUM3, BMM juga membentuk program koperasi Perkhidmatan Kewangan Syariah Komuniti Usaha Mikro Muamalat Berbasis Masjid (KJKS-KUM3). Koperasi Jasa Kewangan Syariah Komuniti Usaha Mikro Muamalat Berbasis Masjid (KJKS-KUM3) merupakan suatu Institusi Kewangan formal yang didirikan melalui pemberian modal Perniagaan Kecil & Keusahawanan muamalat

[262] RM 291
[263] RM 170
[264] RM 589
[265] RM 341
[266] RM 1.417

Berbasis masjid.[267]

Program ini merupakan proses akhir dari program KUM3 di satu wilayah yang sudah memasuki tempoh masa maksimal pelaksanaan dua tahun. Wilayah-wilayah tersebut diarahkan untuk dapat melaksanakan kemandirian dalam bentuk legalisasi kepemilikan dana amanah. Wilayah program yang dibentuk menjadi KJKS-KUM3 merupakan wilayah yang memiliki predikat baik[268]

Pada tahun 2006-2008 disasarkan KUM3 berhasil memberikan modal usaha mikro kepada 50.000 usahawan.[269] Tahun 2007 masih diarahkan untuk kejurulatihan serta sokongan yang diberikan dalam rangka memberdayakan usahawan mikro dan usahawan kecil[270] telah menggalang lebih dari 1.029 peserta dari kalangan usahawan kecil dan usahawan mikro, yang tersebar di 60 rangkain masjid di Indonesia.[271] Program ini mencapai seluruh Indonesia sehingga pada tahun 2008 jumlah masjid yang bergabung sebanyak 202 masjid dengan jumlah dana urus mencapai Rp 8.200.000.000.-[272] dan 4,586 peserta.[273]Pada tahun 2009 jumlah perserta bertambah menjadi 4,697 peserta.[274] Pada tahun 2010[275] jumlah peserta usahawan mikro berjumlah 4.697 peserta, 185 mesjid dan dana yang diurus mencapai Rp 10.690.000.000.-[276] Sehingga pada tahun 2010 program ini mendapatkan anugerah *Best Empowerment program* dari *Indonesia Magnificence of Zakat* (IMZ) Award dan anugerah 3 *Rank " the best institusi amil zakat nasional"* dari institusi*Islamic Social Responsibiltiy* (ISR) *Award.*[277]Di tahun 2011[278] jumlah usahawan mikro mencapai

[267] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011"264
[268] Ibid.
[269] Bank muamalat " improve quality and go retail; Laporan tahunan 2006",50
[270] Bank muamalat "Goes to War; Laporan tahunan 2007" (Jakarta: Bank muamalat Indonesia, 2007) 78
[271] Ibid., 79
[272] RM 2.294.187
[273] Bank muamalat " Star War,Laporan tahunan 2008" ,103
[274] Bank muamalat " reinforcing our bisness foudation; Laporan tahunan 2009" ,87
[275] Bank muamalat " Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010", 217
[276]RM 2.994.920.
[277] Bank muamalat " Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010", 218
[278] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011",265

6.527 orang dan jumlah masjid 259 dengan dana pengurusan modal usaha mencapai Rp 10.630.000.000.-[279] Jadi sampai tahun 2012[280] total jumlah peserta usahawan mikro berjumlah 7.552 peserta, dengan jumlah modal urus berjumlah Rp 12.430.000.000.-[281]

#### 3.2.4.1.2. Pengembangan Dan Pendampingan Institusi Kewangan Mikro Syariah (LKMS)

Program ini membantu, menumbuhkan dan menguatkan Institusi Kewangan Mikro Syariah (LKMS) di Indonesia melalui pemberian modal, pendampingan, latihan, sokongan teknologi dan lain-lain.Program pemberdayaan dan pembangunan LKMS selama ini dilakukan secara bersama-sama dengan institusi rakan kongsi diantaranya Kementerian Koperasi dan Usaha Kecil dan Menengah (Kemenkop). Melalui program ini diharapkan masyarakat dapat lebih berdikari, mampu berkarya dan menjadi masyarakat yang maju, berkarakter dan peduli.[282]

LKMS termasuk Dana Bergulir Syariah (DBS) dan BMT (Baitul Maal wa Tamwil) Shar-e. Sumber dana DBS adalah dari kerajaan, penggunaannya diperuntukkan kepada pembangunan Koperasi Usaha Kecil dan Menengah (KUKM). DBS boleh dimanfaatkan sebagai pengukuhan modal agar para usahawan mikro mempunyai daya saing melalui kegiatan usaha berasaskan pola Syariah.DBS juga boleh dimanfaatkan untuk mengukuhkan peranan dan kedudukan KJKS / UJKS (Koperasi Perkhidmatan Kewangan Syariah / Unit Jasa Keuangan Syariah) sebagai instrumen pemberdayaan usahawan mikro.

---

[279] RM 3.005.505
[280] Bank muamalat " The great leap forward, Laporan tahunan 2012", 283
[281] RM 3.522.514
[282] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011"262

Pada tahun 2006 Mentri Koperasi Dan Usaha Kecil Menengah mepercayakan kembali pengurusan dana bergulir bagi institusi kewangan mikro Syariah (LKMS) bernilai Rp 26.000.000.000.-[283] Hingga akhir tahun 2007,[284] dana portofolia dana kerajaan yang diurus BMM melalui BMI mencapai Rp 135.300.000.000.-[285] Sampai dengan tahun 2009[286] dana modal yang diurus sebesar Rp 139.000.000.000.-[287] dan sebanyak 112.632 orang yang telah merasakan manfaatnya. pada tahun 2010[288] jumlah portfolio dana urus berjumlah Rp 136.800.000.000.-[289] dengan jumlah bilangan pengguna dana 127.445 ahli tersebar di 33 provinsi di Indonesia. Pada tahun 2011[290] jumlah dana portfolio Rp 136.100.000.000.-[291] dan jumlah pengguna dana 137.966 peserta tersebar di 33 provinsi di Indonesia. Dan sampai tahun 2012[292] dana portolio urus berjumlah Rp 136.100.000.000.-[293] dengan jumlah pengguna dana 141.653 peserta.

Selain DBS, BMM juga menjalankan program BaitulMaal wa Tamwil (BMT) Shar-e. Program ini menjalin sinergi (*linkage program*) dengan BMT.Dana yang terhimpun dari program ini dapat berfungsi sebagai pembiayaan kepada masyarakat yang memerlukan.[294] Sumber dana program ini berasal dari institusi atau badan yang bukankerajaan.[295]

---

283 RM 7,277,952
284 Bank muamalat "Goes to War; Laporan tahunan 2007" ( Jakarta: Bank Muamalat Indonesia 2007), 79
285 RM 37,814,339
286 Bank muamalat " reinforcing our bisness foudation; Laporan tahunan 2009", 88
287 RM 39,103,818
288 Bank muamalat " Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010", 219
289 RM 38,548,630
290 Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011", 266
291 RM 38.353.918
292 Bank muamalat " The great leap forward, Laporan tahunan 2012" , 285
293 RM 38.353.918
294 Bank muamalat " The great leap forward, Laporan tahunan 2012",285
295 Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011" , 266

#### 3.2.4.1.3. Realisasi Pendayagunaan[296] Tanah Wakaf Kampung Jamur[297]-Ciputih.[298]

Kampung Cendawan merupakan program merealisasikan pemberdayaan tanah wakaf yang terletak di kampung Ciputih, desa Sukajaya, kecamatan Sukajaya, Kabupaten Bogor, Jawa Barat.Program pemberdayaan tersebut telah dibangunkan di atas tanah wakaf seluas 1.5 Ha, kepunyaan H.Ridwan.HR. Tanah tersebut sebelumnya berbentuk sebuah lahan kosong yang kemudian diubah menjadi pusat pengeluaran cendawan dan pemberdayaan kepada masyarakat Ciputih. Dengan adanya pemanfaatan atas tanah wakaf tersebut, membuka lapangan pekerjaan, sehingga dapat membantu ekonomi masyarakat sekitar.[299]

Berproduksi sejak 2010, cendawan yang dibangunkan saat ini berupa cendawan tiram putih. jumlah pengeluaran telah mencapai 28.284 baglog (media tanam cendawan). kebanyakan cendawan yang hasil setiap bulan lebih dari 100 kg. Kos program yang telah direalisasikan sebesar Rp 289.000.000.-[300] Pada program ini,[301]BMM juga menerima sumbangan pembangunan menara air dari Garuda Indonesia bernilai Rp 49.000.000.-[302]

#### 3.2.4.2. Program Biasiswa Pendidikan.

Salah satu wujud keprihatinan institusi terhadap pemerataan pendidikan anak bangsa dirakamkan oleh program bantuan pendidikan dalam bentuk pemberian biasiswa dan latihan kepimpinan kepada anak yatim dan miskin berprestasi.[303]Bantuan biasiswa ini merupakan bantuan yang bersifat

---

[296] Pemanfaatan / pembangunan.
[297]cendawan
[298] Bank muamalat “ building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011” , 267
[299] Ibid.
[300] RM 81.442
[301] Bank muamalat “ building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011” , 267,; Bank muamalat “ The great leap forward, Laporan tahunan 2012”,286
[302] RM 13,808
[303] Bank muamalat “ building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011” , 269

berterusan akan diberikan terus menurus.[304] BMM telah menjalankan pelbagai program biasiswa dan latihan kepimpinan diseluruh Indonesia, seperti Tabung Biasiswa Yatim, Biasiswa Almarhum pekerja, Biasiswa B-SHARE, B-SMART, Biasiswa Medan, Biasiswa Pekerja, Biasiswa ATM, Beasiwa Situ Gintung.[305]

Pada tahun 2005 sebanyak 234 pelajar yang mendapatkan bantuan pendidikan dan bantuan orang tua angkat B-Share,[306] dan 28 mahasiswa dari 11 universiti di Indonesia, tercatat sebanyak 14 mahasiswa penerima B-Smart yang telah lulus dan mengaplikasiakan ilmu untuk kemajuan masyarakat.[307]Tahun 2010, BMM mengeluarkan dana untuk biasiswa sebanyak Rp 1.800.000.000.-[308], dan bantuan tunai kepada 36.996 orang serta 6 institusi iaitu fakulti ilmu pendidikan Universiti Muhammadiyah, pesantren An-nawawi, serta Forum Zakat untuk diberikan kepada mangsa bencana di wasior dan badan wakaf Indonesia.[309]Sehingga tahun 2011, BMM telah mengelurkan dana sebanyak Rp 2.700.000.000.[310]untuk menjalankan program ini,[311] dan pada tahun 2012[312] BMM mengeluarkan dana sebanyak Rp 2.100.000.000.-[313]

#### 3.2.4.3. Sosial

BMM juga menyalurkan dananya kepada aktiviti-aktitiviti sosial agama, dan ini adalah bahagian yang tidak dapat dipisahkan kerana *Islamic sosial fund* merupakan kegiatan yang boleh membuat semua orang merasakan kebahagiaan,

---

[304] Bank muamalat “ The great leap forward, Laporan tahunan 2012”, 286
[305] Bank muamalat “ building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011”, 269
[306] Bank muamalat “Laporan tahunan 2005”, 48
[307] ibid., 49
[308]RM 507,253
[309] Bank muamalat “ Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010”, 222
[310] RM 754,576
[311] Bank muamalat “ building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011”, 269
[312] Bank muamalat “ The great leap forward, Laporan tahunan 2012”, 286
[313] RM 582,708

tidak hanya masyarakat, staff BMM dan BMI juga merasakan kebahagiannya. Program-program sosial ialah:

### 3.2.4.3.1. Bantuan Kegiatan Sosial Keagamaan

Program ini dilaksanakan untuk bantuan pembagunan tempat ibadah, institusi pendidikan sosial, rumah anak yatim, dan lain-lain. Dalam tahun 2011[314] BMM menyalurkan dana sebanyak Rp 1.100.000.000.-[315]Jumlah penerima manfaat baik orang mahupun institusi mencapai 1.959 orang.

### 3.2.4.3.2. Aksi Tanggap Mualamat (ATM)

Aksi Tanggap Muamalat (ATM) merupakan program kemanusiaan untuk membantu mangsa musibah atau bencana alam, seperti gempa bumi, banjir dan sebagainya. Para pelarian bencana ini memerlukan bantuan seketika selepas berlakunya bencana. Namun, untuk membantu memulihkan keadaan sosial-ekonomi setiap mangsa seperti sedia kala, ia memerlukan perhatian yang serius dalam jangka masa yang lebih panjang. ATM juga merangkumi pembaikkan dan pemulihan (*rehabilitasi dan recovery*) seperti pembaikkan fasiliti kebersihan (air bersih), perkhidmatan kesihatan, pembaikkan sekolah dan rumah ibadah ataupun biasiswa[316]

Pada tahun 2006[317] bersama BMI BMM menyalurkan dana kemanusiaan Rp 450.000.000.000.-[318]. Pada 2007[319] BBM menyalurkan dana kemanusiaan sebanyak Rp 9.600.000.000.-[320]keseluruh wilayah Indonesia yang mengalami bencana alam. Pada tahun 2009[321] BMM menyalurkan dana bantuan kemanusiaan

[314] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011" 271
[315] RM 309,863
[316] Bank muamalat " The great leap forward, Laporan tahunan 2012" ,289
[317] Bank muamalat " improve quality and go retail; Laporan tahunan 2006", 51
[318] RM 126,811,412
[319] Bank muamalat "Goes to War; Laporan tahunan 2007" 80
[320] RM 2,705,310
[321] Bank muamalat " reinforcing our bisness foudation; Laporan tahunan 2009",89

sebanyak Rp 3.000.000.000.-[322]Pada tahun 2010[323] BBM menyalurkan dana sosial melalui ATM sebanyak Rp 2.000.000.000.-[324] bantuan langsung kepada bencara alam haba gunung berapi bantuan peringkat *emergency* dan bersambung dengan program perbaikan dan pemulihan (*rehabilitation and recovery*). Sepanjang tahun 2011,[325] jumlah penyaluran dana ATM kepada masyarakat adalah Rp 4.300.000.000.-[326], meliputi pelbagai kawasan korban bencana seperti mangsa banjir dan tanah runtuh di Jawa Barat serta rehablitasi letusan gunung berapi. sepanjang tahun 2012,[327] jumlah keseluruhan dana ATM yang telah disalurkan kepada masyarakat adalah sebanyak Rp 528.000.000.-[328]

#### 3.2.4.3.3. Berbagi Cahaya Ramadhan

Program Sahur, Berbuka, lebaran[329] (SBL) merupakan program yang diadakan pada setiap bulan suci Ramadhan. BMM menyalurkan program SBL ini kepada keluarga dhuafa diseluruh wilayah kerja sekitar pejabat BMI. Bantuan SBL yang diberikan adalah sebesar Rp 250.000.-[330] setiap orang. Bantuan itu terdiri atas wang Rp 100.000.-[331]dan pakej makanan ruji bernilai Rp 150.000.-[332] yang dipergunakan untuk memenuhi keperluan sahur dan berbuka di sepanjang bulan ramadhan., SBL diselenggarakan di 75 pejabat BMI tersebar di 33 wilayah. Selain itu, program ini juga turut diadakan di pelbagai masjid dan surau. Tujuan program ini ialah sebagai satu cara untuk menggalakkan masyarakat berkongsi,

---

[322] RM 845,422
[323] Bank muamalat “ Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010”, 224
[324] RM 563,615
[325] Bank muamalat “ building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011”, 271
[326] RM 1,211,772
[327] Bank muamalat “ The great leap forward, Laporan tahunan 2012”,289
[328]RM 148,794
[329]Hari raya
[330]RM 70
[331]RM 28
[332] RM 42

prihatin dan berkasih sayang di bulan yang mulia dengan penuh *maghfiroh.*[333]

Pada tahun 2009/1430 H,[334] BMI bersama BMM melaksanakan program ini kepada lebih daripada 5,000 keluarga dengan dana sebesar Rp 2.200.000.000.-[335] Pada tahun 2010/1431 H[336] program ini dilaksanakan kepada lebih dari 45,120 keluarga miskin, anak yatim usia sekolah dan usahawan mikro binaan BMM diseluruh Indonesia sebanyak Rp 3.900.000.000.-[337] Pada tahun 2011/1432 H,[338]Muamalat bantuan SBL telah disalurkan kepada lebih dari 68 ribu penerima manfaat. Dana yang disalurkan sekitar Rp 4.300.000.000.-[339] Selain itu, BMM juga telah menyalurkan 16,300 pakej takjil di Jakarta dan sekitarnya kepada masyarakat selama Ramadhan.[340] Pada tahun 2012[341]dana yang disalurkan untuk program ini sebesar Rp 3.400.000.000.-,[342]dana ini telah membantu meringankan beban 13.857 orang penerima manfaat dalam memenuhi keperluan sahur dan berbuka serta keperluan asas sehari-hari selama bulan ramadhan[343]

### 3.2.4.3.4. Komunitas Sehat Mualamalat (KSM).[344]

Merupakan program bantuan sosial untuk perkhidmatan kesihatan masyarakat tidak berkemampuan dengan tagline "*Be Healthy Generation*", sasaran KSM adalah anak yatim binaan BMM yang menyertai dalam program Dana Yatim (DAYA).[345]

Dalam aksi ini, BMM bersama PT Medexindo Putra Mandiri sebagai rakan kongsi kerja. Dalam bekerjasama ini, BMM sebagai fasilitator untuk menyalurkan

[333] Bank muamalat “ building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011”, 272
[334] Bank muamalat “ reinforcing our bisness foudation; Laporan tahunan 2009”,90
[335] RM 619.976
[336] Bank muamalat “ Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010”, 225
[337] RM 1.099.049
[338] Bank muamalat “ The great leap forward, Laporan tahunan 2012”, 271
[339] RM 1.194.714
[340] Bank muamalat “ The great leap forward, Laporan tahunan 2012”, 271
[341] Ibid., 276
[342] RM 944.592
[343] Bank muamalat “ The great leap forward, Laporan tahunan 2012”, 276
[344] Ibid, 289
[345] ibid, 290

dana, Sedangkan PT Medexindo Putra Mandiri dijadikan sebagai pelaksana program. PT Medexindo Putra Mandiri memberi perkhidmatan dan pendidikan kesihatan kepada anak yatim (DAYA). Perkhidmatan itu merangkumi pemeriksaan mata, mulut, gigi, darah, persekitaran tempat tinggal, hingga psikologi. Semoga anak-anak yatim DAYA ini dapat menjadi kader kesihatan bagi masyarakat dan dapat mengurangkan pergantungan pertolongan kepada orang lain.. [346]

Pada tahun 2010[347] BMM menyalurkan dana sebesar Rp 432.000.000.-.[348] Pada tahun 2011[349] bantuan yang telah disalurkan Baitulmaal Muamalat sebesar Rp 339.000.000.-[350] dalam bentuk Program KSM yang mampu melayani 140 orang.[351] Pada tahun 2012[352] BMM menyalurkan dana untuk KSM sebesar Rp 311.000.000.-[353]untuk membina kader sihat Muamalat.[354]

#### 3.2.4.3.5. Muamalat Berbagi Rejeki (MBR)

Bersamaan dengan pelaksanaan program Muamalat Berbagi Rejeki oleh BMI yang dilaksanakan di Makassar, Sulawesi Selatan, BMI juga menjalankan kegiatan sosial korporatnya berupa penyerahan bantuan kos pengubahsuaian Masjid Syekh Yusuf di Kabupaten Gowayang diserahkan langsung secara simbolik oleh Pengarah Bank Muamalat kepada Bupati Gowa. Bantuan lain berupa penyerahan biasiswa dan peralatan ibadah kepada 214 yatim dan dhuafa PPS binaan Masjid Al-Markaz Al-Islami, Makassar. Selanjutnya, BMM juga memberikan bantuan berupa makanan pokok sebanyak 1 tan beras kepada

---

[346] ibid
[347] Bank muamalat " Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010", 226
[348] RM120.363
[349] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011", 272
[350] RM 94.008
[351] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011", 272
[352] Bank muamalat " The great leap forward, Laporan tahunan 2012", 290
[353]RM 86.216
[354] RM 45.558

Pesantren Tahfidzh Masjid Raya Makassar pada Jumat 11 Februari 2011[355] dan total dana yang disalurkan untuk aktiviti ini sebesar Rp 164.000.000.-[356]

#### 3.2.4.3.6. Perolehan 100 Bedug.[357]

Program Pembekalan 100 bedug ini merupakan kegiatan sosial Bank Muamalat yang dilaksanakan dalam rangka Milad Bank Muamalat yang ke-20 tahun dan perayaan 20 tahun gerakan ekonomi Syariah yang disatukan dengan acara Dzikir Nasional pada malam pergantian tahun 2012[358] Pembekalan 100 Bedug tersebut disumbangkan kepada masjid dan surau yang belum mempunyai Bedug. Dana yang telah disalurkan untuk kegiatan ini bernilai Rp 85.000.000.-[359].

#### 3.2.4.3.7. Bantuan Kesihatan Dan Pendidikan Kepada Pekerja Bank Muamalat Dan Grup.

Melalui BMM, BMI juga memberikan bantuan berupa bantuan kesihatan dan pendidikan kepada pekerja BMI yang sangat memerluka, bantuan dana yang tersalur[360] sebanyak Rp 874.785.400.[361]

#### 3.2.4.4. Penggunaan Dana Non-Zis ( Zakat, Infaq, Sedekah)

Dana Non ZIS adalah dana-dana yang berasal dari pendapatan Bank Muamalat atas penempatannya di bank-bank konvensional yang tidak boleh diiktiraf sebagai pendapatan sesuai dengan prinsip Syariah.Dana Non-ZIS yang diterima oleh BMM hanyalah bersumber dari Bank Muamalat.

Dana ini digunakan secara Syariah oleh BMM, untuk program-program yang bukan bersifat ibadah, namun bermanfaat bagi kemaslahatan umum tanpa membezakan golongan, agama, bangsa dan suku. Pada tahun 2011, dana Non-ZIS dimanfaatkan

---

[355] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011", 274
[356] Ibid.
[357] Bedug merupakan drum yang dibunyikan masa bulan ramadhan
[358] Ibid.
[359] RM 23.671
[360] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011, 275
[361] RM 243.754

untuk berbagai keperluan antara lain:

#### 3.2.4.4.1. Kempen Program *Go Green* Dan Pemeliharaan Lingkungan Hidup

Pada tahun 2011, salah satu bentuk kegiatan dari program ini adalah penanaman 3,000 bibit pohon jati ambon (jabon) di Pondok Pesantren Mawaridussalam, Deli Serdang, Sumatera Utara yang dilakukan BMM bersama Bank Muamalat. Kegiatan ini merupakan rangkaian acara 'Muamalat Berbagi Rezeki', di Bank Muamalat Cabang Medan.

pokok jabon merupakan salah satu jenis kayu yang mempunyai pertumbuhan sangat cepat. Pokok ini dapat menyuburkan tanah dan memperbaiki kualiti tanah. penanaman pokok jabon ini diharapkan dapat mengurangkan kerosakan alam, seperti tanah runtuh dan banjir, serta menyerap karbon dioksida untuk mengurangkan pemanasan global Tindakan penanaman 3,000 bibit pohon ini merupakan komitmen BMI dan BMM terhadap gerakan Go Green demi kelestarian lingkungan hidup. acara tersebut juga turut menyalurkan 200 pakej bantuan bagi anak yatim dan masyarakat kurang mampu.

Melalui kegiatan *Go-green* ini, Muamalat hendak menyebarluaskan tingkah laku "*Go Green*" melalui konsep *reuse, reduce* dan *recycle* kepada masyarakat luas serta memelihara alam sekitar. Dana yang tersalur untuk program ini adalah sebesar Rp 241.000.000.-[362]

#### 3.2.4.4.2. Pembangunan Atau Penambahbaikan Sarana Umum Kegiatan Yang Dilakukan Dalam Program Ini, seperti:

Pembuatan MCK (mandi, cuci, tandas) umum di tempat-tempat yang sangat

[362] RM 67.154

memerlukan, Pembekalan tempat pembuangan sampah; Membantu membuat jalan / pengerasan jalan ke lokasi pondok pesantren yang terpencil, membangunkan Sport Centre sebagai media kejurulatihan anak-anak yatim, anak jalanan dan anak-anak tidak mampu / terlantar Sepanjang tahun 2011, dana yang telah dikeluarkan untuk pembangunan dan perbaikan sarana umum adalah sebesar Rp 40.200.000.-[363]

#### 3.2.4.5. Wakaf

Wakaf Tunai Muamalat adalah satu kaedah wakaf dengan menggunakan wang. Dana wakaf yang terhimpun akan diurus oleh pengurus pelaburan dengan menggunakan produk pelaburan Syariah, seperti deposit, dana bersama dan bon. Manfaat pelaburan akan digunakan untuk aktiviti pemberdayaan masyarakat yang kurang berkemampuan.[364]

BMM juga menerima wakaf dalam bentuk lain,seperti tanah, gedung dan sebagainya. Pada tahun 2011,[365]BMM menerima wakaf seharga Rp 254.000.000.-[366]

## 3.3. PROGRAM BAITULMAAL MUAMALAT (BMM) DI ACEH

Selain program pendayagunaan dan perberdayaan kelompok ekonomi, BMM juga mempunyai program-program khas,[367] program khas meliputi sumbangan di bidang pendidikan dan ekonomi bagi anak-anak yatim mangsa konflik Gerakan Aceh merdeka (GAM) dengan pemerintah Indonesia dan mangsa bencana Tsunami di Aceh.[368]

---

[363] RM 11,201
[364] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011", 276
[365] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011", 277
[366]RM 70.777
[367] Bank muamalat " summary report tahunan 2012" 9
[368] Sayed Nazar ( project manager program Orphan kafalah Aceh) dalam temua bual dengan penulis 11 September 2013.

Program-program khas ini telah dilaksanakan di wilayah Aceh besar, Pidie, Pidie Jaya, dan Aceh Utara.[369] Dan program khas ini dilaksanakan dalam 2 program: Orphan kafalah dan *Islamic solidarity school* (ISS).

### 3.3.1. ORPHAN KAFALAH

Orphan kafalah merupakan program pemberdayaan masyarakat ekonomi dan pendidikan, yang dikhaskan bagi anak-anak yatim, dan keluarga mangsa musibah gempa Tsunami di Aceh. Program ini adalah sebuah proram kerjasama (kongsi), antara *Islamic development Bank* (IDB), *Organization of Islamic cooperation* (OIC) dan BaitulMaal Muamalat (BMM).[370]

BMM mulai menjalankan program Orphan Kafalah sejak tahun 2006.[371]Dengan jumlah awal 625 anak yatim di daerah Sigli, Pidie.[372]Sampai akhirnya Baitulmaal Muamalat dipercayai untuk membina sebanyak 3.025 anak yatim diratusan desa[373] diwilayah Aceh,[374] dan dengan jumlah pengajar 34 orang yang tersebar di 3 daerah iaitu di wilayah Pidie, Pidie Jaya, dan Aceh Utara.[375]

Perserta (anak-anak yatim dan fakir miskin) program dibekalkan dengan kos kehidupan harian, kesihatan, dan pendidikan hingga lulus Sekolah Menengah Umum (SMU).[376]Peserta juga meningkatkan pembinaan keagamaan dan akademik secara rutin. Selain itu, para peserta dibekalkan dengan pelatihan kewirausahawaan.[377]

---

[369]Ibid.
[370] Bank muamalat " The great leap forward , Laporan tahunan 2012", 290
[371]Ibid.,290, Temubual Sayed Nazar ( project manager program Orphan kafalah Aceh) dalam temua bual dengan penulis 11 September 2013.
[372] Bank muamalat " summary report tahunan 2012", 10
[373] Bank muamalat " The great leap forward , Laporan tahunan 2012", 290
[374] Bank muamalat " summary report tahunan 2012", 10
[375] Ibid.
[376] high school
[377] Bank muamalat " The great leap forward, Laporan tahunan 2012",291

BMM menyalurkan dana tersebut sebanyak 30 USD[378] setiap bulan kepada kanak-kanak dengan pengukuhan pada aktiviti pebinaan mingguan termasuk bimbingan keagamaan, bimbingan belajar, latihan, perundingan psikologi sampai bantuan kesihatan dan program pembangunan lain.[379]

Orphan kafalah merupakan program jaminan anak yatim yang meliputi:[380] Jaminan hidup melalui keperluan hidup sehari-hari, Jaminan pendidikan melalui pemberian biasiswa, jaminan kesihatan melalui insurans, jaminan latihan dan pemulihan,[381] serta waranti supervisi dan monitoring.[382]Dan dalam pelaksanaan program tersebut diatas dikumpulkan dalam 3 bahagian kerja, ialah basis data atau data base, program teras, finance.[383]

Pada tahun 2007[384]program biasiswa ini telah ditinggkatkan menjadi 1,600 pelajar. pada tahun 2008[385] penyaluran dana orphan kafalah sebesar Rp.13.000.000.000.-[386] Pada tahun 2010[387]total dana biasiswa yang disalurkan sebesar Rp.8.500.000.000.[388] Pada tahun 2011[389]total biasiswa yang disalurkan melalui program ini sebesar Rp.10.300.000.000.-[390] Pada tahun 2012[391] realisasi dana orphan kafalah adalah sebesar Rp. 10.900.000.000.-[392]

---

[378]Program one day one dolar untuk anak yatim.
[379] Bank muamalat " summary report tahunan 2012",10
[380] Bank muamalat " Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010", 220
[381] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011"268 , Bank muamalat " The great leap forward, Laporan tahunan 2012",291
[382] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011"268,:Bank muamalat " The great leap forward, Laporan tahunan 2012",268
[383]SOP orphan kafalah 2013
[384] Bank muamalat "Goes to War; Laporan tahunan 2007", 80
[385] Bank muamalat " Star War,Laporan tahunan 2008", 103
[386] RM 3,618,421
[387] Bank muamalat " Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010", 220
[388] RM 2,366,492
[389] Bank muamalat " building on the strengths Accelerasing future growt; Laporan tahunan 2011", 267
[390] RM 2,866,757
[391] Bank muamalat " The great leap forward, Laporan tahunan 2012", 291
[392] RM 3,033,753

#### 3.3.1.1. Pelaksanaan Program Orphan Kafalah

Dalam melaksanan program Orhan kafalah telah melaksanakan banyak program kebajikan dari mulai dari biasiswa pendidikan, bantuan anak yatim, sumbangan bulan puasasehingga jaminan kesihatan kepada anak yatim.

Program ini terbahagi mengikut wilayah kerja, untuk wilayah Pidie dinamakan yatim 001 (YTM 001), untuk wilayah Pidie Jaya dinamakan yatim 002 (YTM 002), dan untuk wilayah Aceh Utara dinamakan yatim 003 (YTM 003), yatim 004 (YTM 004), yatim 005 (YTM 005) dan yatim 006 (YTM 006).[393]

Bahagian kerja tersebut dikumpulkan untuk 5 program kerja:[394] Supervise dan Monitoring (Penyeliaan dan pemantauan), pendidikan, kesihatan, Traning dan rehabilitasi (latihan dan pemulihan), sosial.

##### 3.3.1.1.1. Penyeliaan dan pemantauan (Supervise dan Monitoring).[395]

Kegiatan ini meliputi supervisi dan monitoring termasuk kunjungan bulanan untuk setiap rumah anak yatim dan kegiatan pembinaan untuk 2 kali sebulan. Kegiatan pembinaan pengajar ini menitik beratkan pada pemantauan kegiatan pendidikan anak yatim, iaitu menyangkut aspek sekolah, keterampilan dan akhlak serta memantau pembangunan psikologi mereka.[396]

Pada tempoh ini rata-rata kunjungan dilakukan oleh masing-masing Project YTM 002, 003, 004, 005 dan 006 ke rumah dan sekolah dengan persentasi 92-100%. Masing-masing pengajar mendampingi dan memantau sekitar 50-100 anak yatim dengan

---

[393] Sayed Nazar (ketua pentadbiran program Orphan kafalah Aceh) dalam Temubual
[394] Baitul Maal Muamalat, " Program Dukungan Ophan Kafalah" lama sesawang Baitul Maal Muamalat, dicapai 27 oktober 2013, http://yatimaceh.net/
[395] Baitul Maal Muamalat, " Program Dukungan Ophan Kafalah" lama sesawang Baitul Maal Muamalat, dicapai 27 oktober 2013,http://yatimaceh.net/program-okp/supervisi-dan-monitoring/5-supervisi-dan-monitoring
[396] Ibid.

mengadakan lawatan dan pembinaan terhadap nilai-nilai pendidikan, moral. Untuk percubaan dalam penyamaan dan kesaksamaan dalam kualiti anak didik, serta sebagai pemantapan program mentoring dan monitoring.[397]

BMM telah menggunakan silibus yang tersusun secara sistematik dan terarah dengan harapan setiap anak yatim BMM dapat dengan teliti memahami nilai-nilai keIslaman dan akhlak yang dibekalkan oleh masing-masing pengajar. sepanjang tempoh ini mereka akan diberikan pembelajaran meliputi subjek aqidah, fikih, akhlak dan tajwid yang disampaikan oleh pengajar masing-masing.[398]

#### 3.3.1.1.2. Pendidikan

Dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan, BMM melalui Orphan kafala Program mengadakan kelas tambahan (bimbingan belajar) bahasa Arab dan bahasa Inggeris. kegiatan bertujuan untuk memperkenalakan dasar bahasa Arab kepada anak yatim, dan pentingnya mempelajari bahasa Arab terutama dalam memahami al-Quran, Hadith dan tulisan-tulisan Islami yang lain. Begitu juga bahasa Inggeris bertujuan untuk melatih anak yatim agar bisa mengusai bahasa Inggeris secara aktif dan pasif juga mampu menguasai bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar kedua setelah bahasa Indonesia.

Kursus bahasa arab telah di adakan pada 23 Mac - 14 April 2013 yang ditempatkan di Daerah Muara Batu (YTM006), Meurah Mulia (YTM005), Matangkuli (YTM004).[399]Peserta diikuti oleh 30 anak yatim yang ada di Aceh Utara dan 10 anak yatim di Project Sigli (YTM002) yang duduk di jenjang SMP[400] dan SMA.

---

[397] Ibid.
[398] Ibid.
[399] Ibid.
[400] Junior high school

Dan untuk kelas tambahan pada pelajaran bahasa Inggeris,[401] diikuti oleh 30 anak yatim yang majoriti duduk di bangku SMP & SMA, bimbingan belajar bahasa Inggeris ini merupakan lanjutan dari rangkaian pembangunan yang telah dilakukan pada tahap sebelumnya., harapan yang diharapkan melalui aktiviti ini agardapat direalisasikan sebuah komuniti yang mampu menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam percakapan harian.

Pada 1 Februari 2013 BMM melalui Orphan kafala Program mengadakan pembahagian buku soalan ujian nasional untuk anak yatim yang sedang duduk di kelas akhir pada setiap jenjang pendidikan, pembahagian ini bertujuan untuk memudahkan anak yatim dalam mempersiapkan ujian akhir nasional yang hendak dilaksanan pada bulan April, supaya anak yatim mampu belajar dan mengulang contoh-contoh soalan yang dalam buku tersebut dalam pelbagai ilmu pengetahuan. Mengenai anak yatim yang mendapatkan terdiri dari Sekolah Dasar (SD):[402] 262 anak yatim, Sekolah Menengah Pertama (SMP): 335 anak yatim, Sekolah Menengah Atas (SMA) program Ilmu Pengetahuan Alam(IPA):[403]167 anak yatim, Sekolah Menengah Atas (SMA) pogram Ilmu Pengetahuan Sosial (IPS)[404]: 123 anak yatim.

Program ini disambut baik oleh para wali yatim kerana berkat pembagian buku soalan ini sangat membantu meningkatkan motivasi belajar anak mereka, dan diharapkan para bakal peserta ujian nasional untuk lebih tekun dalam mempersiapkan

---

401 Baitul Maal Muamalat, “ Program Dukungan Ophan Kafalah” lama sesawang Baitul Maal Muamalat, dicapai 27 oktober 2013http://yatimaceh.net/program-okp/pendidikan

402 Sekolah rendah

403 Ilmu pengetahu an Alam / science

404 Ilmu pengetahuan sosial / social sciences

ujian.[405]Kegiatan meliputi YTM002 dengan *Field Office*yang bertempat di Sigli sedangkan untuk YTM 004, 005 dan 006 bertempat di Lhokseumawe.[406]

**3.3.1.2. Kesihatan**.

BMM menjamin kesihatan anak yatim melalui program Orpha kafalah, anak yatim tersebut Menginsuranskan kesihatan mereka, dan dana itu sudah masuk kedalam 30 USD. Sebagaimana yang disebut oleh pegawai dari Orphan Kafalah Pogram,

> "kita sengaja mengambil 1 USD daripada 30 USD tersebut kerana kesihatan anak yatim ini adalah merupakan salah satu dari pada program inti orphan kafalah."[407]

BMM melalui Orphan kafala Program mengadakan kaunseling kesihatan[408] dengan memperkenalkan cara membasuh tangan dan menggosok gigi yang baik, seperti yang dilakukan pada bulan Februari 2013.[409]

Kegiatan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran anak yatim dalam menjaga kebersihan terutamanya terhadap kebersihan. Kegiatan ini merupakan jawapan kepada evaluasi kegiatan penyuluhan dahulu yang mana daripada data yang dikumpulkan menunjukkan bahawa majoriti anak yatim mengalami ganguan pada gigi.[410]

Kegiatan dilaksanakan pada pada 3 hingga 31 Mac 2013 di 17 lokasi kejurulatihan yang tersebar di Aceh Utara dengan jumlah peserta 601 anak yatim untuk Project YTM 004, 005 dan 006. Kegiatan yang sama turut diadakan di Pidie (Sigli) pada tarikh 13

---

[405] Sayed Nazar ( project manager program Orphan kafalah Aceh) dalam temua bual
[406] Baitul Maal Muamalat, " Program Dukungan Ophan Kafalah" lama sesawang Baitul Maal Muamalat, dicapai 27 oktober 2013, http://yatimaceh.net/program-okp/pendidikan
[407]Sayed Nazar ( project manager program Orphan kafalah Aceh) dalam temua bual
[408] Baitul Maal Muamalat, " Program Dukungan Ophan Kafalah" lama sesawang Baitul Maal Muamalat, dicapai 27 oktober 2013, http://yatimaceh.net/program-okp/kesehatan/7-kesehatan
[409] Ibid.
[410] Ibid.

Mac hingga 10 April 2013 dengan jumlah peserta 35 anak yatim untuk Project YTM002.[411]

### 3.3.1.3. Traning Dan Rehabilitasi (Latihan Dan Pemulihan).

Training ini merupakan sebuah pembelajaran kepada anak yatim untuk boleh bertitikari dalam kehidupan di masa mendatang.[412] Seperti yang telah di dilaksanakan pada suku pertama, BMM berupaya memberikan sebuah Aktiviti kemahiran perkayuan (kriya kayu) sebagai bekalan ketrampilan anak yatim dalam menghadapi persaingan dunia di masa mendatang[413]

Dalam aktiviti ini, setiap anak yatim akan diajarkan cara untuk memanfaatkan kayu untuk dijadikan perabut rumah tangga yang mewah dalam perniagaan. Setiap anak yatim dijangkakan suatu hari nanti mampu membuka perniagaan seperti ini, dengan membuat ukiran di kerusi, tempat serbet. Training meliputi pembekalan dengan ilmu-ilmu dasar dalam perkayuan, juga praktik lapangan yang langsung ditekuni oleh para peserta (anak yatim) seperti; menggunakan mesin ketam, membelah, mengukur, mengukirini, memahatini, mengamplas dan mengecat kayu.[414]Ada 9 orang anak yatim yang mengikuti kegiatan pada Project YTM004, 005 dan 006. kegiatan terletak di UD Kharisma desa Tambon Tunong Dewantara wilayah. Aceh Utara. Manakala Project YTM002 diikuti oleh 5 orang peserta (anak yatim) yang bertempat di Kalingga Jepara Workshop yang langsung dipandu oleh pemilik kerajinan tersebut bapak Sumarno.[415]

Orphan Kafala Program Aceh Utara menyelenggarakan sebuah kegiatan kerajinan tangan *(Handycraft)* yang dikhususkan bagi anak yatim wanita. Sebanyak 90 anak

---

[411] Ibid.
[412] Sayed Nazar ( project manager program Orphan kafalah Aceh) dalam temua bual
[413] Baitul Maal Muamalat, “ Program Dukungan Ophan Kafalah” lama sesawang Baitul Maal Muamalat, dicapai 27 oktober 2013, http://yatimaceh.net/program-okp/training-dan-rehabilitasi/8-training-kriya-kayu
[414] Ibid.
[415] Ibid.

yatim berpartisipasi dalam kegiatan kerajinan tangan berasal dari kabupaten Aceh Utara.[416]

Kegiatan kerajinan tangan ini diselenggarakan di dua wilayah, iaitu di Meunasah Teunong Baroh, kecamatan Tanah Luas untuk anak yatim yang berada di wilayah timur Aceh Utara, dan di Kruenggukuh, kecamatan Dewantara untuk anak yatim yang berada di wilayah barat.

Materi yang diajarkan dalam kegiatan kerajinan tangan tersebut adalah dalam membuat gantungan kunci, bros, jilbab sulaman, dompet, celengan, dll. Dengan bahan baku yang sederhana dan murah, mereka dapat membuat sebuah kerajinan tangan yang bernilai seni sekaligus bernilai ekonomi.

Kerajinan tangan ini tidak hanya mengajarkan bagaimana cara membuat kerajinan tangan, tetapi juga mengajarkan anak-anak yatim ini supaya berdikari. Harapannya, kelak hasil karya kerajinan mereka dapat dijual dan hasilnya dimanfaatkan untuk membantu keperluan pendidikan mereka.[417]

Di wilayah Pidie dan Pidie Jaya anak yatim juga dibekalkan denga ilmu perbengkelan[418]dan *sevice handphone*. Pembekalan dilakukan setiap seminggu sekali yang terletak di Alun-alun kota Sigli, di Calee dan di Meureudu.[419]Dan Untuk anak yatim yang perempuan mereka juga dibekalkan seperti menjahit. Anak yatim ini nanti diharapkan boleh mandiri di dunia bisnes bengkel dan diharapkan selepas latihan ini

---

[416] Baitul Maal Muamalat, " Program Dukungan Ophan Kafalah" lama sesawang Baitul Maal Muamalat, dicapai 27 oktober 2013, http://www.baitulmaal.net/berita-465-anak-yatim-aceh-belajar-handycraft.html
[417] Sayed Nazar ( project manager program Orphan kafalah Aceh) dalam temua bual
[418] machine shop
[419] Sayed Nazar ( project manager program Orphan kafalah Aceh) dalam temua bual

anak yatim boleh membuat bengkel dan kedai *service handphone* yang diurus oleh orphan kafalah.[420]

Seperti yang telah berlaku pada pogram kursus bahasa Inggeris untuk anak yatim di wilayah pidie dan pidie jaya, totur kursus bahasa Inggeris tersebut adalah graduan yang telah berjaya dalam pendidikan di universiti, dan sekarang ia membantu pelaksanaan program latihan bahasa Inggeris kepada anak yatim lain.[421]

#### 3.3.1.4. Sosial.

Program Sosial juga merupakan program inti daripada pelaksanan Program Orphan kafalah. Program ini juga merangkumi perbagai sosial yang telah dilaksanakan seperti program Bedah Rumah Yatim, Khatan Massa, dan Sumbangan Ramamadhan. Melalui program ini BMM melakukan sumbangan korporat dari pada BMI kepada masyarakat Aceh.

Hal yang sama dilakukan oleh Orphan kafala Program daerah Pidie dan Aceh Utara dalam menyelenggarakan khatan massa dalam rangka menyambut cuti sekolah semester genap. Untuk Aktiviti khatanan massa ini, Orphan kafala Program daerah Pidie bekerjasama dengan dinas kesihatan (DINKES) daerah Pidie, manakala daerah Aceh Utara melaksanakan majlis khatan massa di klinik Al Qaaf, Lhoksumawe. Sebanyak 72 anak yatim dari kedua daerah mengikuti kegiatan khatanan massa ini.

Majlis khatan bermula dengan penyerahan kain sarung dan diikuti dengan khatanan masal.Ketua panitia daerah Pidie, Tgk. Fahrurrazi, mengatakan kegiatan bertujuan untuk membantu keluarga anak yatim yang kurang berkebolehan dan menjalin silaturahmi dengan sesama pengajar.Program ini juga menyampaikan maklumat kepada

---

[420]Ibid

[421]Ibid.

anak yatim untuk menjaga kesihatan melalui proses khatan, sebagaimana diperintahkan oleh ajaran Islam dan juga anjuran kerajaan[422]

Dalam rangka menyemarakkan Ramadhan 1434 H,[423]Baitulmaal Muamalat kembali mengadakan Program Berbagi Cahaya Ramadhan (PBCR) iaitu pemberian pakej Sembilan Bahan Pokok (SEMBAKO) dirasmikan secara langsung oleh Ir. H Andi Buchori MM (Pengarah *Compliance and Risk Management*, Bank Muamalat Indonesia) dan diwakili oleh Danny Budianto (Pengurus Penghimpunan, Baitulmaal Muamalat). Bersamaan program ini, BMM melaksanakankegiatan Sahur Berbuka dan lebaran bersama kurang lebih 70,000 anak yatim dan fakir miskin di seluruh Indonesia.

Kegiatan Sahur Buka & Lebaran (SBL) kali ini dilakukan melalui 79 cawangan BMI yang tersebar di seluruh Indonesia. Dalam Kegiatan ini, BMM memberikan Pakej SEMBAKO untuk Sahur, Berbuka dan Lebaran bernilai Rp 250 ribu yang diberikan kepada 70,000 anak yatim dan fakir miskin di seluruh Indonesia.

Selain dilakukan di seluruh cawangan BMI yang tersebar di Indonesia, program Sahur Berbuka dan Lebaran (SBL) ini juga dilakukan di sejumlah wilayah memperkasakan BMM.[424]

### 3.3.2. Islamic Solidarity School (ISS)

#### 3.3.2.1. Pengenalan[425]

[422] Baitul Maal Muamalat, " Program Dukungan Ophan Kafalah" lama sesawang Baitul Maal Muamalat, dicapai 27 oktober 2013, http://www.baitulmaal.net/berita-481-anak-yatim-kafala-pidie-dan-aceh-utara-mengikuti-khitanan-masal.html

[423] Baitul Maal Muamalat, " Program Dukungan Ophan Kafalah" lama sesawang Baitul Maal Muamalat, dicapai 27 oktober 2013, http://www.baitulmaal.net/berita-475-berbagi-cahaya-ramadhan-6.html

[424] Taufiq Hidayad (kepala Bank muamalat Aceh) dalam temua bual

[425]Gunawan ( ketua ISS) dalam temubual dengan penulis 10 September 2013.

ISS merupakan satu program dari BMM yang dinamakan Program Khas, dan BMM lebih khusus kepada bantuan kepada anak yatim, fakir miskin dan kaum Dhuafak di daerah Aceh yang tidak mempunyai yuran untuk menyekolahkan anak mereka.

Pada asasnya ISS ini merupakan Yayasan Panti Asuhan (YPA) yang menampung anak yatim mangsa konflik sahaja, dengan memberikan mereka kehidupan yang selesa dari makan, minum dan keperluan hari-hari. Akan tetapi pada tahun 2006, YPA tersebut dirubah nama dan sistem pengurusannya menjadi sekolah modren. Disebabkan oleh perbagai masalah yang terjadi di saat YPA tidak mempunyai sekolah, sedangkan anak yatim sangat berhajat kepada pendidikan.

Pada pelaksanaan pertama, ISS menerima pelajar Sekolah Rendah, dari anak yatim dan mangsa Tsunami yang berumur 8 tahun. Akan tetapi pada tahun 2007 sekolah rendah dihentikan, kerena perbagai permasalahan yang timbul disebabkan umur mereka sangat kecil sehingga susah untuk diberi pelajaran untuk mereka yang masih memerlukan kasih sayang dari pada pihak keluarga asal.

Selanjutnya penerimaan pelajar di ISS dikhususkan kepada anak yatim mangsa Tsunami dan mangsa konfil RI dan GAM, yang mencakup seluruh wilayah Aceh.Anak Yatim mangsa konfilk dan mangsa Tsunami tersebut dijemput dari rumah masing-masing berdasarkan persetujan daripada ketua kampong.Jemputan ini sangat memberi kebahagiaan kepada anak yatim kerana dengan adanya sekolah ini mereka dapat sekolah dengan percuma dan dapat mencukupi keperluan sehari-hari seperti makan, baju dan pendidikan.Dan ini sesuai dengan tujuan BMM untuk menyekolahkan anak yatim mangsa konflik dengan RI dan GAM.

Selanjutnya penerimaan pelajar di ISS semakin terbuka untuk umum, dikerana permintaan daripada masyakat yang memberi idea terhadap perkembangan ISS, maka

penerimaan pelajar di ISS berterusan kepada Anak Yatim, fakir miskin dan kaum dhuafak yang bukan mangsa Tsunami dan yang bukan mangsa konflik RI dan GAM. Hal ini terlaksana kerana perhatian dari PEMDA Aceh Besar untuk kongsi dalam pembiayaan, sehingga pada akhirnya semua anak yatim, fakir miskin di sekolah ISS digratiskan yuran sekolah beserta kos kehidupan sehari-hari.

Dan pada tahun 2012-2013 penerimaan pelajar tidak hanya terhad kepada anak yatim, fakir miskin sahaja, akan tetapi penerimaan juga dibuka untuk umum, dengan pelbagai keperluan, dari surat berkelakuan baik dari ketua kampong, sampai ujian masuk membaca Al-quran dan ujian penulisan.

#### 3.3.2.2. Program Sekolah[426]

Secara amnya sistem belajar di ISS terbahagi kepada dua tahap mengikuti kepada level pelajar, dua tahap level tersebut ialah: Sekolah Menengan Pertama (SMP)*Islamic Solidarity School* (ISS) dan Sekolah Menengah Kejuruan (SMK)*Islamic Solidarity School* (ISS).

#### 3.3.2.3. SMP ISS[427]

SMP ISS merupakan program level tingkatan belajar selepas sekolah rendah. Mulia berdiri semenjak tahun 2006.

#### 3.3.2.4. Visi SMP *Islam Solidarity School*

Menjadi sekolah Islam yang unggul sebagai panutan dalam pembangunan dunia pendidikan dan pengajaran sains tekhnologi nasional yang diiktiraf antarabangsa.

#### 3.3.2.5. Misi SMP Islmic Solidarity School

3.3.2.5.1. Menyelenggarakan pendidikan pertengahan yang mendasarkan pada prinsip atau kaedah Islam.

[426]Ibid.
[427] Iss " buku panduan sekolah" Aceh besar: jantho (2011) 35

3.3.2.5.2. Mengalikasikan kurikulum nasional berasaskan kompetensi dengan orientasi pada lulusan yang beriman dan berakhlak Islam kaffah, Menguasai ilmu pengetahuan menengah, Menguasai kemahiran teknologi dan jiwa kompetensi yang tangguh.

**3.3.2.6. Tujuan SMP *Islamic Solidarity School***

3.3.2.6.1. Membentuk sistem pendidikan Islam terpadu yang unggul.

3.3.2.6.2. Menjadi sekolah panutan dalam pengembangan dunia pendidikan.

3.3.2.6.3. Mengaplikasikan kurikulum Nasional berbasis kompetensi dengan orientasi pada lulusan yang beriman, berakhlak mulia, menguasai ilmu pengetahuan menengah, keterampilan teknologi dan jiwa kompetensi yang tangguh.

**3.3.2.7. SMK *Islamic Solidarity School*[428]**

SMK *Islamic Solidarity School* merupakan sekolah lanjutan dari pada SMP, yang berdiri semenjak tahun 2011-2013

**3.3.2.8. MISI SMK Grafika *Islamic Solidarity School***

3.3.2.8.1. Meningkatkan kompetensi pelajar yang Bersedia memasuki dunia pekerjaan di pasaran Antarabangsa.

3.3.2.8.2. Menghasilkan graduan yang mempunyai watak-watak, komitmen dan berdaya saing untuk membuka usaha mandiri.

3.3.2.8.3. Mempertingkatkan mutu pendidik dan kakitangan kerja kependidikan yang professional.

3.3.2.8.4. Meningkatkan sarana dan prasarana pendidikan untuk menyokong proses pembelajaran yang optimum; dan Meningkatkan perkhidmatan untuk memenuhi kepuasan pelanggan.

**3.3.2.9. Tujuan SMK *Grafika Islamic Solidarity School.***

3.3.2.9.1. Pengurusan Sekolah diuruskan berasaskan Teknologi Maklumat dan memberdayakan penggunaan laman web bagi pelajar dan staff ISS.

3.3.2.9.2. Penambahbaikan secara berterusan.

[428]Ibid.

3.3.2.9.3. Tersedianya ruangan Pertukaran Kerja dan mewujudkan pangkalan data graduan

3.3.2.9.4. Melaksanakan kursus bahasa Inggeris kepada Staff pengajar.

3.3.2.9.5. Melibatkan Dunia Usaha / Dunia Industri (DUDI) dalam pembelajaran produktif.

3.3.2.9.6. Menjadi TUK (Tempat Uji Kompetensi) Grafika.

3.3.2.9.7. Mengikutsertakan guru dalam uji sertifikasi profesi.

3.3.2.9.8. Mempertingkat kerjasama dengan DU / DI dalam model pembelajaran, benchmarning, dan pengajarial dalam bahasa Inggeris.

3.3.2.9.9. Membuat Nota Kesepahaman (MoU) dengan DU/DI sebagai mitra sekolah.

3.3.2.9.10. Meningkatkan fungsi Perpustakaan yang boleh menfasilitasi pelajar baik manual mahupun secara IT.

3.3.2.9.11. Melaksanakan kursus wirausaha.

**3.3.2.10. Jumlah Siswa *Islamic Solidarity School*(ISS).**

Jumlah siswa *Islamic Solidarity School* (ISS) berdasarkan kelas:

| No | Data Sekolah | Jumlah | | Jumlah | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | Kelas | Rombel | Lk | Pr | |
| 1 | SMP | VII | 2 | 30 | 35 | 65 |
| | | VIII | 2 | 23 | 24 | 47 |
| | | IX | 4 | 38 | 62 | 100 |
| 2 | SMK | X | 2 | 12 | 19 | 31 |
| | | XI | 4 | 9 | 11 | 20 |
| | | XII | 3 | 28 | 45 | 73 |
| **Jumlah** | | | | | | **336** |

**3.3.2.11. Jumlah Guru Dan Kependidikan**

3.3.2.11.1. Jumlah guru.

| No | Tingkat Pendidikan | Status | | Jenis Kelamin | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | GT | GTT | Lk | Pr | |

| | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | S2[429] | 1 | | 1 | | 1 |
| 2 | S1[430] | 23 | 4 | 11 | 16 | 27 |
| 3 | D3[431] | 1 | 1 | 1 | 1 | 2 |
| 4 | SMA | 3 | | 3 | | 3 |

*GT : Guru Tetap*
*GTT : Guru Tidak Tetap*

3.3.2.11.2. Jumlah staff (Non-Guru)

| No | Tingkat Pendidikan | Status | | Jenis Kelamin | | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | PT | PTT | Lk | Pr | |
| 1 | SMA | 0 | 17 | 11 | 6 | 17 |

*PT : Pegawai Tetap*
*PTT : Pegawai Tidak Tetap*

### 3.3.2.12. Pelaksanan Kegiatan ISS.[432]

Sekolah *Islamic Solidarity School* (ISS) ditubuhkan pada tahun 2006 sebagai bentuk sokongan bantuan dari masyarakat Islam AntaraBangsa Pasca Tsunami bagi anak-anak Aceh korban Tsunami. ISS merupakan sarana Pelajaran bersepadu bagi korban Tsunami dan yatim di Aceh.Sekolah ini terletak di Jantho, daerah Aceh Besar dan mempunyai asrama dengan kapasiti 350 anak yatim. Sekolah ini terletak 50 km dari Kota Banda Aceh, ibu kota Provinsi Aceh.

ISS telah beroperasi selama 6 tahun dan menghasilkan graduan berkualiti serta diterima pada SMA negeri dan swasta di Aceh dan di luar Aceh. Dikarenakan pelajar ISS tidak hanya belajar pelajaran sekolah sahaja tetapi ia juga dipadukan dengan pelajaran pondok pesantren. Pelajar juga diajar bahasa Arab dan Inggeris untuk beriteraksi dengan guru dan rakan-rakan mereka di dalam kelas dan di luar kelas.

Pelajar ISS juga dibelakkan dengan bakat minat mereka melalui pelaksanaan kegiatan ekstrakurikular sekolah, diantaranya Tahfidzul Quran, Bahasa Arab, Bahasa

---

[429] Ijazah sarjana muda
[430] Ijazah sarjana
[431] Diploma
[432] Ridwan Maulana ( Pejabat pelaksana ISS) dalam temubual dengan penulis 10 semptember 2013

Inggeris, Pengakap, Memasak, Kesenian, Industri Perikanan, Pemasangan Komputer, Design, Sains, Matematik, Sukan dan lain-lain. Setiap bidang dipandu oleh guru-guru yang profesional.Dengan demikian, ISS menjadi sekolah sekaligus rumah untuk pendidikan dan pembangunan peribadi mereka.

ISS merupakan sekolah bersepadu di Aceh Besar yang dilengkapi dengan fasiliti sokongan, seperti binaan bangunan dan persekitaran sekolah yang asri dan nyaman bagi pelajar dengan latar barisan pergunungan di belakangnya. Bangunan tersebut difasilitasi dengan 8 asrama, 3 Bas, 1 Motor, Sarana Sukan, 2 Rumah Staff, 12 Bilik Darjah, 3 makmal, 1 Masjid, 1 perpustakaan, dan cafeteria.[433]

Kurikulum yang digunakan berdasarkan kurikulum Kementerian Pendidikan Nasioal, iaitu KTSP (Kurikulum Tingkat Satuan Pendidikan) untuk SMP dan Spektrum 2008 untuk SMK yang dikolaborasikan dengan sistem pondok pesantren.

ISS membuka sekolah vokasional selepas menganalisis dan mengenalpasti keperluan pelajar ISS, kerana sekolah ini mengajar kemahiran khusus bagi pelajar, sehingga anak-anak yang berlatar belakang yatim atau miskin dapat hidup mandiri dengan skill yang mereka miliki.

Sistem belajar di ISS merupakan sebuah pondok yang menggunakan kaedah moden dalam aktiviti belajar. Bedasarkan kaedah ini pelajar  memasuki kelas setiap dari hari isnin sampai hari sabtu dari jam 8 pagi sampai jam zuhur. Dan disore hari pelajar juga dibelaki dengan kursus tambahan untuk skill kemandirian mereka, seperti perbengkelan, perikanan, pemasangan komputer, design, sains dan menjahit untuk perempuan.

---

[433] Bank muamalat “ summary report tahunan 2012”, 9

### 3.3.2.13. Pelaksanaan pembangunan kemandirian pelajar.[434]

Pelaksanaan program ini merupakan kursus tambahan kepada pelajar ISS, diharapkan bahawa sekolah ini akan terus dijalankan dan dilanjutkan menjadi sekolah yang lebih baik nantinya dari segi keadaan dan kesejahteraan anak yatim, guru, dan staff.

Dan program pembangunan yang telah terlaksana iaitu Pembangunan unit usaha yang telah ada untuk kemandirian sekolah seperti: Kilang roti, Bakso sihat, Pembangunan ladang lele, Pembuatan gantungan kunci, tanglung, buku tulis dan pembuatan pin.

Setelah berjaya melakukan kegian pembangunan bakat minat pelajar melalui unit usaha, ISS juga telah merancang program-program tambahan untuk pembangunan kemandirian pelajar. Adapun program yang telah dirancang ialah: Pembuatan sliper jepit, Kedai Digital Printing / Banner, Usaha Grafika, Usaha bersulam.

Seperti yang dilakukan oleh SMK Grafika, melakukan aktiviti dengan jurusan utamanya iaitu penyediaan grafika.Aktivi ini terus melakukan peningkatan baik secara kualiti mahupun kuantiti bagi para pelajarnya.Ia dicirikan dengan membekalkan kemudahan sekunder. Salah satu kemudahan sekunder yang baru seperti Enjin offset, iaitu mesin percetakan adalah mesin yang dalam proses pencetakannya sangat bergantung pada ketepatan antara empat warna asas, iaitu Cyan, Magenta, Yellow, dan Key / Black[435] yang sangat menyokong pelaksanaan program kemandirian pelajar.

---

[434] Khairunnisa ( pejabat pelaksana ISS ) dalam temubual dengan penulis, 9 September 2013
[435] Baitul Maal Muamalat, " Program Dukungan Ophan Kafalah" lama sesawang Baitul Maal Muamalat, dicapai 27 oktober 2013, http://www.baitulmaal.net/berita-483-pelatihan-mesin-offset.html

### 3.4. KESIMPULAN.

Sebagai kesimpulan, kewujudan BMI sebagai salah satu badan Institusi kewangan Islam di Indonesia telah memeri impak yang besar kepada masyarakat di Indonesia. Salah satunya adalah pelaksanaan CSR.Penumbuhan dana-dana CSR melalui BMM membuktikan bahawa BMI bersungguh-sungguh menjalankan CSR terhadap masyarakat di Indonesia.

Dari pada program-pogram yang dijalankan melalui BMM, terbukti bahawa BMI begitu komited dalam menjalankan CSR kepada masyarakat.Program yang dilaksanakan menjurus kepada aktiviti-aktiviti yang dapat memberikan manfaat serta dapat memberikan kesan kepada mayarakat sama ada langsung ataupun tidak langsung.

Penglibatan dalam progam khusus yang dilaksanakan di Aceh, sesuai dengan komitmen BMI, bahawa pelaksanaan CSR tidak hanya menjalankan operasi perniagaan semata-mata, tetapi turut menjadi sebuah istitusi kebajikan yang senantiasa bersedia untuk membantu golongan yang miskin dan memerlukan, oleh kerana itu, pelaksanaan CSR menurut BMI tidak terhad untuk menggugukan kewajipan terhadap akta kerajaan Indonesia, akantetapi konsep pengagihan kekayaan secara Islam yang selalu diamalkan.

# BAB 4

## ANALISIS PELAKSANAAN CSR BANK MUAMALAT INDONESIA DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI MASYARAKAT ACEH

### 4.1. Pendahuluan

Bab ini menganalisa peranan pelaksanaan dana CSR Bank Muamalat Indonesia melalui BMM terhadap Program ISS dan Orphan Kafalah Program dalam pembangunan ekonomi masyarakat Aceh. Bab ini juga turut menganalisa sejauhmana peranan yang telah dimainkan oleh BMM dalam pembangunan ekonomi masyarakat Aceh

### 4.2. Pelaksanaan CSR Bank Muamalat Indonesia Dalam Pembangunan Ekonomi Masyarakat Aceh.

Dua peristiwa besar yang telah menjadi sejarah besar bagi masyarakat Aceh iaitu konflik di antara Republik Indonesia (RI) dan Gerakan Aceh Merdeka (GAM) serta bencana alam atau " Tsunami" dengan jumlah kehilangan nyawa hampir 250,0000 orang.[436]

Peristiwa Tsunami ini berlaku ketika mana tercetusnya konflik di antara GAM dan RI. Sebahagian masyarakat Aceh menganggap 'Tsunami' sebagai kiamat kecil berikutan daripada kemusnahan teruk melibatkan harta benda serta nyawa penduduk di sekitar bandar Aceh. Walaupun peristiwa Tsunami telah meninggalkan kesan kerosakan yang begitu besar terhadap masyarakat Aceh, namun ia tidak sedikit pun meluntukan semangat mereka untuk menjalani kehidupan yang lebih baik di hari-hari seterusnya. Tsunami bukan sahaja dianggap sebagai bala dan peringatan kepada penduduk Aceh,

---

[436] Ajidar Matsyah," Penyelesaian Konflik Dalam Islam: Kajian Peranan Perjanjian Helsingki 2005 Di Aceh" (Tesis Doktor Falsafah Syari'ah. Universiti Malaya. Kuala lumpur Malaysia.(2012),1

malah setelah berlaku tragedi tersebut menyebabkan termetrainya perjanjian perdamaian Helsinki,[437] yang menamatkan lebih daripada tiga dekad konflik di antara RI-GAM . Rwang bagi pembangunan baru juga telah mula terbuka dan kehidupan masyarakat Aceh dilihat semakin baik. Proses-proses pemulihan dan pembinaan semula turut memberi peluwang baru kepada masyarakat untuk bersama-sama melibatkan diri sebagai sukarelawan dalam projek-projek kerjasama. Kemasukan institusi dana asing yang turut serta dalam memberikan sumbangan kepada pembangunan bandar Aceh dilihat telah membawa kesan-kesan pergeseran sosial yang lebih luas.

Perlaksanaan Program Khusus di Aceh merupakan salah satu bentuk sokongan BMI kepada masyarakat Aceh dalam misi CSR tehadap mangsa konflik RI-GAM dan Tsunami. Oleh itu, bagi menganalisa perlaksanaan CSR BMI ini, penulis telah membahagikanya kepada tiga bahagian iaitu pembangunan ekonomi, pembangunan kerohanian serta pembangunan sosial kebajikan.

Melalui rajah 4.1, penulis telah menunjukkan bahawa pembangunan ekonomi Islam berbeza dari sudut penilaian pembangunan ekonomi konvensional. Islam amat mengalakkan pembangunan ekonomi, kerana pembangunan ekonomi menurut Islam tidak hanya terhad kepada perkiraan kewangan mahupun kebendaan semata-mata. Akan tetapi, pembangunan ekonomi Islam lebih mencakupi aspek pengagihan kekayaan, pembangunan sumber manusia dan kebajikan sosial.

[437] Memorandum of understanding antara Government of Indonesia dan free Aceh Movement. Helsinki adalah ibukota kerajaan Sweden, sebagai tempat bersejarah bagi perundingan Antara RI-GAM sehingga berhasil ditanda tangani sebuah nota persefahaman Perjanjian Helsinki 2005 antara RI-GAM

Rajah 4.1

Teori Pembangunan Ekonomi Menurut Perspektif Islam




Sumber: Diubahsuai daripada teori pembangunan ekonomi masyakarat melalui program CSR

### 4.2.1. Pembangunan Ekonomi

Pelaksanaan program anjuran BMM merupakan satu bentuk program kebajikan yang dilihat dapat membangunkan ekonomi masyarakat di Aceh khususnya. Program khusus ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu: *Islamic Solidarity School* (ISS) dan Orfhan Kafalah Program (OKP). Program ini telah mendapat sambutan baik daripada pihak pelaksana program, wali yatim mahupun daripada masyarakat sekitarnya.[438]

ISS merupakan sekolah bantuan kepada masyarakat miskin di Aceh, di mana ia membiayai segala keperluan hidup anggota masyarakat termasuk pembayaran yuran sekolah serta kos sara hidup. Dalam temubual penulis dengan bendahari ISS, beliau ada menyatakan bahawa:

> *"Setiap tahunnya, ISS mendapatkan dana dari BMM sebanyak Rp.3.000.000.000.-[439]. Dana ini diurus oleh bendahari ISS untuk keperluan operasional ISS, seperti dana pembangunan pelatihan kepada guru dan pelajar, dana pemuihan bangunan sekolah, pakaian kepada pelajar dan untuk makan sehari 3 kali kepada pelajar dan guru."[440]*

---

[438]Nur Aini (wakil dari pada anak yatim OKP wilayah meureudu), dalam temubual dengan penulis,10 September 2013

[439] RM 837,510

[440] khairunisa' ( Bendahari ISS), dalam temu bual dengan penulis, 5 hb September 2013

Selain itu, penulis turut membuat temubual dengan PM ISS . Dalam temubual tersebut, beliau telah mengatakan:

> *"ini sangat membantu ekonomi dari pada anak yatim. Mereka di berikan tempat tinggal, makan dan pelajaran. Seandainya tidak ada sekolah ISS mungkin anak yatim tersebut tidak bersekolah. Pada 2006 dimulai dengan menjemput dan medatangi ke kampung-kampong dan menjemput anak korban Tsunami unutk di sekolahkan di ISS."*[441]

Sejak dari 2006 sehingga tahun 2012, tercatat bahawa pihak ISS telah berjaya mendidik hampir 4500 anak yatim di sekitar bandar Aceh. Melalui hasil pendidikan ini, terdapat di kalangan anak yatim iaitu graduan ISS, berjaya melanjutkan pendidikan ke peringkat universiti, Ada di antara mereka yang berjaya dalam berniaga dengan modal keahlian yang diajar di ISS dan terdapat segelintir para graduan ISS mengambil peluwang untuk memberi sumbangan kembali dengan menjadi tenaga pengajar di ISS.

Selain diberikan kemudahan belajar sepanjang penempatan mereka di ISS, anak-anak yatim ini juga turut diberikan ilmu kemahiran sebagai bekalan dalam meneruskan kehidupan mereka setelah tamat pengajian dari ISS nanti. Contohnya seperti kemahiran roti, bakso sihat, pembangunan ladang lele[442], pembuatan gantungan kunci, tanglung, buku tulis, pembuatan pin, pembuatan sliper jepit[443], kedai percetakan digital dan banner, usaha grafika dan usaha bersulam,[444] Seperti yang dipaparkan dalam gambar 4.1 dan 4.2.

---

441 Gunawan ( ketua ISS), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013
442 Ikan Keli
443 Selipat Lasak
444 Bordir

Gambar 4.1
Keadaan Pelatihan Pengoperasiaan Mesin  Cetak Digital dan Banner.



Sumber: Kajian lapangan sekolah ISS Jantho. Aceh Besar, bertarikh 9 September 2013, pada pukul 3.00 petang

Gambar 4.2
Keadaan Pelatihan kelab Kreatifitas Pin, dan Kerajinan Tangan.



Sumber: kajian lapangan di sekolah ISS, Jantho, Aceh Besar, bertarikh 9 September 2013 pada pukul 5 petang.

ISS juga membekalkan aktiviti dengan jurusan utamanya pada SMK iaitu penyediaan grafika. Aktiviti ini dilihat dapat meningkatkan kualiti mahupun kuantiti para pelajarnya. Ia dicirikan dengan membekalkan kemudahan sekunder. Salah satu kemudahan sekunder disediakan adalah seperti enjin offset, iaitu mesin percetakan yang sangat bergantung pada ketepatan antara empat warna asas, iaitu Cyan, Magenta,

Kuning, dan Hitam[445] yang sangat menyokong pelaksaan program kemandirian kerja pelajar. Seperti yang terakam dalam gambar 4.3 dan 4.4

Gambar 4.3
Gambar Hasil Kemandirian Pelajar Dalam Usaha Gratika




Sumber: Kajian Lapangan di Sekolah ISS, Jantho Aceh Besar bertarikh 9 September 2013 pada pukul 5 petang.

Gambar 4.4
Keadaan Kegitan Student Dalam Melaksanan Program Kerja Pelajar.



Sumber: kajian lapangan di ISS Jantho, Aceh Besar, 9 September 2013 4.00 petang.

Kira-kira hampir 50 orang di kalangan anggota masayarakat Aceh telah diberi pelwang pekerjaaan dalam pelaksanaan misi CSR anjuran BMI ini. Ada di kalangan mereka diberi pelwang untuk menjadi tenaga pengajar di ISS dan yang lain-lain terlibat dalam kerja-kerja di bidang kemahiran. Ini menunjukkan proses pembangunan ekonomi semakin meningkat di Aceh hasil daripada keprihatinan CSR BMI.

---

[445] Baitul Maal Muamalat, " Program Dukungan Ophan Kafalah" lama sesawang *Baitul Maal Muamalat*, dicapai 27 oktober 2013, http://www.baitulmaal.net/berita-483-pelatihan-mesin-offset.html.

Dalam pelaksaannya Program khusus, CSR BMI telah banyak membantu masyarakat Aceh,  baik anak yatim yang mendapatkan pendidikan gratis mahupun masyrakat yang mendapatkan pelwang kerja, seperti: guru yang mengajar di ISS dan juga tutor yang mengajarkan anak yatim di OKP.[446] Begitu juga pelwang kerja yang ada di kafetaria ISS, peniaga berjumlah 15 orang dan mendapati keuntungan daripada perniagaannya sekurang-kurangnnya Rp. 1.000.000.-[447] sebulan.[448] Selain peniaga di kafetaria, masyarakat juga menerima tempahan kuih harian untuk dihantar ke pejabat staff ISS.[449]

Di sini program khusus telah berperanan secara tidak langsung dengan tidak menyewakan gerai kepada peniaga akan tertapi peniaga cuma diberikan amanah untuk membersihkan gerai setelah selesai perniagaan selesai.[450]

Peluang pekerjaan amat berkait rapat dengan pembangunan ekonomi. Ia juga juga disebut sebagai etika kerja yang mana mempunyai hubungan dengan ekonomi, nilai-nilai masyarakat, peka terhadap masalah-masalah sosial manusia.[451] Dan pelwang kerja dapat meningkat kualiti hidup.[452]

---

[446] Gunawan ( ketua ISS), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.
[447]. RM 350
[448] Gunawan ( ketua ISS), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013.
[449] Ibid.
[450] Ridwan maulana (ketua pelaksaan program ISS), dalam temubual dengan penulis, 5 September 2013
[451] Pengurusan Islam. 85
[452]Muhammad Anas al-Zarqa, "*A partial relationship In A muslim's ulility function*" , dalam sayed tahir et al (eds), reading in microeconomics an Islam perspective, Selangor darul ehsan: longman Malaysia SDN BHD (1992) 107-109, beliau menyatakan peningkatan kualiti hidup merupakan Memperbaiki kehidupan ke arah mencapai kebaikan akhlak , ekonomi dan sosial. Usaha –usaha dalam memcapai object ini , keutamaan yang harus diberikan sekurang-kurangnya kepada perkara berikut. Iaitu:

1. Mengadakan peluang pekerjaan dan semua penyelarasan dari segi struktrur, tekhnologi, pelaburan, kedaerahan dan pendidikan yang timbul didalamnya.
2. Mengadakan suatu system jaminan sosial yang berkesan yang menjamin kebutuhan hidup yang asas bagi semua orang yang tidak berupaya melibatkan diri dalam pekerjaan atau usaha-usaha mencari nafkah hidup dan mereka yang layak mendapat bantuan dan pertolongan masyarakat melalui institusi zakat, hibah, sedekah, dan sebagainya.
3. Malaksanakan pengagihan pedapatan dan kekayaan  yang seksama dan adil. Haruslah ada dasar yang kukuh untuk mengurangkan jurang perbedaan kekayaan antara golongan kaya dan golongan miskin, yang akan mengurangkan nisbah menumpuan kekayaan kepada segolongan tertentu sahaja.

ISS juga melaksanakan pelatihan Kemandirian (kerja pelajar) ekonomi kepada para guru iaitu dalam program pelatihan guru produktif ke semarang. Pelatihan ini dalam rangka untuk menyokong program di ISS iatu dengan kemandirian ekonomi ISS, dan untuk diajarkan kepada pelajar. Seperti dalam gambar 4.5 dan 4.6

Gambar 4.5
Keadaan Pelatihan Guru Produktif Ke Semarang Pada Tanggal 15-5 November 2011 Unutk Memperlajari Tentang Persiapan Dan Produktifitasi Grafika Bentuk Pembangunan Sumber Manusia Sebagai Keperluan Peningkatan Kualiti Student.




Sumber: majalah tahunan IS

Gambar 4.6
Keadaan Pelatihan  Guru Produktif Ke Semarang Dalam Melaksanakan Perniagaan Percetakan dan Grafika.



Sumber: Majalah Tahunan ISS.

Begitu juga dengan program Orphan Kafalah Program (OKP). Melalui program pembangunan anak yatim ini, OKP telah berjaya mendidik hampir 3.025 anak yatim di

bawah asuhan yang meliputi di Wilayah Pidie, Pidie Jaya dan Aceh Utara. Anak yatim di bawah program OKP ini telah diberi sumbangan dana sara hidup, pendidikan dan kesihatan. Dan unutk Dana ekonomi, anak yatim diberikan 1 USD sehari, untuk wang keperluan harian, yang bersama 30 USD sebulan.[453]

Pelaksanaan program OKP juga turut memberikan impak yang baik kepada masyarakat yang ada di wilayah bantuan anak yatim seperti: Aceh Besar, Sigli, Meureudu dan Aceh Utara. Contohnya masyarakat berpeluwang untuk menjadi tenaga tutor mingguan kepada anak yatim, tercatat 200 tutor lebih yang telah bekerja di OKP untuk memberikan ceramah dan mentoring kepada anak yatim yang ada di setiap wilayah. Ketua pelaksana OKP dalam temubual dengan penulis menyatakan:

> *Dalam program ini kita juga menyedikan lapangan kerja kepada masyarakat yang mempunyai bacgroun agama sehingga mereka bisa mendidik anak yatim, sekarang tercatat sekitar 200 totur di pidie, pidie jaya dan Aceh utara. dan mereka digaji dengan program one day one dollar for one student*[454]

Bekerja merupakan satu kegiatan manusia yang disuruh dan sangat-sangat dituntut oleh agama Islam. Di dalam aI-Quran terdapat banyak sekali ayat yang menyuruh manusia bekerja, kerana kerja merupakan sumber rezeki untuk menanggung diri sendiri, kaum keluarga dan membantu orang lain, Firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah:

وَقُلِ ٱعْمَلُوا۟ فَسَيَرَى ٱللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُۥ وَٱلْمُؤْمِنُونَ ۖ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ
عَـٰلِمِ ٱلْغَيْبِ وَٱلشَّهَـٰدَةِ فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

al-Taubah: 105

[453] Rincian 30 $ Menurut hasil temubual penulis dengan wakil yatim di daerah meureudu YTM 03, sayed menjelaskan dalam temubual dengan penulis rincian 30 $, dan dibagikan untuk anak yatim 24 $, dan 6 $ lagi diurus untuk keperperluan lain seperti: 2$ untuk monitoring, 2 $ untuk Traning, 1$ kesehatan, dan 1$ les tambahan mingguan.

[454] Sayed nazar ( ketua OKP), dalam temubual dengan penulis, 9 September 2013

Terjemahan: dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Beramalah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang Yang beriman akan melihat apa Yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara Yang ghaib dan Yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa Yang kamu telah kerjakan".[455]

Anak yatim dalam program OKP ini juga diberikan latihan kemahiran seperti kemahiran perkayuan (kriya kayu), kraftangan *(Handycraft)*, ilmu perbengkelan[456] dan perkhitmatan membaiki telefon bimbit, menjahit dan IT. Seperti  dalam gambar 4.7

Gambar 4.7
Keadaan Pelatihan Mengukir Kayu Untuk Dijadikan Perabotan Rumah Tangga



Sumber: Kajian Lapangan Sigli, Alun Alun, Bertarikh 12 September 2013 Pada Pukul 4.00 Petang

Antara program-program yang CSR jalankan melalui program khusus di BMM dalam pembangunan ekonomi masyarakat Aceh adalah seperti yang ditunjunkkan dalam rajah 4.2.

[455] Muhammad ‘Uthman El-Mahmudy, “ Al-Qur’an ‘L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. II ” Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 769
[456] machine shop

Rajah 4.2
Program-Program Pembangunan Ekonomi Yang Dilaksanakan oleh BMI Program CSR, Melalui BMM Dalam Program Khas Di Aceh.




Sumber: Diubahsesuai daripada hasil temubual dengan pejabat BMM dengan panulis,11 hb September 2010

Berdasarkan kepada rajah 4.2 serta huraian-huraian di atas, jelas menunjukkan bahawa BMM amat prihatin dalam melaksanakan program-program bertujuan untuk pembangunan ekonomi. Ini terbukti melalui terlaksananya program-program seperti jaminan kehidupan anak yatim, pembekalan kemahiran untuk membuka perniagaan sendiri serta pelwang kerja kepada masyarakat.

Pembangunan sumber insan sangat berkait dengan motivasi kerja. Iltizam, semangat dan moral para pekerja perlu dipupuk dan ditingkatkan secara berterusan melalui pelbagai cara seperti kursus motivasi, latihan membina semangat, ceramah, tazkiah, kumpulan pengajian dan sebagainya. Ini sangat bersepadu dengan pelaksanan program CSR melalui pembangunan sumber manusia yang dilaksanakan oleh BMI yang bertujuan membekalkan serta memberikan pendedahan kepada anak yatim, staff di ISS dan OKP dalam bidang perniagaan. Sebagai contoh, ilmu kemahiran dan penyediaan peluwang kerja kepada pelajar dan masyarakat. Malah, program ini juga turut membuka peluwang pekerjaan kepada lebih 300 masyarakat untuk berkerja (guru, staff, tutor, peniaga kafetaria, masyarakat sekitar).

Jaminan kehidupan kepada anak yatim adalah salah satu bentuk pengagihan kekayaan dalam Islam, Islam bukan sahaja menuntut penyempurnaan keperluan bagi seriap orang, tetapi turut menekankan persoalan pengagihan pendapatan dan kekayan yang adil, Islam mengancam keras monopoli sumber oleh segolongan kecil golongan kaya yang menentingkan diri sendiri. Allah SWT telah menjelaskan dalam al-Quran:

مَّآ أَفَآءَ ٱللَّهُ عَلَىٰ رَسُولِهِۦ مِنۡ أَهۡلِ ٱلۡقُرَىٰ فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِى ٱلۡقُرۡبَىٰ وَٱلۡيَتَـٰمَىٰ وَٱلۡمَسَـٰكِينِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِ كَىۡ لَا يَكُونَ دُولَةَۢ بَيۡنَ ٱلۡأَغۡنِيَآءِ مِنكُمۡۚ ﴿٧﴾

al-Hasyr.59:7

> Terjemahan: apa Yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa Dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan Yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu.[457]

Ayat di atas membuktikan bahawa Islam menegakkan pengagihan kekayaan yang adil dan tidak menyokong membekukan harta.[458] Pengagihan melalui tanggungjawab sosial merupakan anjuran dari pada Islam karena ianya etika kerja Islam, bukan untuk menciptakan manusia kapitalis yang mengaut keuntungan tanpa etika dan tanggungjawab sosial.[459]

Berdasarkan kepada gambar 4.1 sehingga gambar 4.10 menunjukkan bahawa telah

---

[457] Muhammad ‘Uthman El-Mahmudy, “ Al-Qur’an ‘L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. V ” Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 2878

[458] Muhammad Abdul mana, Ekonomi Islam: teori dan praktis ( asas-asas ekonomi ), terjmh: Radiah abdul kader ( kuala lumpur: A.S. NOORDEEN 1993) 103

[459]Akademi pengurusan YaPEIM, “Pegurusan Islami Menghayati Prinsip Dan Nilai Qurani”, kuala lumpur: bule T publication SDN BHD ( 2010), 85

terlaksana pembekalan kemandirian (kerja) pelajar dalam bentuk program kemandirian yang berterusan. Kegiatan ini sesuai dengan teori pembangunan ekonomi melalui CSR iaitu menciptakan peluwang kerja yang berterusan.

### 4.2.2. Pembangunan Sumber Manusia

Pembangunan kerohanian atau yang disebut dengan pembangunan sumber manusia memainkan peranan yang amat penting dalam pembangunan ekonomi masyarakat. Dalam pelaksanaan program BMM di Aceh sangat jelas menunjukkan bahawa program pendidikan lebih difokuskan. Hal ini dibuktikan melalui program ISS dan Orphan Kafalah (OKP) dalam memberi bantuan pendidikan kepada anak yatim dan fakir miskin di Aceh

Dalam pembangunan pendidikan, ISS dan OKP telah menjalankan pelbagai program untuk pembangunan insan, seperti yang dilakukan oleh ISS merupakan sebuah sekolah yang menekankan aspek agama serta akhlak sebagaimana yang dinyatakan oleh ketua ISS sendiri.[460] Ini merupakan salah satu peranan ISS dalam membangunkan kerohaian melalui pendidikan. Sekolah yang dijadikan sebagai tempat belajar ilmu dan tempat pengajian agama dapat meningkatkan aspek kerohanian dan bentuk akhlak yang baik bagi individu. Peningkatan kerohanian dan akhlak adalah penting dalam pembangunan sumber manusia secara menyeluruh, memandangkan pengabaian kepadanya boleh membawa kesan yang negatif dalam proses pembangunan ekonomi seperti yang diterangkan dalam bab II.

Selain itu, anak yatim di ISS juga diberikan pendidikan khusus bagi proses menghafal al-Quran serta mata pelajaran tambahan iaitu subjek akhlak. Mereka turut

---

[460] Gunawan ( ketua ISS), dalam temubual dengan penulis 5 September 2013

diberi ilmu cara-cara bagaimana untuk bersikap saling tolong-menolong sesama manusia. Anak yatim tersebut juga diberikan amanah untuk menjadi pengurus organisasi sekolah, mereka diajarkan cara-cara berpakaian yang Islami kepada junior mereka. Mereka juga memberikan contoh-contoh yang baik dalam pendidikan mahupun dalan beribadah kepada Allah SWT.

Dalam meningkatkan kualiti sebagai tenaga pengajar, ISS juga telah melaksanakan bengkel untuk melatih guru. Antara modul yang diberikan dalam bengkel tersebut adalah seperti '*mind mapping'* iaitu satu bentuk pengajaran dan pembelajaran yang boleh diaplikasikan oleh pelajar-pelajar khususnya. Seperti yang terakam dalam gambar 4.8.

Gambar 4.8
Suasana Pelatihan *Mind Mapping* Kepada Guru, Sebagai Salah Satu Media Pengajaran Dan Pembelajaran Pelajar.



Sumber: majalah tahunan ISS, tahun 2012.

OKP juga menyediakan dana pendidikan kepada anak-anak yatim. Dana ini diuruskan oleh tutor. Anak-anak yatim yang memperoleh bantuan daripada OKP akan diberikan pelajaran tambahan setiap minggu[461], kegitan ini merupakan salah satu program yang dapat menyokong pembangunan sumber manusia kepada anak yatim, kerana

[461] Rahmadi ( tutor OKP dan pemateri mingguan kepada anak yatim wilayah meureudu ) dalam temubual dengan penulis 10 September 2013.

pendidikan dalam Islam bertujuan mencipta manusia yang baik. Baik dalam erti kata memiliki akhlak yang terpuji secara material dan spiritualnya, insaf terhadap tanggungjawab dirinya kepada Allah SWT dan manusia. Sehingga menjadikan Insan adabi di masa depan. Insan adabi, iatu insan yang sentiasa berusaha menanamkan kualiti kebaikan yang diterima dalam seluruh aspek kehidupan, atau manusia yang menjalani keseluruhan hidupnya secara murni dan jujur berasaskan etika keIslaman.[462]

Dalam program Orphan Kafal, kelas tambahan (bimbingan belajar) bahasa Arab dan bahasa Inggeris dijalankan. Di dalam kelas tersebut, pengedaran buku soalan ujian dibuat kepada anak-anak yatim yang sedang menduduki kelas terakhir dalam pendidikan mereka. Ini seperti yang ditunjukkan dalam gambar 4.9 dan 4.10.

Gambar 4.9
Keadaan Pelatihan Bahasa Ingris Dan Pelatihan Bahasa Arab Kepada Anak Yatim Di Daerah Aceh Utara.



Sumber: kajian lapangan di Aceh utara, bertarikh 14 September 2013, pada pukul 5.00 petang.

[462] Ahmad Munawar Ismail Et All, Islam Dalam Pendidikan Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri Bangsa Melayu Di Malaysia, *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 37-50, lihat : Hassan Langgulung. "Asas-asas Pendidikan Islam". Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, (1997): Al-Attas, Syed Muhammad Al-Naquib. "Tujuan dan Objektif Pendidikan Islam". Terj. Shamsuddi Jaapar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (1992)

Gambar 4.10
Gambar pembagian buku latinan ujian akhir sekolah dasar dan sekolah lanjutan kepada anak yatim di daerah Aceh utara.




Sumber: dipetik daripada laman, http://yatimaceh.net/program-okp/pendidikan.

Penggemblengan dan pengagihan tenaga kerja terdiri daripada sejumlah individu yang berkebolehan, berkemahiran serta mempunyai latar belakang yang pelbagai. Kepelbagaian merupakan satu bentuk “kekayaan” yang dikatakan dapat menyumbang banyak kebaikan jika ianya digabungkan serta diselaraskan. Ini kerana semangat dan gerak kerja berasukan *(‘amal jama’iy*) dilihat saling lengkap melengkapi. Dalam kaitan ini pembangunan semangat dan budaya kerja berpasukan jelas termasuk dan meliputi pembangunan sumber daya insani.[463]

Antara program-program yang dijalankan BMM dalam membangun sumber daya manusia dalam pembangunan ekonomi masyarakat Aceh, adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.3

[463]Akademi pengurusan YaPEIM, “Pegurusan Islami Menghayati Prinsip Dan Nilai Qurani”, 143

Rajah 4.3
Program-Program Yang Pembangunan Ekonomi Yang Dilaksanakan Oleh Program CSR BMI, Melalui BMM Dalam Program Khas Di Aceh




Sumber: Diubahsuai Daripada Hasil Temubual Dengan Pejabat BMM Dengan Penulis Bertarikh 11 September 2010

Berdasarkan Rajah 4.3, empat program utama dalam bidang pembangunan sumber manusia dilihat memainkan peranan utama dalam pembangunan ekonomi. Hal ini jelas terbukti melalui perlaksanaan bantuan pendidikan kepada anak yatim, fakir miskin, bengkel kemahiran *'mind mapping'* untuk guru, wisata edukatif, dan tutor

Pendidikan mempunyai pengaruh yang besar dalam aspek kehidupan manusia kerana pendidikan dapat mempengaruhi sudut pandangan seseorang ketika melaksanakan kerja yang pelbagai. Kesedaran terhadap kepentingan pendidikan dapat membantu sesebuah negara mengatasi masalah kemiskinan. Ini kerana pencapaian ekonomi selalu dilihat berhubung kait dengan pencapaian pendidikan. Kemunduran ekonomi sesebuah negara bakal memberi kesan kepada tahap pendidikan di negara mereka. Kurangnya pendapatan menyebabkan masyarakat kurang berkemampuan dalam memenuhi keperluan hidup mereka. Begitu juga dalam aspek pendidikan. Jika tahap pendidikan masyarakat di sesebuah negara itu rendah, maka taraf kehidupan mereka

juga rendah.

Program-program ini bertujuan untuk membangunakan modal insan di kalangan anak yatim melalui kemahiran diri, kecekapan bekerja, bantuan pendidikan dan latihan kepada anak yatim melalui konsultan profesional. Di samping itu juga, bengkel *'mind mapping'* juga dapat membantu dari sudut aspek pengajaran serta pembelajaran di antara guru dan pelajar.

Pembangunan ekonomi tidak telepas dengan pembangunan sumber manusia, Allah SWT telah menjelaskan kemulian sumber manusia dalam al-Quran dengan menjelaskan bahawa manusialah satu-satunya makluk bernyawa yang dilengkapkan oleh Allah SWT dengan akal dan kemulian atas banyak makhluk-makhluk yang lain. Allah SWT menjelaskan dalam al-Quran:

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِىٓ ءَادَمَ وَحَمَلْنَٰهُمْ فِى ٱلْبَرِّ وَٱلْبَحْرِ وَرَزَقْنَٰهُم مِّنَ
ٱلطَّيِّبَٰتِ وَفَضَّلْنَٰهُمْ عَلَىٰ كَثِيرٍ مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا ﴿٧٠﴾

al-Israa' 17:70

Terjemahan: dan sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak adam; dan kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah kami ciptakan.[464]

Pembangunan sumber manusia merupakan tunggak utama pembangunan insan. Ini kerana pembangunan insan dilihat menjadi input paling penting dalam pertumbuhan ekonomi dimana kejayaan manusia itu bersumberkan pendidikan, jiwa (akhlak), sikap, dan kemahiran.

---

[464] Muhammad 'Uthman El-Mahmudy, " Al-Qur'an 'L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. III " Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 1351

Rajah 4.4.
Sistem Kejayaan Sumber Manusia




Sumber: Dipetik daripada Akademi Pengurusan[465].

### 4.2.3. Pembangunan Sosial Kebajikan

Pembangunan sosial kebajikan merupakan salah satu program yang penting dalam pelaksanaan CSR BMI melalui BMM telah melaksanakannya dalam perbagai program, seperti yang dilaksanakan pada ISS palatihan seni tarian adat Aceh yang digunakan untuk menyambut tetamu yang berdatang atau pun, untuk acara majlis yang dilaksanakan oleh sekolah mahupun luar sekolah, jaminan kesehatan kepada anak yatim (insurans), lawatan wali yatim yang serta ikut dalam pameran kebudayaan yang dilaksanakan oleh pejabat Aceh Besar dalam menyambut ulang tahun kota Jantho setiap tahunya.

Dalam pelaksanaan OKP, program sosial turut dilaksanakan di antaranya seperti program bedah rumah yatim, khatan am, dan sumbangan Ramadhan. Seperti yang

[465] YaPEIM (2010) “ pengurusan Islami Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani”, kuala lumpur: blue publication Sdn Bhd, 144

dipaparkan dalam gambar 4.11, 4.12 dan 4.13.

Gambar 4.11
Keadaan anak yatim di wilayah meureudu dan tringgadeng selepas melaksanakan khatan massa.



Sumber: dipetik dari laman sesawang. http://yatimaceh.net/2013-02-13-21-43-30/foto/khitan-sehat-bersama-bmm/khitan-2-18. 20 Oktober 2013

Gambar 4.12
Keadaan mentoring rumah yatim yang akan dibedah/direhab untuk anak yatim wilayah Aceh utara.



Sumber: dipetik dari laman sesawang http://yatimaceh.net/2013-02-13-21-43-30/foto/kontribusi-bmm/bedah-rumah-yatim/2-1-2

Menerusi bantuan kepada anak yatim yang dilakukan melalui OKP, pihak pengurus telah berjaya melaksanakan jaminan kesihatan kepad anak yatim mangsa konflik RI dan GAM.[466] Bagi mencapai matmalat pembangunan ekonomi Islam yang menyeluruh,

[466] Rahmadi ( tutor OKP dan pemateri mingguan kepada anak yatim wilayah meureudu ) dalam temuabual dengan penulis.

jamianan kesihatan kepada masyarakat akan menerusi peningkatan sumber manusia dan bagi meningkatkan kesihatan fizikal adalah penting untuk melahirkan sumber manusia yang sihat.[467] Seperti yang terakam dalam gambar 4.13.

Gambar 4.13
Keadaan Munazir setelah melakukan operasi dalam rumah sakit kerajaan Aceh RS.Zainal Abidin.




Sumber: kajian lapangan di Rumah Sakit Zainal Abidin, Banda Aceh, bertarikh 13 may 2013, pada pukul 9.00 malam.

Antara program-program yang dijalankan oleh BMM dalam membangunkan kebajikan sosial adalah seperti dalam Rajah 4.4.

[467] Sayed nazar ( ketua OKP), dalam temubual dengan penulis.

Rajah 4.4
Program-Program Kebajikan Sosial Yang Dilaksanakan Oleh Program CSR BMI, Melalui BMM Dalam Program Khas Di Aceh




Sumber: diubahsuai daripada hasil temubual dengan penulis, bertarikh 11 September 2013.

Sikap bantu-membantu amat dianjurkan dalam Islam dan sudah pasti Allah SWT membalas kebaikan tersebut di akhirat kelak. Sikap ini juga merupakan tabiat manusia sehingga Islam memandang bahawa manusia lebih cenderung untuk menjadi insan yang baik berbanding dengan insan jahat.[468]

Islam bukan agama individu di mana harta mereka digunakan untuk keperluan diri dan keluarga sahaja. Malah Islam adalah agama masyarakat dan segala harta yang dimiliki bukanlah mutlak sebagai harta peribadi.[469] Ini berdasarkan kepada firman Allah SWT melalui surah al-Maidah ayat 5:2:

---

[468] Aidit Ghazali, "*development An Islamic perspective*", petaling jaya: pelanduk publications, (1990),63
[469] Jaafar Salleh, "Pandangan Ahli Korporat, Ekonomi Dan Perniagaan Secara Islam", kuala lumpur, al hidayah publishers,(2001) 22

وَتَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْبِرِّ وَٱلتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا۟ عَلَى ٱلْإِثْمِ وَٱلْعُدْوَٰنِ ۚ وَٱتَّقُوا۟

ٱللَّهَ ۖ إِنَّ ٱللَّهَ شَدِيدُ ٱلْعِقَابِ ﴿٢﴾

al-Maidah 5:3

Terjemahan: hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa Yang melanggar perintahNya).[470]

Rajah 5.4 menunjukkan bahawa program pembangunan ekonomi di Aceh terbentuk dengan pelaksanaan pembangunan kebajikan sosial melalui program CSR BMI di Aceh. Di antaranya: Bedah Rumah, Khatan Massa, Kesihatan, Sumbangan Ramadan. Pelaksanaan program kebajikan ini telah menyokong pembangunan ekonomi kepada masyarakat Aceh. Konsep keadilan sosial merupakan prinsip perundangan ketuhanan,[471] ia melibatkan keadilan manusia yang komprehensif meliputi kesemua aspek dan faktor-faktor asas kehidupan manusia termasuk nilai-nilai ekonomi dan material, nilai-nilai akhlak dan kerohanian .[472]

## 4.3. Perancangan Program Yang Akan Dilaksanakan BMI Dalam Pelakasanan CSR Melalui BMM Di Aceh.

Pengurus Baitul Maal Muamalat (BMM) cawangan Aceh, menyatakan akan membuat pelbagai program untuk kemandirian sekolah khususnya untuk anak yatim di Wilayah Sigli, Meureudu, Aceh Utara dan Jantho. Sebagaimana hasil temubual dengan Gunawan Ketua ISS Jantho.

---

470 Muhammad ‘Uthman El-Mahmudy, “ Al-Qur’an ‘L-Karim: Terjemah Dan Huraian Maksud, Jil. I ” Dewan Bahasa Dan Pustaka, (2001), 455

471 Muhammad Muslehuddin, *Economic And Islam,* cetakan kedua, Lahore: Islamic publications, (1980),88

472 Muhammad syukri salleh, pembangunan berteraskan Islam, 91

*Kami telah merancang beberapa program untuk kemandirian sekolah maksudnya income dari pada hasil tersebut bisa membantu sekolah dalam untuk melaksanakan program program tambahan kepada anak yatim, seperti penanaman pohon segong di pengunungan janthon, dan kami telah kami rancangkan.*[473]

Selain itu, masih dalam perancangan untuk menyediakan kedai perkhidmatan telefon tangan di Sigli dan kedai bengkel di Sigli dan Meuredu. Tujuannya adalah untuk penerusan hidup anak-anak yatim yang mana mereka sebelum ini diberikan kemahiran dalam bidang tersebut.

Sebagai sebuah entiti korporat, BMI telah melaksakan komitmen CSR dengan berperanan dalam pembangunan ekonomi secara berterusan guna melalui peningkatan kualiti kehidupan dan persekitaran yang bermanfaat, baik kepada korporat sendiri, komuniti tempatan dan masyarakat pada umumnya. Sebagai mana telah dinyatakan dalam laporan BMI:

*"BMI selalu berperanan akrif dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat melalui program CSR terutama bagi masyarakat sekeliling peruhaan yang di lakukan dengan program berterusan"*[474]

CSR merupakan sebuah konsep pembangunan berterusan di mana ia merupakan satu bentuk peranan korporat yang tidak hanya mengejar keuntungan semata-mata tetapi turut memantau serta menghulurkan bantuan demi kesejahteraan masyarakat sekeliling. Dalam menjalankan misi CSR, BMI melaksanakannya tidak hanya untuk menggugurkan kewajipan terhadap akta kerajaan Indonesia,[475] akan tetapi konsep

---

[473] Gunawan ( ketua ISS) dalam temua bual dengan penulis

[474] Bank muamalat " Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010",227

[475] Undang-udang republik Indonesia nomor 25 tahun 2007 tentang penanaman modal mengamanahkan agar "setiap penanaman modal berkewajiban melaksanakan tanggung jawab sosial perusahaan" ( pasal 15 ayat B), serta memenuhi ketentuan good corporate govenance ( GCG) . Hal ini diperkuatkan dengan dikuatkuasakan undang-undang PT No. 40 Pasal 74 yang isinya mewajibkan pelaksaan CSR bagi perusahaan-perusahaan yang terkait terhadap Sumber Daya Alam (SDA) dan yang menghasilkan limbah. Adapun isi dari pasal terebut adalah:

1. Dijelaskan bahwa perseroan yang menjalankan kegiatan usahanya dibidang dan/atau berkaitan dengan sumber daya alam wajib melaksanakan tanggung jawab sosial dan lingkungan.

pengagihan kekayaan secara Islam yang selalu diamalkan.[476] Hal ini kerana pemikul tanggungjawab itu mencerminkan fungsi kewujudan manusia dan alam. Masing-masing dengan tugasnya dan pada waktu sama berhubungan secara harmoni, sesuai dengan nilai-nilai cinta di antara satu sama lain, perasaan persaudaraan, semangat tolong-menolong dan semangat kerjasama sebagai fitrah semula jadi manusia.[477] Huraian ini bersesuaian dengan konsep CSR dalam Islam, dengan menempatkan Allah SWT sebagai pihak paling tinggi dan menjadi satu-satunya tujuan hidup manusia.[478] Seperti yang ditujukan pada rajah 4.5

Rajah 4.5.
Rangkuman Pelaksaan CSR Dalam Islam




Sumber: Kajian Teori Dan Pelaksaan dalam Bab II

2. Dijelaskan bahwa tanggung jawab sosial dan lingkungan itu merupakan kewajiban perseroan yang dianggarkan dan diperhitungkan sebagai biaya perseroan yang dianggarkan dan diperhitungkan sebagai biaya perseroan yang pelaksanaannya dilakukan dengan memerhatikan kepatutan dan kewajaran.
3. Menggariskan perseroan yang tidak melaksanakan kewajiban sebagaimana Pasal 1 dikenai sanksi sesuai dengan ketentuan peraturan perundang-undangan.

[476]Bab III, Selain melaksanakan CSR melalui BMM, BMI juga mengeluarkan Rp.2.135.713.982 unutk dana CSR secaa langsung, yang terdiri dari Rp.1.432.88.400. untuk dakwah Islam dan pembangunan pesantren, Rp. 423.344.583 untuk bantuan kesehatan dan Rp. 289.499.000 untuk bantuan pendidikan

[477] Muhammad syukri salleh, pembangunan berteraskan Islam, kuala lumpur: fajar bakti petaling jaya SDN. BHD ( 1987)88

[478] Bab II

Berdasarkan rajah 4.5, CSR dalam Islam sangat amat terkaitan rapat dengan kerohanian[479] dengan menetapkan Allah SWT sebagai *stakeholder* tertinggi. *Stakeholder* kedua adalah manusia dan *stakeholder* yang ketiga adalah alam. Berdasarkan pendekatan rohani, Islam mengatur antara manusia dengan tuhan; manusia dengan manusia; dan manusia dengan alam atau lingkungan.[480]

Ertinya keyakinan kepada Allah SWT membawa kepada amal salih. Ia diterjemahkan kedalam hubungan manusia dengan Allah SWT (*hab min Allah*), hubungan sesame manusia (*hab min al-nas*) dan juga hubungan dengan alam semesta.[481] Berdasarkan ketiga-tiga hubungan ini, nilai-nilai ketuhanan dan kemanusiaan yang bersifat *intrinsic* (dalaman) mahupun *ekstrinsik* (luaran) mendasari etika sebuah korporat dalam berniaga.

Pendekatan tauhid yang dilakukan dalam pelaksaanan CSR di BMI dapat mengikat korporat dengan hakikat iman, ilmu dan amal. Tauhid menekankan kesetiaanya kepada Allah dan Rasul SAW. sebagai nilai utama yang mengatasi segala nilai lain. Ia memberikan bahawa setiap kebaikan pekerjaan adalah untuk kebaikan manusia dengan hubungan mendapatkan keredaaan Allah SAW., bukan untuk matmalat kebendaan.

Sesuai dengan harapan BMI, bahawa pelaksanaan CSR melalui BMM dapat mendukung keberlangsungan pendidikan anak yatim untuk menjadi mandiri

---

[479] Kerohanian dalam CSR bermakna Taqwa.

[480] Teori CSR dalam Islam BAB II

[481]Yon Noor Haniza Samsudin, Nor ‘Azzah Kamri "Pendekatan Tauhidu Dalam Pembangunan Usahawan Muslim" dalam *keusahawan Islam: konsep dan isu pelaksanaan,* ed Nor ‘azzah Kamri et all ( JPS, Universiti Malaya: Kuala Lumpur 2009, 19) dan lihat sheik Ghazali Sheik Abod " pengurusan perniagaan Islam: suatu perbandingan " dalam sheikh Ghazali Sheikh Abod et.al (ed), *penugusan perniagaan Islam.* Shah Alam: penerbit Hizbi (1991), 15 dan shaharom TM sulaiman, *Pengurusan Islam Dan Pembangunan Manusia.* Selangor: thinker's library Sdn, (1997), 5. Menuurt Muhammad ‘abd Allah Darraz, nilai ketiga-tiga hubungan ini amat penting dan merupakan langkah terawal kea rah pembentukan akhlak dan individu. Lihat Muhammad ‘abd Darraz, Dustur al-akhlak fil al –qur'a. Beirut: mu'assasah al-risalah, (1982), 330-339

(berpeluang kerja).[482] Maka BMI mengetapkan bahawa dana CSR digunakan untuk kepedulian sosial masyarakat seperti program pendidikan, kesihatan, dakwah dan sosial, serta ekonomi produktif dan pendampingan[483] anak yatim. Hal ini dibuktikan dengan terlaksananya program pembangunan ekonomi di Aceh melalui program khusus, seperti program pembangunan ekonomi yang terlaksana di Aceh melalui pembangunan ekonomi, pembangunan sumber manusia dan pembangunan sosial kebajikan. Seperti yang ditunjukan oleh rajah 4.6.

Sesuai dengan harapan BMI, pelaksanaan CSR melalui BMM juga dapat mendukung kelangsungan pendidikan anak yatim untuk menjadi lebih berdikari di masa hadapan.[484] Maka BMI mengagihkan dana CSR untuk tujuan sosial masyarakat seperti program pendidikan, kesihatan, dakwah dan sosial, serta ekonomi produktif dan pendampingan (tutor). Hal ini terbukti dengan terlaksananya program pembangunan ekonomi di Aceh melalui program khusus, seperti program pembangunan ekonomi yang terlaksana di Aceh melalui kemandirian ekonomi (pembangunan ekonomi), pembangunan sumber manusia dan pembangunan sosial kebajikan. Seperti yang ditunjukan oleh rajah 4.6.

---

[482] Bank muamalat " Expanding the market with solid bisnis foudation, Laporan tahunan 2010" 220
[483] Memberikan panduan
[484] *Ibid.*

Rajah:4.6
Pelaksanaan CSR BMI melalui BMM dalam pembangunan ekonomi Masyarakat Aceh




Sumber: diubah suai dari hasil temubual dengan pejabat BMM (Gunawan, Khairunisa', ridhwan maulana)

Melalui program ini, ia dapat membantu pembangunan ekonomi masyarakat Aceh, seperti jaminan kelangsungan hidup bagi golongan fakir miskin, pelwang pekerjaaan bagi masyarakat sekitar, bantuan pendidikan kepada anak yatim, latihan kemahiran, jaminan kesihatan serta kebajikan sosial.

Berdasarkan rajah 4.6 menunjukkan hasil dapatan kajian terhadap pelaksanaan program CSR BMI telah berperan dalam membangunankan ekonomi masyarakat Aceh. Ini dibuktikan dengan peranan yang dimainkan oleh BMM dalam melaksanakan program CSR mencakupi komponen asas daripada pembangunan pembangunan ekonomi Islam. Seperti mana yang digambarkan dalam rajah 4.7[485]

[485] Asmak Ab Rahman (2009), " Peranan Wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di malayasia", *jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1, januari-april 2009, 113-152.

Rajah 4.7
Komponen Asas Pembangunan Ekonomi




Sumber: Dipetik daripada Asmak Ab Rahman (2009), " Peranan Wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di malayasia", *jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1, januari-april 2009, 113-152.

Berdasarkan teori pembangunan dalam rajah 4.1 menunjukkan bahawa program CSR anjuran BMM amat sesuai dengan matlamat ekonomi, iaitu pembangunan diukur daripada aspek pembangunan kebendaan dan juga pembangunan kerohanian, yang mana matlamat utama adalah memuliakan martabat manusia dalam kehidupan di dunia dan akhirat.[486]

Pembangunan ekonomi yang menyeluruh bukan sahaja bersandarkan kepada peningkatan dalam aspek ekonomi sahaja malah meliputi aspek kualiti hidup. Justeru, aktiviti-aktiviti pembangunan sumber manusia yang dijalankan BMM dalam misi CSR dilihat dapat membantu kepada peningkatan pendidikan dan sosial masyarakat di sekitar Aceh.

---

[486] Nik Mustapha nik hasan, "Sumbangan Institusi Wakaf Kepada Pembagunan Ekonomi", dalam nik Mustapha nik Hassan (ed), konsep dan pelaksanaan wakaf di malaysia, kuala lumpur: institusi kefahaman malayasia (IKIM) Bil. I, 1

